



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House Of Representatives

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir [Ruangan 17]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 17]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 35]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 35]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 36]

Cuti Y.B. Tuan Abdullah Majid dan Y.B. Datuk Abdullah Ahmad—Kebenaran
[Ruangan 38]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 38]

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Tuan Azahari bin Md. Taib [Ruangan 77]

MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah
(Pindaan), 1978 [Ruangan 77]

KANDUNGANNYA—(samb.)

**Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1978
[Ruangan 77]**

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 78]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG PREBET:

Akta Ahli-ahli Parlimen (Pencegahan Memaling Tadah), 1978 [Ruangan 78]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 99]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 100]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN ONN, D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M.,
A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI
ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI
KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M.,
A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S.
(Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG
(Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI
RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH
CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF
(Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S.
(Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN,
K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON,
J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN
OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI
ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FARN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- Yang Berhormat DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K.
(Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M.
(Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA DATO' NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 21hb Mac, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir.

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA TIMBALAN YANG
DIPERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam, 20hb Mac, 1978, Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja di dalam Parlimen ini. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya arahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan di dalam Penyata Rasmi Parlimen.

Bismillahir-rahmanir-rahim.

Segala puji kepada Allah Subha-nahu-wataala, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad Salla'llahu 'alaihi wa-sallam.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat:

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subha-nahu-wataala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena upacara pembukaan resmi Penggal Keempat, Parlimen Keempat pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Tahun ini merupakan tahun ketiga dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang merupakan satu langkah penting dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Beta gembira melihat kemajuan yang telah tercapai sehingga ini dalam berbagai bidang. Beta menggesa seluruh rakyat sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan melibatkan diri sepenuhnya dalam usaha ke arah mencapai keteguhan negara.

Sesungguhnya perpaduan rakyat di kalangan masyarakat yang berbilang keturunan menjadi asas yang penting bagi mencapai keteguhan negara. Untuk mencapai perpaduan yang kukuh dan kekal, dasar dan usaha ke arah pengurangan jurang perbezaan antara miskin dan kaya dan pencapaian perimbangan yang lebih di kalangan rakyat perlulah difaham dan disokong oleh rakyat keseluruhannya. Setakat ini sebahagian daripada matlamat ini telahpun dicapai. Oleh itu Beta menyeru supaya golongan-golongan tertentu tidak salah faham atau sengaja menyalahafsirkan dasar-dasar negara. Janganlah hendaknya ada golongan yang mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan keadilan sosial kerana ini akan membantutkan usaha-usaha ke arah perpaduan dan keteguhan. Beta yakin dengan sikap yang lebih positif perpaduan negara dapat diperkukuhkan.

Seperkara yang penting bagi mencapai kesetabilan dan keteguhan negara ialah kesanggupan untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang atau "rule of law" oleh semua pihak dari semua peringkat. Beta bersyukur kerana ini difahami oleh semua pihak dan Beta berharap pegangan kepada prinsip ini tidak akan menjadi lemah walau apa pun berlaku. Beta juga harap sekalian rakyat bersama-sama menghayati dan memberi makna kepada Rukun Negara kita.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subha-nahu-wataala kerana keadaan keselamatan negara semakin baik dan sentiasa terkawal. Ini adalah hasil daripada gerakan dan dayausaha yang berlipat ganda oleh Pasukan Keselamatan Beta di samping kerjasama yang erat dan sokongan rakyat, terutama sekali melalui penyertaan dan penglibatan mereka dalam RELA dan Rukun Tetangga. Berhubung dengan kawalan keselamatan, Beta amat berterima kasih kerana kerjasama erat yang telah diberi dan ditunjukkan oleh Indonesia, Singapura dan Thailand.

Beta yakin dengan semangat yang tinggi, dedikasi dan taat setia Pasukan Keselamatan Beta, negara kita akan terus berada dalam suasana aman. Walau bagaimanapun, cabaran terhadap keselamatan negara daripada anasir-anasir kominis, sabversif dan anti-nasional akan terus dihadapi. Oleh itu, untuk menjamin keamanan kita perlu berwaspada sepanjang masa.

Dalam bidang hubungan antarabangsa, Kerajaan Beta akan terus mendukung dan mengamalkan dasar aman, bebas dan berkecuali. Di samping itu, Kerajaan Beta akan mempergiatkan lagi usaha-usaha mengujudkan persefahaman dan kerjasama negara-negara di rantau ini dan juga mengutamakan penjalinan perhubungan dengan negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Pertukaran lawatan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri Beta yang dikasahi dan Ahli-ahli Jumaah Menteri serta pegawai-pegawai tinggi dengan negara-negara sahabat telah berjaya memupuk persefahaman serta kerjasama yang erat.

Dalam hubungan ini, Persidangan Kemuncak ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos yang lalu yang disusuli dengan perjumpaan antara Ketua-ketua Kerajaan Australia, Jepun dan New Zealand dengan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN merupakan satu kejayaan yang amat besar bagi negara kita. Di samping itu perjumpaan ini memberi makna kepada konsep ASEAN dan mencerminkan hasrat Malaysia untuk berbaik-baik dan bekerjasama dengan negara-negara jiran.

Sejajar dengan dasar ini Kerajaan Beta telah berusaha merapatkan perhubungan dengan Kampuchea, Laos dan Vietnam. Adalah diharap persefahaman dan kerjasama yang ujud akan menstabilkan keadaan di Asia Tenggara ini.

Dalam hubungannya dengan negara-negara Komenwel, negara kita telah memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam bidang politik dan ekonomi di Persidangan Ketua-ketua Negara Komenwel di London pada tahun lalu dan di Sydney, Australia baru-baru ini.

Kita harus bersyukur ke hadrat Allah Subha-nahu-wataala kerana negara kita ini kaya dengan sumber-sumber hasil bumi. Kerajaan akan meningkatkan usaha supaya sumber-sumber kekayaan ini digunakan untuk faedah rakyat keseluruhannya. Untuk menentukan nikmat ini memberi faedah dengan lebih berkesan, rakyat perlu mempunyai pandangan luas dan sanggup bekerja keras serta bersedia memperolehi kemahiran dalam bidang sains dan teknologi. Keteguhan negara keseluruhannya juga bergantung pada ujudnya tenaga pekerja yang berpelajaran, pengurusan yang bijak dan jujur, yang lengkap dengan kemahiran saintifik dan teknik di semua peringkat dalam sektor awam dan sektor swasta.

Di samping usaha-usaha yang disebutkan tadi, Kerajaan Beta akan terus menggunakan Belanjawan Tahunan Negara sebagai alat pembangunan dan untuk menjamin pembangunan bagi tahun itu. Ini ialah supaya usaha pembangunan berjalan dengan memuaskan mengikut rancangan jangka panjang kita di samping mengawal kedudukan harga. Sebagai satu cara memesatkan pembangunan di kawasan yang mundur, rancangan pembangunan wilayah akan terus diselenggarakan.

Pelajaran akan terus diberi perhatian yang berat. Di samping peruntukan yang biasanya terbesar sekali bagi sesuatu Kementerian, berbagai cara akan digunakan untuk memberi peluang yang lebih banyak bagi mendapat pelajaran, serta mempelbagaikan jenis-jenis mata pelajaran yang dianggap sesuai dengan aliran pembangunan.

Dalam usaha meninggikan lagi mutu kesihatan rakyat, selain daripada tumpuan kepada kawasan-kawasan bandar, Kerajaan Beta akan terus memberi keutamaan untuk meluaskan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian kepada penduduk-penduduk luar bandar. Bagi mencapai tujuan ini lebih banyak lagi hospital daerah, pusat kesihatan, klinik desa dan lain-lain kemudahan kesihatan dan perubatan akan diadakan.

Bagi penduduk dalam bandar dan di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan pula, Kerajaan Beta akan terus menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lebih bermutu.

Dalam usaha mencapai pembangunan yang teguh dan kukuh, keagamaan, nilai rohaniah dan akhlak yang baik bagi tiap-tiap individu amatlah penting. Dengan terbentuknya individu yang teguh dan berdisiplin perbuatan menyalahguna dadah, jenayah serta kegiatan-kegiatan sabversif dan pro-komunis tidak akan berlaku. Keteguhan tiap-tiap individu menentukan keteguhan masyarakat dan negara.

Keteguhan negara juga bergantung kepada kepimpinan yang bijak dan jujur. Kepimpinan ini diperlukan di semua peringkat dan di dalam semua bidang. Oleh kerana rakyat sentiasa mengharapkan kepimpinan yang bijaksana dan jujur di semua peringkat, samada di bidang politik, awam atau swasta, kita tidak harus membenarkan sebarang penyelewengan berlaku di kalangan pemimpin. Mereka hendaklah sentiasa meletakkan kepentingan negara di atas lain-lain kepentingan.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Kerajaan Beta faham dan sedar tentang unsur-unsur keteguhan negara dan cabaran-cabaran yang sedang dan akan kita hadapi. Oleh itu, Kerajaan Beta akan meneruskan langkah-langkah untuk menentukan bukan sahaja keteguhan negara tercapai tetapi segala cabaran dapat dihadapi dan diatasi.

Kemajuan sektor perusahaan telah diberi peranan yang penting dalam usaha kita untuk membangunkan ekonomi negara. Di bidang ini Kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan penanaman modal dari pihak swasta samada dari dalam atau dari luar negeri. Walaupun pada mulanya kecurigaan telah timbul terhadap kesan Akta Penyelarasan Perindustrian, tetapi penguatkuasaan undang-undang ini tidak menjadi halangan terhadap perkembangan perusahaan. Kerajaan Beta yakin dengan penerimaan Akta Penyelarasan Perindustrian menjadi menyeluruh, pembukaan perusahaan yang mula meningkat sekarang akan terus maju dengan pesatnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Beta akan sedia menimbangkan apa jua pindaan jika difikirkan perlu.

Dalam usaha memajukan perdagangan dan perusahaan dalam negeri, Kerajaan Beta juga sedang bergiat untuk mengujudkan tenaga buruh yang terlatih dan berdisiplin. Hubungan antara majikan dan pekerja akan diperbaiki lagi melalui dasar-dasar perusahaan yang lebih sesuai untuk kepentingan negara kita. Janganlah hendaknya mana-mana pihak mengurangkan peluang-peluang pekerjaan dengan mengambil tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Dalam bidang perusahaan barangan utama, usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk meninggikan keupayaan dan mutu pengeluaran melalui penyelidikan dan pembangunan. Dengan ini kemungkinan merosotnya harga dan persaingan oleh sumber-sumber tiruan dipercayai akan diatasi. Penubuhan satu pasaran barangan kelapa sawit dan bijih timah dan

penubuhan sebuah pusat penyelidikan bagi kelapa sawit sedang diuruskan di negara ini. Di samping itu Kerajaan Beta, bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN dan negara-negara maju yang lain, sedang berusaha membentuk Perjanjian Antarabangsa Mengenai Penstabilan Harga Getah Asli dan Rancangan Penyatuan Barangan di bawah UNCTAD. Langkah-langkah ini adalah sumbangan negara kita bagi mencapai imbangan perdagangan antara negara yang maju dan yang sedang membangun supaya ujud satu Peraturan Baru Ekonomi Antarabangsa.

Kerajaan Beta akan menumpukan perhatian dan usaha untuk meningkat taraf pengurusan dalam perbadanan-perbadanan awam untuk menentukan kejayaan perbadanan tersebut.

Melalui rancangan-rancangan pembukaan tanah, Kerajaan telah dapat memberi perhatian yang khusus kepada keperluan memesatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan luarbandar yang kurang maju. Usaha-usaha ini telah membuka peluang-peluang pekerjaan baru di kalangan penduduk luarbandar dalam berbagai aktiviti ekonomi seperti pemasaran, pengangkutan dan perkembangan pertanian.

Sebagai sebuah negara yang berasaskan kepada pertanian, Kerajaan Beta akan terus mempelbagai dan memodenkan usaha-usaha pertanian yang saintifik, dengan lebih teratur lagi, supaya menambahkan hasil pengeluaran pertanian untuk keperluan negara dan eksport. Langkah-langkah ini akan meninggikan taraf hidup serta kemewahan segolongan besar rakyat jelata, yang menjadi unsur keteguhan negara.

Dalam usaha Kerajaan mencapai keteguhan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam adalah penting. Kerajaan Beta akan memperhebatkan lagi program bekalan air dan bekalan elektrik khususnya di luarbandar. Untuk memesatkan pembinaan jalanraya dan kemudahan-kemudahan awam yang lain, satu strategi baru akan dilaksanakan supaya pihak swasta dapat memainkan peranan yang lebih luas dan berkesan.

Dalam bidang perhubungan, dasar Kerajaan Beta ialah untuk menyelaras segala perkembangan dan pembangunan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan laut, udara dan darat termasuk perkhidmatan pos dan talikom supaya sistem perhubungan di negara kita akan dapat berjalan dengan lebih lancar lagi teratur. Di samping itu sebagai daya usaha mengembangkan perdagangan dari dalam dan luar negeri, langkah-langkah sedang dan akan diambil bagi membina, memperbaiki dan membesarkan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Kerajaan Beta menganggap pembangunan ekonomi dan fizikal mengandungi kemajuan sosial, kebajikan manusia dan juga aspek-aspek kemasyarakatan yang lain. Untuk mencapai kualiti dan taraf hidup yang lebih tinggi, Kerajaan Beta akan terus mengutamakan kepentingan alam sekitar, ekoloji dan masalah-masalah pencemaran alam yang lain.

Usaha-usaha mengatasi masalah dan memenuhkan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah akan dipergiatkan lagi pada tahun ini. Di samping itu, Beta berharap pihak swasta dan awam akan berkerjasama antara satu sama lain supaya tidak terganggu rancangan ini.

Tenaga belia dari semua keturunan akan terus digembeling ke arah kegiatan-kegiatan yang berguna dan berdisiplin. Langkah-langkah sedang diambil untuk menubuhkan sebuah lagi pusat latihan belia. Di bidang ekonomi juga Kerajaan Beta akan menentukan peranan yang lebih untuk belia. Oleh itu, Beta menyeru para belia supaya menyediakan diri dan menanamkan semangat kerjasama dalam usaha-usaha ekonomi semoga golongan belia dapat mengambil tempat yang sewajarnya dalam pembangunan ekonomi negara. Sementara itu, Kerajaan Beta akan terus mengadakan latihan rohaniah, secara meluas di kalangan belia dengan harapan mereka menjadi rakyat yang taat setia, benar-benar berpandukan Rukun Negara, berbudi dan bermoral tinggi.

Bagi membina negara yang maju dan sihat kegiatan sukan dan olahraga amatlah mustahak. Kerajaan Beta akan terus menyediakan lebih banyak padang-padang dan gelanggang-gelanggang permainan di dalam dan di luarbandar dan akan terus menggalak dan membantu kegiatan-kegiatan itu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kerajaan Beta tidak melupakan golongan-golongan yang cacat anggota dan yang kurang bernasib baik. Sebuah bengkel bagi orang-orang cacat bekerja secara terlindung hampir siap dibena. Untuk wanita-wanita yang terjerumus ke lembah pelacuran, sebuah pusat pemulihan yang baru telah mulai berjalan dalam tahun ini dan sebuah lagi adalah dalam pembinaan. Beta menghargai penglibatan badan-badan sukarela dalam segala kegiatan kebajikan, terutama sekali dalam usaha-usaha menghapuskan penyalahgunaan dadah.

Usaha-usaha pembangunan negara merangkumi semua bidang kehidupan rakyat. Kerajaan akan memperhebatkan penggunaan semua saluran penerangan untuk menimbulkan kesedaran rakyat supaya lebih faham terhadap konsep dan matlamat pembangunan negara. Oleh itu Beta menyeru rakyat sekalian supaya memahami benar-benar akan dasar dan matlamat negara dan menyambut seruan Kerajaan dengan penuh tanggungjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat:

Sesungguhnya, keteguhan negara bergantung kepada keteguhan rakyatnya. Perpaduan di kalangan rakyat di semua peringkat dan dalam semua bidang akan menjamin keteguhan dan kekuatan rakyat. Cogan kata negara kita ialah "Bersekutu Bertambah Mutu". Hanya rakyat yang bersatupadu dan berusaha untuk mencapai matlamat yang sama sahaja dapat melahirkan bangsa dan negara yang teguh. Beta menyeru sekali lagi supaya rakyat meletakkan kepentingan negara di atas segala kepentingan yang lain. Dengan semangat perpaduan dan kerjasama yang jujur, dengan menjunjung tinggi prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara, Beta yakin segala cabaran dan masalah yang kita hadapi akan dapat kita atasi dengan jayanya.

Beta sukacita mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Perdana Menteri Beta yang dikasihi kerana dengan pimpinan dan perkhidmatan beliau serta sokongan semua Ahli-ahli Jumaah Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka negara kita sentiasa berada di dalam keadaan aman dan makmur. Begitu juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk pegawai-pegawai dan anggota tentera dan polis yang telah memberikan sumbangan mereka yang cemerlang dan menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka dengan penuh taat setia.

Beta berdoa ke hadrat Allah Subha-nahu-wataala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kewajipan yang diamanahkan.

The English Translation is as follows:

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may the Blessings and Peace of Allah be upon our Prophet Muhammad.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat:

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, for His Grace and Blessings which enable me to deliver this Address on the occasion of the official opening of the Fourth Session of the Fourth Parliament today.

Honourable Members:

This is the third year of the implementation of the Third Malaysia Plan which constitutes an important step towards the success of the New Economic Policy. I am pleased to note the progress achieved thus far in the various fields. I urge my people to be prepared at all times to face the challenges and to involve themselves fully in the efforts to achieve greater strength for the nation.

Unity in a multi-racial society is truly an important foundation for achieving national strength. In order to establish a sound and lasting unity, policies and efforts towards reducing the imbalance between the poor and the rich and attaining a fairer distribution of wealth among the people must be understood and supported by all. Presently, some of these objectives have been achieved. I, therefore, call upon everyone not to misunderstand or purposely to misinterpret national policies. No group should selfishly disregard social justice as this will impede our efforts towards achieving unity and strength. I am confident that with a more positive attitude national unity can be further strengthened.

An essential element in the achievement of stability and national strength is the willingness of the people in all walks of life to defend and uphold the rule of law. I am thankful that this has been understood by all and I hope that the commitment to this principle will not weaken, whatever happens. I also hope that the people will truly cherish and give meaning to the principles of our Rukun Negara.

I offer my humble gratitude to Allah, Lord of the Universe, because the security situation in the country has improved and is always under control. This is due to the intensified operations and initiatives of my Security Forces together with the close co-operation and support of the people, especially through their participation and involvement in the RELA and Rukun Tetangga. With regard to the preservation of security, I would like to express my heartfelt gratitude for the close co-operation extended by Indonesia, Thailand and Singapore.

I am confident that with the high morale, sense of dedication and loyalty of my Security Forces, our country will continue to enjoy peace. Nevertheless, the challenges to the security of the nation from the communists, subversives and anti-national elements will continue. Therefore, to ensure peace, we have to be eternally vigilant.

In the field of international relations, my Government will continue to uphold and to pursue the policy of peace, freedom and neutrality. At the same time, my Government will intensify its efforts to attain understanding and co-operation among nations in this region and to give priority to the establishment of close relations with friendly countries and other international bodies. The exchange of visits by my beloved Prime Minister and Cabinet Ministers as well as senior Government officials with friendly countries have succeeded in promoting understanding and better co-operation.

In this connection, the ASEAN Summit Conference held in Kuala Lumpur last August, followed by a meeting of the Heads of the Government of Australia, Japan and New Zealand with the Heads of the Government of the ASEAN constitute a major achievement for our country. Besides, these meetings also constitute a meaningful manifestation of the concept of ASEAN and reflect Malaysia's desire to be friendly and to co-operate with neighbouring countries.

In accordance with this policy, my Government has strived for closer relations with Kampuchea, Laos and Vietnam. It is hoped that the understanding and co-operation which has been established will contribute to the stability of Southeast Asia.

In its relations with Commonwealth countries, our country has played an important and effective role in political and economic matters at the Commonwealth Heads of Government Meeting in London last year and in Sydney, Australia recently.

We should be grateful to Allah, Lord of the Universe, because our country is richly endowed with natural resources. The Government will increase its efforts so that these resources will be exploited for the benefit of the people as a whole. In order to ensure that these resources would yield the greatest benefit, the people must be more enlightened and willing to work hard and be prepared to acquire scientific and technological skills. The strength of the nation as a whole is also dependent on the availability of an educated manpower, sound and sincere management, and citizens who are equipped with scientific and technical skills at all levels in the public as well as the private sector.

Besides the measures mentioned earlier, my Government will continue to use the nation's Annual Budget as a tool for general development as well as to ensure development for that year. This will ensure that development programmes are carried out satisfactorily in accordance with our long-term plan while maintaining stable prices. As a means to intensify development in economically depressed areas, regional development programmes will continue to be implemented.

Serious attention will continue to be given to education. Apart from being given the largest budget allocation for any single ministry, various means will be employed to provide more educational opportunities and to diversify the curricula in conformity with the trends in development.

In our efforts to raise the standard of health among the people, my Government will continue to give priority to extending medical, health and dental services to the rural population, in addition to the amenities for the urban areas. To achieve this objective, more district hospitals, health centres, rural clinics and other health and medical facilities will be made available.

For those in the urban and local government areas, my Government will continue to provide better public utilities and services.

To achieve sound development, the religious, spiritual and moral values of every individual are of paramount importance. With the creation of such individuals, the incidence of drug abuse, criminal, subversive and pro-communist activities will be reduced. The strength of each individual determines the strength of the society and the nation.

National strength is also dependent on sound and sincere leadership. Such leadership is needed at all levels and in all fields. As the people expect the leadership to be wise and sincere at all levels, whether in politics, the public or private sectors, we must not permit any deviation to occur among leaders. They must always place national interests above all other interests.

Honourable Members:

My Government understands and is fully aware of the sources of national strength and of the challenges facing us now and in the future. My Government will, therefore, continue to take measures not only to ensure the achievement of national strength but also to face up to and to overcome all challenges.

The development of the industrial sector has been given an important role to play in strengthening the national economy. The Government is thus continuing to encourage local and foreign investments. Even though, initially, there appeared to be doubts regarding the effect of the Industrial Coordination Act, the implementation of this law has not hampered industrial development. My Government is confident that with the acceptance of the Act becoming more universal, industrial development which is now improving will continue to progress more rapidly. Nevertheless, my Government is prepared to consider any amendment should this be deemed necessary.

In the efforts to develop trade and industry within the country, my Government is actively building up a trained and disciplined labour force. Employer-employee relations will be further improved through appropriate industrial relations policies formulated for the benefit of the country. No individual or group should, therefore, do anything irresponsible which can jeopardise employment opportunities.

In the primary industries, efforts are being made to enhance the quality and productivity through research and development. Through this, it is hoped that price depreciation and competition from synthetics will be overcome. An oil palm and tin commodity exchange and a research centre for oil palm are being established locally. In co-operation with ASEAN countries and some developed nations, my Government is working towards the establishment of an International Natural Rubber Agreement on Price Stabilization and an Integrated Programme for Commodities under UNCTAD. These measures constitute our country's contribution towards achieving a more balanced trade between the developed and the developing nations so as to establish a new International Economic Order.

My Government will focus its attention and strive to upgrade management capability in the public enterprises in order to ensure the success of these bodies.

Through land development programmes, the Government has succeeded in directing special attention to the need to intensify economic development in the less developed rural areas. This has created new employment opportunities among the rural population in various economic activities such as marketing, transportation and agricultural development.

As a basically agricultural country, my Government will continue to diversify and modernise scientific agricultural activities in a more systematic manner so as to increase agricultural production for internal consumption as well as for export. These measures will improve the standard of living and prosperity of a significant section of the population, who constitute a source of national strength.

In our efforts to achieve economic strength, the development of infrastructure and public utilities is important. My Government will intensify programmes for improving water supply and electricity especially in the rural areas. In order to accelerate construction of roads and other public utilities, a new strategy will be implemented to enable the private sector to play a bigger and more effective role.

With regard to communications, my Government's policy is to co-ordinate the expansion and development of such services as sea, air and land transportation, together with postal and telecommunications services in order that the country's system of communications will become more efficient and reliable. To improve internal and external trade, measures have been taken to build, improve and expand port facilities in the Peninsula, Sabah and Sarawak.

Honourable Members:

My Government considers economic and physical development to include social development, human welfare and other aspects of community development. To achieve a higher quality of life and standard of living, my Government will continue to give due consideration to environmental, ecological and other problems of pollution.

Efforts to overcome the problem of housing and to fulfil the needs of the low-income groups will be further intensified this year. In this connection, I hope the private and public sectors will co-operate so that these programmes will not be hampered.

The energy and strengths of youths of all ethnic origins will be harnessed in activities which are more beneficial and disciplined. Another youth training centre is in the course of construction. My Government will determine a bigger role for youths in the economy. I, therefore, call upon the young people to equip themselves and to inculcate a co-operative spirit in economic activities so that they can take their rightful place in the nation's economic development. At the same time, my Government will continue to provide spiritual training extensively among the youths with the hope that they will become loyal citizens, truly guided by the Rukun Negara and with a high sense of moral values.

In building a progressive and healthy nation, sporting activities are most important. My Government will provide more playing fields in the urban and rural areas and will foster and assist these activities at the national and international level.

My Government has not forgotten the plight of the handicapped and the less fortunate. A workshop for the handicapped is nearing completion. A new rehabilitation centre for wayward women has been commissioned this year and another one is under construction. I would like to express my appreciation to all the voluntary organisations for their participation in welfare activities, particularly in the elimination of drug abuse.

National development work embraces all aspects of the people's life. The Government will intensify the use of the mass-media to create an awareness and understanding among the people of the concepts and objectives of national development. I call upon the people to truly appreciate national policies and objectives and to respond to the call of the nation with a keen sense of responsibility.

Honourable Members:

National strength is indeed dependent upon the strength of the people. Unity among the people at all levels and in all fields of endeavour will ensure the firmness and strength of the people. Our nation's motto is "Bersekutu Bertambah Mutu" (Unity is Strength). Only a united people who strive to achieve a common goal will evolve into a strong nation. Once again, I call upon my people to place national interest above all other interests. With a sense of unity as well as sincere co-operation and by upholding the principles enshrined in the Rukun Negara, I am confident that whatever challenges and problems that we face can be successfully overcome.

It gives me great pleasure to take this opportunity to congratulate and express my thanks to my beloved Prime Minister whose leadership and services together with the support of all the members of the Cabinet and the Honourable Members have enable our country to enjoy peace and prosperity. I would also like to thank all Government officers and staff including officers and members of the Armed Forces and the Police who have rendered distinguished services and performed their duties and responsibilities with unswerving loyalty.

I pray to Allah, Lord of the Universe, that He may bestow His Blessings and Guidance on the Honourable Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in the discharge of the heavy responsibilities that have been entrusted upon them.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli baru kita dari Pontian yang telah mengangkat sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka juga hendak memberitahu bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1978;
2. Akta Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) 1977;
3. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 1978;
4. Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978;
5. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1978;
6. Akta Pelelong (Pindaan) 1978;
7. Akta Bank (Pindaan) 1978;
8. Akta Pencen (Pindaan) 1978;
9. Akta Kilang dan Jentera (Pindaan) 1978;
10. Akta Kemajuan Tanah (Pindaan) 1978;
11. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1978;
12. Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) 1978;
13. Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) 1978;
14. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1978;
15. Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978;
16. Akta Odit (Pindaan) 1978;
17. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan) 1978;
18. Akta Insurans (Pindaan) 1978;
19. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) (Pindaan) 1978;
20. Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978;
21. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 1978; dan
22. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1978.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“9hb November, 1977.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

“23hb Disember, 1977.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah memersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan, 1978.

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Negara.”

“20hb Januari, 1978.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2);
2. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2);
3. Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Bank (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Odit (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 4);
11. Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Pelelong (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan;
18. Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan);
19. Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas); dan
20. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) (Pindaan).

Tandatangan:
Yang di-Pertua Dewan Negara.”

**CUTI Y.B. TUAN ABDULLAH MAJID
DAN Y.B. DATUK ABDULLAH
AHMAD—KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertua, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagaan kepada (i) Yang Berhormat Tuan Abdullah Majid selama setahun mulai daripada 21hb Mac, 1978 dan (ii) Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad selama setahun mulai daripada 1hb Mac, 1978.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

KEROSAKAN PENGELUARAN PADI

1. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) samada banci “Kerosakan Padi” akibat kemarau di Kedah dan Perlis telah dijalankan. Jika ya, nyatakan luas tanah, anggaran kerosakan padi/nilai harga dan bilangan pesawah terlibat secara berasingan bagi kawasan MADA dan di luar kawasan MADA; dan
- (ii) samada bantuan untuk meringankan penderitaan pesawah-pesawah terlibat telah/akan diberi. Jika ya, nyatakan jenis dan kadar bantuannya.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):
Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Ya, dan angka-angka adalah di-anggarkan seperti berikut:

	Dalam Kawasan MADA	Luar Kawasan MADA
(a) Luas bendang meng- alami kemarau	237,000 ekar	48,560 ekar
(b) Bilangan petani terlibat	60,000 orang	28,600 orang
(c) Anggaran jumlah ke- rugian hasil padi	361,000 tan	80,241 tan
(d) Anggaran jumlah nilai kerugian hasil padi	\$170 juta	\$33.3 juta

- (ii) Beberapa bentuk bantuan untuk meringankan penderitaan petani-petani telahpun dirancangan.

Di dalam kawasan MADA, satu peruntukan bantuan khas Kerajaan Pusat sebanyak \$6.3 juta diadakan untuk menyediakan peluang-peluang bekerja sementara melalui projek-projek kecil membersihkan parit dan taliair, membina taliair-taliair sawah dan memperbaiki jalan-jalan ladang serta ban pantai. Selain dari itu projek pemeliharaan ayam secara berkelompok diadakan bagi petani-petani berkenaan.

Kementerian juga memperhebatkan Rancangan Bantuan Input, yang mana bantuan seperti benih, baja dan lain-lain diberi kepada petani-petani untuk tanaman padi yang akan datang. Bantuan seperti benih dan baja untuk tanaman jangka pendek juga diberikan kepada petani-petani.

Bagi petani-petani yang telah meminjam Kredit Jangka Pendek Pengeluaran Padi musim tahun 1977, Bank Pertanian Malaysia telah memberi kelonggaran cara membayar balik pinjaman.

Jabatan Parit dan Taliair pula akan mengadakan pekerjaan kepada petani-petani terlibat melalui projek-projek seperti mencuci taliair/parit, memperbaiki jalan-jalan ladang dan membina parit-parit kecil mengikut satu jadual yang sedang disusun.

Koperasi-koperasi Peladang di Negeri Perlis dan Kedah juga ada bantuannya sendiri kepada petani-petani di luar kawasan MADA, seperti memberikan pinjaman kredit yang tempoh bayarannya dilonggarkan sehingga tahun 1979.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor: Adakah Kementerian yang berkenaan puas hati segala bantuan-bantuan yang disebutkan tadi dapat mengatasi dua kesusahan yang ditanggung oleh penanaman-penanam padi yang terlibat iaitu pertama kesusahan kerana penghidupan harian seperti belanja persekolahan anak, tuntutan hutang dan sebagainya lagi. Yang kedua kesusahan untuk mengerjakan sawah pada musim akan datang seperti harga baja, upah, trektor, benih dan sebagainya. Soalan saya adakah Kementerian berkenaan puas hati bahawa segala rupa bentuk bantuan yang disebutkan tadi dapat mengatasi dua kesusahan pesawah-pesawah yang saya sebutkan tadi?

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tanya soal puas hati, tidak ada siapa yang puas hati kerana maklum kita menjaga 60,000 jenis manusia, cuma pihak Kerajaan kita

Tuan Yang di-Pertua: Jenis apa ini?

Dato' Shariff Ahmad: Kaum tani di kawasan MADA, dan kreker-krekeranya pun begitu juga, cuma yang Kerajaan kita buat ialah lebih usaha. Setakat ini progres yang dilancarkan untuk menolong mereka itu boleh dikatakan puas hati.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana akibat kemarau petani-petani di negeri-negeri jelapang padi baik pun di Kedah atau Perlis terpaksa membeli beras, bolehkah sebagai satu cara untuk menolong petani-petani yang sekarang menghadapi kesusahan Kementerian Pertanian mengadakan satu rancangan untuk membolehkan petani-petani membeli beras dengan harga yang murah dan bukan membeli beras menurut harga pasaran?

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang perlu kita kena mendaftar dulu dan mengikut pendaftaran ini kita akan mengadakan pertolongan beras secara kredit menerusi L.P.P. ataupun sebagainya dan bagi kawasan MADA, pentadbiran MADA itu akan bertanggungjawab memberikan kredit tetapi soal memberi harga murah ini kena dibincangkan lebih lanjut kerana akan memakan belanja lebih daripada peruntukan yang kita ada.

Tuan Lim Kit Siang: Saya dapat tahu bahawa antara cara-cara pihak yang berkuasa harap dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani ialah untuk mengadakan operasi-operasi "cloud seeding" untuk membuat hujan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu hasil-hasil daripada experiment mengenai perkara ini?

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan itu jauh daripada yang asal tetapi soal cloud seeding ini mengikut program kita di Kementerian ini akan dimulakan dalam bulan April iaitu mengikut Lapuran Kaji Cuaca dalam bulan itulah awan mula ada, cuma nampaknya semasa saya di Kedah pada hari Jumaat lalu, hujan

telah mula tiba. Kita akan berusaha untuk menurunkan hujan ini menerusi cloud seeding, insya Allah, kalau berjaya bolehlah kita sama-sama berdoa.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan akibat kemarau juga di negeri Kedah dan Perlis. Pertanyaan saya adakah Kementerian berkenaan menerima surat daripada sebuah kesatuan di negeri Kedah yang bernama Kesatuan Bendang Padi yang telah . .

Tuan Yang di-Pertua: Apa namanya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor: Persatuan Penanam Padi Negeri Kedah. Persatuan Penanam Padi Negeri Kedah yang ada kaitan dengan cadangan-cadangan daripada sebuah persatuan di dalam negeri itu bersabit dengan kemarau dan kesusahan di bendang-bendang padi. Jika ada, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk mendapatkan kerjasama dan pendapat-pendapat daripada persatuan itu yang mempunyai ahlinya lebih daripada 65,000 orang pesawah-pesawah di negeri itu?

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, surat ini banyak datangnya bukan kepada saya sahaja malahan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga ada. Dan badan yang disebutkan itu kalau tidak silap saya akan menemui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya pada hujung bulan ini untuk membincangkannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan kedua-dua Negeri pun ada menghantar surat dan saya telahpun menghantar satu pasukan ke Kedah dan masih bertugas dengan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri untuk menghalusi lagi tuntutan mereka itu supaya dapat kita menolong mereka yang benar-benar memerlukan bantuan. Seperti yang saya sebutkan, ini bukanlah perkara yang kita sengaja buat—this is an Act of God.

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan usaha-usaha dan ikhtiar-ikhtiar yang telah dijalankan seperti mengadakan cloud seeding untuk membuat hujan, maka setakat manakah dapat kita bekerjasama dalam bidang kerja-

sama serantau ASEAN dan sebagainya dengan Kerajaan jiran-jiran kita negeri Thailand yang nampaknya ada pengalaman yang luas di bidang ini dan bertambah pula oleh sebab soal membuat hujan ataupun ikhtiar di lapangan ini mungkin mendatangkan kesan timbal balas di antara satu sama lain memandangkan sempadan kita berdekatan. Kalau banyak hujan di Thailand barangkali tidak hujan di sini atau banyak hujan di sini nanti datang pula masaalah di Thailand. Setakat manakah pihak yang berkenaan akan berusaha supaya dapat kerjasama serapat-rapatnya dengan Kerajaan Thailand dan barangkali membuat hujan inipun dapat dijalankan bersama-sama sebagai kerjasama.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menubuhkan satu jawatan-kuasa mengenai soal cloud seeding ini yang mengandungi bukan sahaja pegawai-pegawai daripada Kementerian Pertanian tetapi juga daripada Jabatan Kajiucua dan sebagainya yang ada berkaitan dengan masalah ini; termasuklah TUDM dan jabatan-jabatan yang lain.

Kerjasama daripada negeri Thailand ini telahpun diperolehi. Pegawai-pegawai kita telahpun berunding dan melihat cara ataupun sistem yang dijalankan di sana yang kita dapati baik. Bagi kita melaksanakannya akan berhati-hati dan segala perhitungan diambil supaya hujan turun tidak pula mengakibatkan timbul masalah-masalah lain. Tetapi ini kita kena berserahlah kerana di samping kita hendak hujan takut pula berlaku banjir. Walau bagaimanapun, jawatan-kuasa ini di bawah Kementerian Pertanian akan berhati-hati dalam soal ini.

PERDAGANGAN MALAYSIA-AUSTRALIA

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil dari rundingan beliau dengan Perdana Menteri Australia baru-baru ini di Sydney, Australia.

Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, rundingan saya dengan Perdana Menteri Australia, di Sydney baru-baru ini adalah berkenaan dengan perkara-perkara "bilateral". Kami telah juga berbincang mengenai perkembangan-perkembangan di rantau ini dan

masaalah-masaalah antarabangsa. Perbincangan kami adalah mesra dan jujur, sesuai dengan perhubungan rapat di antara kedua-dua negara kita itu.

Berkenaan dengan masaalah-masaalah perdagangan, saya telah mengemukakan kemuskilan-kemuskilan Malaysia terhadap dasar perdagangan antarabangsa Australia yang tidak menggalakkan perkembangan eksport Malaysia ke Australia. Saya telah menyatakan bahawa sekatan-sekatan tariff dan bukan tariff yang telah dikenakan oleh Australia terhadap beberapa barang-barang eksport Malaysia telah menambahkan perkembangan perdagangan Malaysia dengan negaranya. Saya telah juga menyatakan bahawa sekarang ini perdagangan di antara Malaysia dengan Australia adalah tidak seimbang. Di dalam tahun 1976 misalnya, jumlah harga eksport Malaysia ke Australia adalah kira-kira \$303 juta, dan impot barang-barang Australia ke Malaysia sebaliknya adalah berjumlah \$692 juta. Keadaan ini telah bertambah buruk di dalam tahun 1977 di mana Malaysia telah hanya mengeksport ke Australia sebanyak \$257 juta dan mengimport sebanyak \$676 juta.

Perdana Menteri Australia telah menyatakan simpatinya terhadap kedudukan yang tidak seimbang itu, dan menerangkan bahawa negaranya kini sedang mengalami inflasi dan pengangguran yang makin bertambah. Walau bagaimanapun, beliau berjanji akan meneliti permintaan Malaysia itu dan berharap peluang-peluang bagi Malaysia mengeksport ke Australia, akan bertambah di masa hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Kalau saya tidak silap, di antara perkara-perkara yang dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Australia ialah satu cadangan atau satu permintaan supaya Kerajaan Australia tidak membenarkan pelajar-pelajar Malaysia yang tamat pelajaran mereka di peringkat universiti terus tinggal di Australia. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini reaksi atau response Encik Malcolm Frazer kepada cadangan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Mana tahu ada cadangan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Itu terdapat daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi, apakah reaksi atau response Perdana Menteri Australia terhadap satu cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya selepas pelajar-pelajar Malaysia di Australia tamat pelajaran mereka tidak dibenarkan terus tinggal di Australia.

Perdana Menteri: Saya menyebutkan perkara itu memberi alasan iaitu di dalam pengalaman kita, ada pelajar-pelajar, terutama pula pelajar-pelajar yang mendapat Colombo Plan Scholarship yang pergi belajar di sana dan begitu juga scholarships yang lain bila sudah tamat pelajarannya, dan mengikut kehendak scholarship itu patut pulang ke tanahair kerana ada yang scholarship semacam ini bertujuan ialah supaya membantu negara kita bagi menampung keperluan tenaga yang berpelajaran. Tetapi kebanyakan daripada penuntut-penuntut ini selepas lulus pelajarannya telah melanjutkan lagi dan bila telah mendapat ijazah yang lebih tinggi samada langsung tidak hendak kembali ataupun balik kemari bekerja sementara dan berhenti. Jadi, itu satu contoh yang saya berikan kepada Perdana Menteri Australia. Dan yang lain sebagaimana yang kita memahami iaitu bagi pihak negara Australia memberi kemudahan-kemudahan tempat di universiti-universiti atau institusi lain di Australia, ialah kerana menolong negara ini memberi pelajaran kepada warganegara-warganegara kita. Dan tujuannya ialah supaya orang-orang ini kembali ke tanahairnya dan berkhidmat di sini dan tidak bermastautin di negara yang lain. Itulah pandangan-pandangan yang saya berikan kepada Perdana Menteri Australia dan meminta supaya beliau memberi pandangan, jika pada masa yang akan datang permohonan-permohonan yang semacam ini dikemukakan oleh penuntut-penuntut itu hendaklah dikaji dengan mendalamnya, dan jika boleh diminta penuntut-penuntut ini balik ke tanahair dan tidak bermastautin di sana.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana terdapat kekurangan tempat untuk pelajar-pelajar di tanahair kita untuk melanjutkan pelajaran tinggi, adakah Yang Amat Berhormat dalam perbincangan baik-pun dengan Perdana Menteri Australia atau Menteri Pelajaran mencadangkan bahawa

Kerajaan Australia mengadakan lebih banyak tempat di universiti-universiti Australia untuk pelajar-pelajar Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh benarkan kerana soalan tambahan itu merupakan satu soal lain.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan beliau ada mencadangkan kepada Mr Malcolm Frazer supaya pelajar-pelajar yang lulus pelajarannya dipaksa balik ke negara kita. Soalan saya ialah adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar atau bolehkah Kerajaan kita menjamin apabila pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan di Australia balik ke sini, mereka yang dipaksa balik ke sini boleh diberi kerja oleh Kerajaan atau pihak swasta di tanahair kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawatan dalam Kerajaan sebagaimana yang kita ketahui, kita ada kekurangan dalam jurusan-jurusan yang tertentu dan kita mengambil dan berkehendak orang-orang yang semacam itu.

Berkenaan dengan pelajar-pelajar yang pergi dengan perbelanjaannya sendiri kita semua mengetahui iaitu peluang-peluang banyak di dalam jurusan-jurusan yang kita amat kekurangan. Peluang-peluang bagi mencari nafkah dan bekerja di sini amatlah besar dan bagi saya hendak memberi jaminan kerja, kepada pihak-pihak dan orang-orang yang di dalam swasta tidaklah dapat saya memberinya. Tetapi berkenaan dengan jawatan Kerajaan dan jurusan-jurusan yang kita amat kekurangan, saya di sini boleh memberi jaminan iaitu kita berkehendakkan orang-orang itu balik ke tanahairnya dan berkhidmat.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Australia baru-baru ini ada berita di dalam akhbar menyatakan mengenai kumpulan yang tertentu hendak mencolek Perdana Menteri. Saya ingin menyoal adakah berita ini benar. Jika benar, mengapa perkara ini hendak dibuat di Australia?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini keluar daripada soalan asal.

PEGAWAI-PEGAWAI KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

3. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat di kedutaan-kedutaan kita di luar negeri tidak disiasat dengan begitu teliti sebelum mereka dilantik berkhidmat di kedutaan-kedutaan ini dan ini boleh merosakkan imej negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kangar itu, ingin saya menyatakan bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat di Kedutaan Malaysia di luar negeri adalah terdiri dari pegawai-pegawai yang telah disiasat terlebih dahulu untuk menentukan samada mereka layak berkhidmat di luar negeri atau tidak. Latar belakang dan kebolehan mereka diteliti dengan cermat sebelum tiap-tiap orang pegawai itu ditugaskan berkhidmat di luar negeri.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, menjaga imej Malaysia adalah merupakan satu tugas bagi negara kita khususnya pada Kementerian Luar Negeri. Saya mendapat tahu baru-baru ini ada suatu memorandum yang dihantar oleh pihak Himpunan Mahasiswa Malaysia di Sumatra, Medan bersungut tentang salah seorang daripada kakitangan kanan Konsulat kita di Medan; yang mengatakan bahawa tanduk pegawai berkenaan amatlah memalukan masyarakat kita di sana. Apa yang ingin saya ketahui ialah samada memorandum ini telahpun dibuat penyiasatan kerana ianya dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan kalau tidak, bilakah penyiasatan ini akan dilakukan?

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan yang lain daripada soalan asal.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bahawa adakah beliau dan Kementerian memberi perhatian berat bukan sahaja kepada cara-cara pegawai luar negeri bertugas, tetapi kepada

perawakan dan tingkah-laku pegawai-pegawai itu dan isteri-isteri mereka semasa mereka berada di negeri asing di tempat mereka bertugas. Kalau ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam hal ini.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Luar Negeri mengambil berat di dalam masalah ini dan memberi latihan bukan sahaja kepada pegawai-pegawai, bahkan juga kepada isteri-isteri pegawai yang akan dihantar bertugas di luar negeri.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Dalam soalan yang ketiga tadi ada disebutkan tentang merosakkan imej negara. Saya sebenarnya ada mempunyai salah satu daripada salinan memorandum itu untuk mengetahui apakah benar atau tidak surat itu telah diterima oleh pihak Kementerian kita kerana perkara ini sedang heboh diperbincangkan di Medan. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ingin kepada surat itu saya boleh memberinya dan saya minta kesanggupan bilakah penyiasatan akan dibuat untuk mencari sesuatu perkara yang baik untuk menjaga imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat serahkan sahaja salinan memorandum itu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Terima kasih.

PROJEK GAS ASLI CECAIR (LNG)

4. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan samada perselisihan di antara PETRONAS dan Kumpulan Syarikat Shell Anglo-Dutch, berkaitan dengan projek besar Gas Cair Asli (LNG) Bintulu di Pantai Laut Negeri Sarawak itu, telah diselesaikan. Jika belum selesai, nyatakan sebab-sebab perselisihan dan samada perselisihan semampama itu kelak akan menghalangi projek Bintulu yang telah sekian lama terbengkalai itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tatkala Petronas berunding dengan Syarikat Shell tentang perjanjian berkenaan dengan projek Gas Asli Cecair (LNG) di Bintulu,

memanglah ada perselisihan faham dan pendapat. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan iaitu setelah berunding dengan agak lama, Petronas, Shell dan Mitsubishi telah mencapai persetujuan mengenai dua perjanjian penting.

Perjanjian-perjanjian itu ialah:

- (i) Perjanjian Usahasama (Joint Venture Agreement) di antara Petronas, Shell dan Mitsubishi mengenai pengeluaran, pengangkutan dan pemasaran Gas Asli Cecair.
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Pembinaan (Construction Service Agreement) di antara Petronas, Shell, Mitsubishi dan Shell International Petroleum Maatschappij (SIPM) selaku Perunding Projek (Project Consultant), mengenai perkara-perkara teknik serta pembinaan kilang Gas Asli Cecair itu.

Persetujuan bagi kedua-dua perjanjian itu telah dicapai pada 31hb Januari, 1978. Perjanjian-perjanjian itu telah di "initial" sahaja dan belum lagi ditandatangani. Ini adalah kerana menunggukan hasil perundingan mengenai satu perjanjian lagi iaitu tentang pengangkutan Gas Asli Cecair itu. Perundingan mengenainya sedang dijalankan di antara Petronas, Shell dan Mitsubishi di satu pihak dengan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) di pihak yang lain. Apa yang dirundingkan ialah mengenai kadar pembayaran pengangkutan menggunakan kapal-kapal pengangkut Gas Asli Cecair MISC. Perundingan dengan MISC ini dijangka selesai tidak berapa lama lagi.

Apabila perundingan dengan MISC itu selesai, maka ketiga-tiga perjanjian itu akan ditandatangani kerana ketiga-tiga perjanjian itu merupakan satu "package deal" di dalam projek Gas Asli Cecair Bintulu ini.

Pengeluaran perdagangan Gas Asli Cecair di Bintulu ini dijadualkan bermula pada 1hb Januari, 1983.

PENERBANGAN CONCORDE

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan kedudukan terbaharu dalam rundingan di antara Malaysia dan Britain mengenai kapal terbang Concorde dan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober, 1977 pihak Kerajaan British telah membuat satu permohonan untuk mengadakan penerbangan Concorde secara berjadual dari London ke Singapura melalui ruang angkasa udara Malaysia di Selat Melaka dengan kelajuan Supersonic. Kerajaan Malaysia setelah mengkaji permohonan ini dengan teliti tidak memberi kebenaran berasaskan kepada sebab-sebab kecemaran alam sekitar. Selepas itu pihak Kerajaan British telah membuat beberapa rayuan dan Pegawai-pegawai Malaysia dan British telah pun berunding sebanyak 5 kali. Malaysia telah meminta supaya pihak British memberi maklumat-maklumat dan butir-butir berkenaan dengan penerbangan yang dicadangkan itu termasuk perkara-perkara berhubung dengan kesan-kesan terhadap alam sekitar dan ekologi.

Dalam perundingan itu pihak Malaysia telah juga mengemukakan beberapa soalan untuk dijawab oleh pihak British dalam masaalah kecemaran alam sekitar. Di samping itu juga, pakar-pakar alam sekitar sedang mengumpul maklumat-maklumat berkenaan dengan kecemaran udara berhubung dengan penerbangan Concorde dalam negara-negara lain. Segala butir-butir dan maklumat-maklumat yang diterima daripada pihak British itu pada masa ini adalah di dalam peringkat kajian.

Buat masa sekarang pihak Malaysia belum lagi berpuas hati dengan sepenuhnya samada penerbangan yang dicadangkan itu akan memberi kesan buruk atau tidak kepada alam sekitar. Sehingga pihak Malaysia berpuas hati sepenuhnya bahawa penerbangan Concorde tidak akan mengakibatkan kecemaran udara di Malaysia maka permohonan tersebut tidak akan dibenarkan.

Tuan Lee Lam Thy: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada benar bahawa salah satu sebab utama yang menyebabkan kegagalan rundingan di antara British dan Malaysia mengenai issue Concorde ialah keengganan Kerajaan British untuk memberikan hak-hak daratan kepada

MAS DC-10. Jika benar, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apakah permintaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dan apakah jawapan yang telah diberikan oleh Kerajaan British mengenai issue ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia tidak berpuas hati atas rundingan yang diadakan dengan British, ini tidak adalah soal atas Concorde, jadi soal yang kedua tidak berbangkit.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri memberi penerangan atas masaalah-masaalah dalam perundingan Concorde, iaitu masaalah kecemaran alam sekitar. Dengan ini saya suka minta Yang Berhormat Menteri menyatakan adakah cadangan pihak Kerajaan Malaysia untuk membeli Concorde pada masa depan untuk menghadapi cabaran baru dari dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini tidak payah dijawab. Concorde orang lain tidak boleh terbang, Concorde kita boleh pula! (*Ketawa*)

Tuan Haji Sulaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa 5 perundingan telahpun dijalankan di antara Kerajaan Malaysia dan Britain. Saya suka hendak bertanya samada perundingan ini akan diteruskan lagi dari masa ke masa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jikalau pihak British beri kepada kita maklumat-maklumat yang kita minta, kita meneruskan rundingan.

Tuan Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan bahawa masaalah timbul dengan soal Concorde ini semata-mata berkait dengan soal kecemaran alam tetapi ada perasaan yang sangat tebal di sisi umat negeri ini dan juga daripada public opinion dunia yang merasa sikap Kerajaan British terhadap Malaysia di lapangan penerbangan, khasnya tentang memberi kemudahan untuk kapal terbang MAS mendarat di Britain patut juga dikaitkan dengan sebarang rundingan dan tidak mengikat semata-mata

kepada soal kecemaran alam. Ini saya bangkitkan untuk Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan secara jujur iaitu walaupun pada pihak kita sendiri pada saat ini memegang soal Concorde ini sematamata dari segi kecemaran alam tetapi ini juga satu masa menggunakan peluang untuk saling menukar pendapat dan perasaan antara kita dengan pihak British supaya dapat juga membangkitkan semula soal hak-hak yang kita anggap sesuai supaya kalau setakat kecemaran alam itu bagaimana kita buat sekalipun tidak dapat dihapuskan sama sekali di mana lapangan pun, samada dalam negeri, luar negeri, mahu tidak mahu kadang-kadang dengan berikhtiar terpaksa kita terima threshold setakat yang dapat ditahan kecemaran ini

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa Yang Berhormat? Panjang sangat ini.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sengaja saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dan mengambil peluang ini mengemukakan perasaan umat kita dan juga public opinion dunia tentang sikap tidak adil yang patut juga dibetulkan sebelum kita selesaikan soal Concorde ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya kata tadi sebagai jawapan atas soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi memang kita tidak puas hati atas sikap British dalam air agreement. Tetapi sungguhpun begitu, yang pertama ialah kita mesti menjaga alam sekitar (environment) dan itu tidak boleh compromise. Saya ada dapat butir-butir daripada beberapa buah negara mengatakan umpamanya: "US expert calls Concorde culprit in mystery booms." Saya dapat macam-macam berita. Sungguhpun saya sedar perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kita mesti ingat alam sekitar dan lain-lain perkara apabila kita berunding dengan pihak British.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa rundingan akan diteruskan kembali sekiranya Kerajaan British memberi maklumat. Apakah maklumat yang diperlukan untuk meneruskan perundingan itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, perundingan ini adalah atas sebab pihak British mengatakan ini tidak ada kena mengena dengan alam sekitar. Inilah yang kita hendak puas hati samada betul atau tidak dan sebab itulah kita meminta dan berunding dengan negara-negara lain di mana pihak British ada menjalankan penerbangan Concorde ini.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG

6. Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menerangkan samada beliau berpuashati atas pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan siapakah yang bertanggungjawab di dalam pengurusan tersebut, iaitu jawatan Pegawai yang dimaksudkan, kelulusan serta tugas-tugasnya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada keseluruhannya kemudahan-kemudahan yang ada di lapangan terbang ini masih perlu diperbaiki dari masa ke semasa memandangkan kepada perkembangan yang pesat berlaku di bidang penerbangan awam di negara kita, saya berasa puas hati buat masa ini akan perjalanan pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Lapangan terbang ini telah dibuka pada tahun 1965 dahulu dan mempunyai kemudahan-kemudahan yang sesuai digunakan pada waktu itu di mana jumlah trafik adalah berkurangan jika dibandingkan dengan keadaan sekarang.

Pada masa ini beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam untuk menghadapi masalah ini. Di antaranya penggunaan bilik-bilik penumpang dalam negeri untuk penumpang dalam negeri dan bilik penumpang antarabangsa bagi penumpang antarabangsa. Di samping itu, ruang bilik transit juga telah ditambah dan satu yunit jentera penghawa berhawa dingin telah dipasang untuk mengatasi masalah kerosakan yunit alat penghawa dingin yang lama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Penerbangan Awam juga sedang menyediakan rancangan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan kerja-kerja ini akan dimulakan tidak lama lagi. Rancangan ini meliputi

pembinaan passenger transfer corridor dan juga mengadakan tempat-tempat yang berasingan bagi penumpang-penumpang yang tiba dan berlepas dari lapangan terbang tersebut. Pada keseluruhannya tanggungjawab pengurusan lapangan terbang ini adalah di bawah jagaan Jabatan Penerbangan Awam yang diketuai oleh Ketua Pengarah Penerbangan Awam dengan dibantu oleh Pengarah Gerakan Lapangan Terbang. Jabatan ini adalah di bawah Kementerian saya.

Berhubung dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, jawatan Pengurus Am adalah kosong kerana Pengurus Am yang lalu telah bersara. Buat masa sekarang seorang Pegawai Kawalan Trafik Tingkatan Tertinggi "J" yang mempunyai pengalaman luas sedang memangku jawatan tersebut. Ini adalah langkah sementara sahaja.

Tugas-tugas Pengurus Am ialah:

- (i) Operasi Bahagian Udara di mana beliau dibantu oleh Pengurus Operasi;
- (ii) Operasi Dagangan dibantu oleh Pengurus Dagangan;
- (iii) Pentadbiran Am.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa secara umum beliau berpuashati atas keadaan sekarang. Tidakkah Yang Berhormat Menteri hendak menghiraukan samada perasaan orang ramai berpuashati atau tidak dengan keadaan ataupun sematamata hanya berpegang kepada puas hati beliau sendiri. Ini adalah kerana ada rancangan Kerajaan untuk membuatkan Malaysia sebagai pintu masuk di negara-negara ASEAN. Dengan adanya rancangan ini tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar iaitu rancangan tersebut hanya akan menjadi impian jika Yang Berhormat Menteri tidak bersikap tegas memperbaiki keadaan di Lapangan Terbang Subang memandang kepada Lapangan Terbang Subang ini telah disuarakan oleh beberapa badan sebagai satu lapangan terbang yang pengurusannya tidak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi bertanya samada Yang Berhormat Menteri berpuashati atau tidak puas hati.

Jadi, Yang Berhormat Menteri sudah puas hati. Kalau ada yang tidak puas hati nyatakan soal apa yang tidak puas hati.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa beliau berpuas hati

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu menjawab soalan Yang Berhormat.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Soalan saya samada beliau tidak mengambil berat berkenaan dengan puas atau tidak puas hati orang ramai?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain tetapi ada kaitannya. Sila!

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya mengatakan di lapangan terbang ini masih ada yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa. Saya sedar orang ramai tidak berapa puas hati, tetapi apabila kita bandingkan dengan apa yang ada dan pengurusan yang menjalankan tugas memang saya puas hati, tetapi saya sedar pada masa sekarang kita mesti perbaiki keadaan padang kapalterbang ini dengan segera yang boleh dan kita ada menjalankan tugas ini pada masa sekarang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Lapangan Terbang Subang akan diperbaiki dan diperbesarkan. Dalam keadaan sekarang apabila cuaca buruk, lebih-lebih lagi dalam hujan yang lebat maka penumpang-penumpang untuk hendak memasuki kapalterbang selalunya menghadapi kesulitan dan masalah. Dengan hal yang demikian saya suka hendak bertanya samada ada rancangan di dalam proses hendak memperbesarkan dan memperbaiki Lapangan Terbang Subang, samada ada rancangan untuk mengadakan, dalam bahasa Inggeris 'chute', untuk sampai ke pintu kapalterbang itu supaya penumpang-penumpang kapalterbang tidak payah lagi tergendala apabila berlakunya cuaca buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lapangan terbang yang sudah maju.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, ada.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan dan beberapa kali pada mesyuarat yang lalu pun telah menerangkan iaitu rancangan untuk membesarkan lapangan terbang hendak dimulakan tetapi sehingga hari ini belum ada nampak tanda-tanda untuk memulakan rancangan membesarkan lapangan terbang di Subang. Saya hendak bertanya dapatkah atau tidak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan di dalam Dewan pada hari ini tahun bilakah hendak dimulakan rancangan membesarkan lapangan terbang itu dan berapakah jumlah perbelanjaannya dan setelah selesai segala urusan-urusan masaalah pentadbiran yang dihadapi oleh pihak perancang sewaktu dalam urusan merancang membesarkan lapangan terbang tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan tambahan ini, pada masa sekarang Kerajaan telahpun menjalankan short term programme dan dengan rancangan yang panjang kita akan mengadakan ataupun memulakan pada hujung tahun ini.

Raja Dato' Naron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa jawatan Pengurusan Lapangan Terbang pada masa ini adalah kosong dan seorang pegawai memangku jawatan tersebut. Soalan saya adalah dari bila jawatan itu kosong dan apa sebab-sebab kesukaran memenuhi jawatan tersebut?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ini soalan lain, tidak ada berkaitan dengan soalan asal. Soal asal adalah siapakah yang bertanggungjawab di dalam pengurusan tersebut iaitu jawatan pegawai yang dimaksudkan, kelulusan serta tugas-tugasnya. Ini saya sudah beri keterangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya ada berhubung dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Ada kaitannya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, jawatan itu kosong 2 bulan lebih yang dahulu tetapi sekarang Kerajaan sedang mengisi jawatan itu dengan seorang pegawai yang sesuai.

Tuan Mohd. Sopicie bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar ataupun bersetuju bahawa sungguhpun pengurusan adalah memuaskan hatinya, tetapi kemampuan yang ada dalam Lapanganterbang Subang itu tak dapat mengejar kemajuan yang tercapai di sekelilingnya sehingga tak dapat menguruskan luggage, tak cukup kelengkapan ataupun tidak boleh terima 350 orang penumpang yang turun daripada kapalterbang dua tingkat tidak ada pada tahun 1965 sewaktu lapanganterbang itu dibina. Kalau begitu barangkali secara terus terang kita katakan sungguhpun pengurusan itu memuaskan setakat peruntukan, tetapi kita mesti buat perediaan untuk mengejar kemajuan yang barangkali pada penumpang atau orang ramai tidak puas hati kerana terpaksa menunggu $\frac{1}{2}$ -1 jam untuk luggage. Itu barangkali yang menimbulkan masaalah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perkara-perkara ataupun masaalah-masaalah ini dan saya sendiri adalah sekarang memberi peluang juga pada minggu yang akan datang, 27hb Mac, Ahli-ahli Yang Berhormat semua adalah dijemput hadir ke Lapanganterbang Subang untuk menengok keadaan dan berpeluang mendengar kesulitan daripada pegawai di sana.

PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT

7. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah hasil daripada kajian dan siasatan mengenai pakaian seragam Jururawat dan adakah Kementerian ini membuat apa-apa keputusan mengenai perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, kajian mengenai pakaian seragam Jururawat telahpun

sampai pada ketika di mana Jawatankuasa Pakaian Seragam dalam Kementerian Kesihatan sedang mempelawa cadangan mengenai bentuk pakaian seragam yang sesuai. Suka saya menegaskan di sini juga bahawa sebelum sesuatu bentuk pakaian seragam boleh ditetapkan, Kementerian ini perlu meneliti implikasi kewangan dan lain-lainnya bagi perubahan ini. Kementerian ini juga perlu berunding dengan pihak Agensi-agensi Pusat terlebih dahulu sebelum satu keputusan yang muktamad boleh dibuat.

PINJAMAN PROJEK PELABUHAN BINTULU

8. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk bertanya kepada Perdana Menteri pinjaman yang diperolehi dari Kerajaan Jepun untuk membiayai Rancangan Malaysia Ketiga, berapa juta ringgitkah dari pinjaman tersebut akan disalurkan ke negeri Sarawak untuk pembangunan luar bandar terutama dalam pembangunan dan pertanian dan bilakah rancangan itu akan dilaksanakan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Jepun telah bersetuju untuk memberi pinjaman sebanyak £200 juta (21 billion) di bawah Kredit Yen Keempat, pertengahan bulan Januari, tahun ini. Mengikut Perseutujuan, pinjaman itu adalah untuk digunakan bagi projek-projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dipersetujukan juga bahawa Kerajaan Malaysia hendaklah mengemukakan senarai projek infrastruktur itu kepada Kerajaan Jepun untuk persetujuannya. Salah satu daripada projek-projek infrastruktur yang telah dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan Jepun ialah Projek Pelabuhan Bintulu di Sarawak. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini dan akan memakan perbelanjaan lebih kurang \$315 million.

DASAR EKONOMI BARU

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang tercapai hingga sekarang dalam Dasar Ekonomi Baru dari sudut sebenar oleh Bumiputra.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Oleh itu, saya akan jawab secara umum juga.

Pada pendapat Kerajaan Dasar Ekonomi Baru sudah mencapai kejayaan seperti diduga di peringkat ini. Ini dapat dilihat daripada peningkatan penyertaan bumiputra bukan sahaja di bidang perniagaan dan perusahaan, tetapi juga dalam mempelajari ilmu pengetahuan. Jika sebelum Dasar Ekonomi Baru kita hampir tidak ada seorang pun peniaga bumiputra di kompleks-kompleks perniagaan dan kedai-kedai di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, sekarang di mana-mana sahaja kita pergi terdapat peniaga bumiputra. Pengusaha bumiputra pun sudah wujud—secara sendiri atau dalam berbagai usahasama. Ahli-ahli professional bumiputra sudah bertambah dengan pesatnya di dalam dan di luar Kerajaan. Penuntut di semua peringkat juga bertambah. Pemilikan saham dalam syarikat bukan sahaja bertambah tetapi ada peniaga bumiputra yang mengambilalih estet dan lombong yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Di samping itu Kerajaan melalui syarikat dan perbadanan perniagaan telah memasuki berbagai jenis perniagaan dan perusahaan sebagai pemegang amanah bagi pihak bumiputra. Banyak lagi fakta yang boleh diguna sebagai bukti kejayaan rancangan Kerajaan dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru dari sudut sebenar oleh bumiputra.

Oleh itu, Kerajaan berpendapat kejayaan yang telah dicapai adalah memuaskan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa terdapat kenyataan-kenyataan yang menunjukkan bahawa penyertaan bumiputra dalam bidang ekonomi adalah rendah sedangkan kenyataan beliau sekejap tadi adalah memuaskan. Kalau kita lihat seruan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan lain-lain menunjukkan bahawa penyertaan bumiputra adalah lebih rendah apatah lagi kalau dipandang daripada konvensional yang sedang berjalan di Universiti Kebangsaan semalam yang mana ada suara-suara menyatakan bahawa penyertaan itu masih jauh daripada matlamat yang dituju.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, rendah adalah rendah daripada yang tinggi dan harapan kita memang tinggi tetapi untuk mencapai yang tinggi itu tentu akan memakan masa. Sebab itu kita memberi masa sehingga tahun 1990 sebelum kita mencapai matlamat yang kita tentukan. Di waktu ini di dalam berbagai bidang kita telah mencapai bukan sahaja setakat yang dijangkakan tetapi ada bidang-bidang yang telah daripada yang dijangkakan tetapi kita tidak boleh berpuashati dengan pencapaian ini kerana kita perlu berusaha dengan lebih giat lagi supaya bukan sahaja dapat kita capai matlamat kita dalam jangka masa yang ditentukan tetapi lebih awal daripada itu. Sebab itu kalau saya ditanya samada peringkat yang dicapai itu sudah tinggi, saya selalu menjawab rendah, tetapi pada hakikatnya memang sudah mencapai ke peringkat yang dijangkakan di masa ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat boleh memberi angka-angka yang menunjukkan kejayaan kita dalam bidang itu. Kedua, adakah beliau sedar bahawa kedudukan dasar kita yang mengurangkan jurang perbezaan di antara pihak yang berada dan tidak berada itupun juga tercapai sedangkan apa yang kita tahu masih jauh daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai perangkan itu berkehendakkan notis, tak boleh jawab serta-merta. Kedua, tentang jarak perbezaan itu, kalau Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri hendak menjawab bolehlah.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, jarak menang ada sekarang dan tetap akan ada pada masa-masa yang akan datang. Tujuan kita bukan menghilangkan jarak tetapi mengurangkan jarak setakat ini kita dapati bahawa jarak itu telahpun dikurangkan, umpamanya, antara Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga kita telah dapat meninggikan penyertaan bumiputra dalam bidang equity di peringkat corporation daripada 1% kepada 7% yang mana ini bermakna meningkat sebanyak 700%. Ini menunjukkan bahawa jarak antara dahulu dengan sekarang sudahpun berbeza. Kalau dahulu bumiputra cuma

memegang sebanyak 1% daripada 100% sekarang ini 7% bermakna pihak yang lain tentulah kurang daripada segi peratusnya walaupun tidak daripada segi absolutnya.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI GAJI KAKITANGAN SEKTOR AWAM

10. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Haji Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa sebilangan besar kakitangan Kerajaan dan separuh Kerajaan di Negeri Sabah dan Sarawak pada masa ini belum lagi terima gaji baru yang diluluskan oleh Kabinet, kiranya sedar, bilakah akan dilaksanakan sepenuhnya; dan
- (b) berapakah anggaran tunggakan yang akan dibayar bagi maksud (a) di atas dan mengapakah pembayaran ini lambat dilaksanakan sedangkan kakitangan di Semenanjung Malaysia telahpun menikmati sepenuhnya dan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kelambatan ini telah mengakibatkan kesusahan kepada kakitangan kita di sana dan apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk mempercepatkan pembayaran ini.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet mengenai Gaji Kakitangan Sektor Awam yang mana saya menjadi Pengerusinya dianggotai, antara lain, oleh wakil daripada Sabah dan Sarawak. Memandang kepada perbezaan yang terdapat antara tanggagaji di Semenanjung dan tanggagaji di Sabah dan Sarawak yang mana biasanya pegawai di Sabah dan Sarawak mendapat jumlah gaji lebih daripada pegawai di Semenanjung, wakil dari Sabah dan Sarawak berpendapat adalah lebih baik perubahan gaji di Sabah dan Sarawak diasingkan daripada perubahan dan pelaksanaan di Semenanjung. Pengasingan ini juga dibuat berkenaan tanggagaji Polis, Tentera dan Kehakiman—yang semuanya dilewatkan daripada C.C.R. (Cabinet Committee Report).

Pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di Sabah dan Sarawak sendiri lebih suka jika tanggagaji mereka diasingkan dan mereka dapat mengemukakan masalah

yang timbul selepas Laporan Jawatankuasa Kabinet disediakan dan dilaksanakan. Dengan cara ini anomali dapat dikurangkan. Di waktu ini bukan sahaja wakil Sabah dan Sarawak dalam Jawatankuasa Kabinet dapat memberi pendapat tetapi pegawai juga diberi peluang mengemukakan masalah mereka kepada pegawai J.P.A., kepada Secretariat Jawatankuasa Kabinet dan juga kepada Jawatankuasa Kabinet sendiri. Adalah dipercayai tidak lama lagi tanggagaji Kabinet yang disesuaikan untuk Sarawak dan Sabah akan disediakan untuk perlaksanaan.

Anggaran tunggakan tidak dapat diberi di waktu ini kerana susunan tanggagaji belum selesai. Sungguhpun kesudahan berlaku kerana kelewatan, lebih banyak masalah akan timbul jika kajian secara mendalam seperti yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet sekarang ini tidak diadakan.

Saya ingin menegaskan bahawa kita tidak dapat melaksanakan tanggagaji Kabinet begitu sahaja di Sabah dan Sarawak tanpa penyesuaian. Oleh itu kelewatan tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

PUSAT SERANTAU

11. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang hendak menubuhkan sebuah pusat serantau bagi menyelaras dan menyatukan usaha pembangunan, terutama yang digerakkan ke arah membaiki taraf hidup rakyat dan pusat tersebut boleh menjadi tempat

pertemuan pekerja-pekerja, ahli-ahli sains rumahtangga, pendidikan dan berbagai-bagai pakar yang terlibat dalam usaha membangun untuk membaiki taraf hidup rakyat seluruhnya. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat serantau bagi menyelaras dan menyatukan usaha pembangunan. Ini ialah kerana beberapa buah badan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia sudahpun wujud untuk memenuhi keperluan itu seperti ESCAP (Economic and Social Commission for Asia and Pacific) yang berpusat di Bangkok, A.C.D.A. (Asian Centre for Development Administration) yang sekarang ini dikenali sebagai A.P.D.A.C. (Asian and Pacific Development Administration Centre) di Kuala Lumpur, UNIDA (United Nation Institute of Development Administration) di Bangkok, Institute of South East Asian Studies di Singapura, RECSAM (Regional Centre for Science and Mathematics) di Pulau Pinang, SEMEO (South East Asian Ministers of Education Organisation).

Di samping itu ASEAN telah juga menubuhkan berbagai-bagai Jawatankuasa untuk mengkaji masalah-masalah kerjasama serantau dalam berbagai bidang pembangunan seperti perindustrian dan perdagangan.

Melalui pertubuhan-pertubuhan dan jawatankuasa-jawatankuasa itu, Malaysia mendapat faedah dari segi nasihat kepakaran dalam berbagai aspek perancangan dan pembangunan. Dengan adanya pertubuhan-pertubuhan dan jawatankuasa itu yang disertai secara aktif oleh Malaysia, maka penubuhan sebuah pusat serantau seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah perlu.

RANCANGAN PENGAJIAN LUAR KAMPUS

12. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan calon yang memohon untuk mengikuti kursus di bawah Rancangan Pengajian Luar Kampus yang diusahakan oleh Universiti Sains Malaysia bagi sidang 1977/78;
- (b) bilangan pemohon yang berjaya dipilih, mengikut pecahan kaum dan profesion; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang hendak memperkenalkan Kursus pengajian seumpama ini di universiti-universiti lain di Malaysia. Jika ya, bila dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pelajaran Dato' Chan Siang Sun):

(a) 2,164 pemohon.

(b) Bilangan pemohon yang berjaya dipilih mengikut pecahan keturunan dan profesion adalah seperti berikut:

	Keturunan			Guru	Kerani	Tentera	Polis	Lain-lain	Jumlah
Bumiputra	87	23	8	9	39	166
China	50	8	1	—	18	77
India	7	3	—	—	16	26
Lain-lain	1	—	—	—	—	1
JUMLAH	145	34	9	9	73	270

(c) Tidak. Adalah difikirkan bahawa setakat ini kemudahan-kemudahan ini mencukupi setelah dikaji dari segi segala aspek.

**TANAMAN BAWANG MERAH/
CILI/KENTANG**

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan bekalan bawang merah yang diimport dari India, Sri Lanka, Bangladesh selalu berkurangan dan akibatnya harga naik melambung tinggi, samada MARDI ada membuat kajian yang menyeluruh supaya bawang merah, bawang putih, ubi kentang, cili dapat ditanam secara besar-besaran seperti Rancangan Tanah FELDA umpamanya, yang boleh diusahakan oleh Persatuan Peladang; walaupun ada tanaman percubaan dijalankan oleh MARDI di Muar, Sungai Udang, Selangor, Kedah, Perak dan Perlis tetapi masih belum berkemampuan untuk membekal dengan secukupnya dan mengurangkan tekanan inflasi. Jika tidak, mengapa.

Dato' Shariff Ahmad: MARDI sedang giat menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan jenis-jenis yang bermutu tinggi dan juga yang sesuai dengan keadaan tanah dan iklim di kawasan-kawasan negeri ini.

Tanaman-tanaman ini pada keseluruhannya adalah tanaman jangka pendek dan memerlukan tenaga sepenuh masa menanamnya.

Tanaman bawang merah telah dicuba di beberapa kawasan di Melaka, Johor, Kedah dan Perlis dan hasilnya adalah menggalakkan.

Mengenai ubi kentang, penyelidikan masih dijalankan untuk mendapatkan jenis yang boleh ditanam di tanah rendah (low land).

Pengeluaran cili basah (fresh) boleh dijalankan tanpa masalah. Tetapi untuk mengeluarkan cili kering tidaklah begitu ekonomik, jika dibandingkan dengan pendapatan cili basah bagi setiap ekar.

Untuk mengeluarkan tanaman-tanaman bawang dan cili secara besar-besaran adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan cuaca, penggunaan jentera atau tenaga pekerja yang banyak. Walau bagaimanapun Lembaga Pertubuhan Peladang sedang mengusahakan 155 ekar tanaman bawang merah dikebanyakan negeri di Semenanjung dan 147 ekar cili di Perak, Selangor, Johor, Pahang dan Trengganu.

KERETA—KENAIKAN HARGA

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa harga kereta telah naik lebih dari 50% sejak 5 tahun kebelakangan ini, dan apakah yang menyebabkan harganya naik begitu tinggi sehingga kawalan tidak dapat dibuat. Sesebuah kereta yang hendak dibeli terpaksa ditempah sekurang-kurangnya 4 bulan ke atas, dan setengah pembeli pula merasa bangga kerana menunggu begitu lama disebabkan harganya mahal dan ini menyebabkan manufacturers menggunakan

tektik menaikkan harga. Adakah Kerajaan akan menyiasat secara menyeluruh mengapa pembeli kereta terpaksa menunggu begitu lama sebelum sesebuah kereta itu dapat dibeli.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Harga kereta seperti juga harga barang-barang lain memang telah meningkat sejak 5 tahun kebelakangan ini, tetapi harga sejumlah besar daripada kereta-kereta yang didapati di pasaran tempatan meningkat jauh lebih rendah daripada angka 50% seperti yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat. Daripada 3 jenis kereta 1200 c.c. yang sangat popular, kenaikan harga kereta-kereta tersebut sejak tahun 1973 ialah di antara 22%-37% sahaja. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian saya menunjukkan bahawa harga kereta-kereta meningkat pada puratanya antara 5-6% setahun dan kenaikan sedemikian adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar inflasi di negeri-negeri pengeluar kereta-kereta tersebut sendiri. Bagaimanapun, ada terdapat 1 atau 2 jenis kereta yang dipasang oleh pemasang tempatan yang harganya telah meningkat lebih dari 50% sejak 5 tahun lalu, tetapi kereta-kereta ini adalah kereta-kereta dari jenis "prestige" yang dibeli oleh orang-orang yang mampu sahaja.

Antara beberapa sebab mengapa harga kereta-kereta ini naik, walaupun harga jualan dikawal oleh Kementerian, ialah faktor-faktor seperti pertambahan harga komponen-komponen CKD, kenaikan kadar pertukaran wang asing, kenaikan tambang kapal dan insuran, kenaikan gaji pekerja dan kenaikan kos-kos kilang pemasang tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 60% dari harga kereta yang dipasang oleh kilang pemasang tempatan, terdiri daripada kos komponen-komponen CKD dan sebarang kenaikan kepada harga komponen-komponen ini sudah tentu akan menambah kos pengeluaran dan seterusnya harga kereta-kereta yang dipasang oleh kilang pemasang tempatan. Kenaikan nilai wang asing juga memainkan peranan yang penting. Sebagai misal, kenaikan harga kereta-kereta yang berpunca dari Britain adalah jauh lebih kecil kerana mata wang pound telah turun nilainya tetapi bagi kereta-kereta yang komponennya diimport dari Germany dan Jepun, harganya telah

meningkat oleh kerana kedua-dua mata wang negeri tersebut telah meningkat lebih dari 20% di dalam tempoh beberapa tahun yang lalu.

Berkenaan dengan dakwaan bahawa syarikat-syarikat pemasang kereta tempatan menggunakan tektik "meminta pengguna menempah sekurang-kurangnya 4 bulan" sebelum kereta-kereta dikeluarkan, sebagai helah untuk menaikkan harga, ini adalah tidak benar sama sekali kerana semua harga kereta-kereta yang dipasang di kilang tempatan dikawal oleh Kementerian saya. Sebarang jenis kenaikan harga hanya akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kenaikan kos yang dapat dibuktikan.

Berkaitan dengan masaalah penempahan kereta yang terlalu lama, ini hanyalah terhad kepada beberapa model kereta sahaja yang sangat popular bukan sahaja di negeri ini tetapi juga popular di negeri-negeri lain. Kajian Kementerian saya mengenai perkara ini menunjukkan bahawa pemasang-pemasang kereta tempatan diberi quota tertentu bagi sesuatu tempoh pengeluaran dan adalah sukar untuk kilang-kilang tersebut menambah pengeluaran masing-masing di dalam masa yang singkat. Bagaimanapun, perkara ini tidak sepatutnya memberi masaalah kepada pembeli-pembeli kerana di negeri ini terdapat kira-kira 19 jenis kereta dan bagi sesuatu jenis kereta ini pula terdapat beberapa jenis model untuk pilihan pembeli.

HOSPITAL BEAUFORT

15. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar:

- (a) pembinaan Hospital Beaufort terlalu lambat siapnya dan adakah cara yang berkesan bagi mengatasi kelambatan yang berlaku ini;
- (b) jika kelambatan ini dapat diatasi, berapa bulankah lagi Hospital Sakit tersebut dijangka siap dan boleh digunakan oleh orang ramai; dan
- (c) pada penghujung bulan Februari, 1977 terdapat beberapa orang rakyat dari luar bandar dari Kampung Bintuka telah meninggal dunia kerana serangan penyakit Kolera dan Kampung ini adalah agak berjauhan dari pekan Beaufort, oleh itu adakah cadangan

Kerajaan supaya Pusat Kesihatan Kampung dibina di Kampung Bintuka bagi mengawal Kesihatan penduduk Kampung tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

- (a) Pelan "layout" dan pelan rangka bentuk telah disiapkan. Pihak Jabatan Kerja Raya, Sabah telah dipinta menyediakan pelan-pelan detail untuk mendirikan hospital tersebut. Projek ini akan dilaksanakan pada akhir tahun ini ataupun pada awal tahun hadapan.
- (b) Pembinaan hospital tersebut akan memakan masa selama kurang lebih dua atau tiga tahun.
- (c) Rekod kami tidak menyatakan bahawa kolera terdapat di kampung Bintuka dalam bulan Februari, 1977. Bilangan penduduk kampung Bintuka hanya 130 dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada Pusat Kesihatan Kampung dirancangkan untuk Kampung Bintuka. Jauhnya kampung Bintuka hanya 5 batu dari Pusat Kesihatan Kampung Padas Damit dan lebih kurang 35 batu dari Hospital Daerah, Beaufort. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya penduduk-penduduk di kampung Bintuka menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pusat Kesihatan Kampung Padas Damit dan Hospital Daerah, Beaufort.

AKHBAR EASTERN EVENING NEWS

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa permohonan untuk menerbit akhbar bahasa China "Eastern Evening News" ditolak dan samada dasar baru Kerajaan ialah supaya setiap akhbar harian dan mingguan hendak memuatkan sekurang-kurangnya 4 halaman yang mengandungi bahan-bahan Bahasa Malaysia sebelum permit KDN boleh diberikan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Permohonan akhbar Bahasa China "Eastern Evening News" telah ditolak oleh kerana dasar Kementerian ini tidak lagi menggalakkan pengeluaran akhbar-akhbar yang digulungkan dalam golongan "mosquito newspaper".

Kementerian tidak mengadakan dasar yang menghendakkan setiap akhbar baru yang bukan Bahasa Malaysia memuatkan liputan dalam Bahasa Malaysia seperti yang sebutkan itu.

PUSAT LATIHAN BERASRAMA

17. Datin Hajjah Fatimah binti Haji A. Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah Kementerian ini bercadang untuk membina pusat-pusat latihan berasrama atau tidak berasrama khas bagi murid-murid yang sedang menunggu keputusan S.P.M./M.C.E./S.T.P./H.S.C. yang memakan masa selama lima atau empat bulan, supaya mendapat latihan dalam seni mempertahankan diri, kursus jahitan, asas perguruan, pertolongan cemas, latihan kedet tentera dan sebagainya, bagi menambahkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran, supaya belia-belia ini tidak terbiar menganggor atau terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini sepanjang masa menunggu keputusan peperiksaan mereka.

Dato' Chan Siang Sun: Tidak. Kebanyakan daripada bidang latihan yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada juga yang diberi sepanjang masa murid-murid ini belajar di bangku sekolah di luar darjah. Lagi pun, terpulanglah kepada mereka sendiri mengikuti latihan-latihan ini mengikut daya usaha mereka dalam masa yang disebutkan itu.

HOSPITAL BERSALIN KUALA LUMPUR

18. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa Hospital Bersalin, Kuala Lumpur mempunyai pesakit untuk bersalin hitung panjang tidak kurang dari 70 orang dalam sehari dan kelahiran bayi pada satu hari tidak kurang dari 60-70 orang:

- (a) terdapat dalam ward-ward bersalin hanya 3 orang kakitangan terdiri daripada seorang Jururawat Terlatih terpaksa merawat tidak kurang dari 40 orang pesakit; dan
- (b) dalam Bilik Bersalin yang mempunyai 10 buah katil dan 10 orang pesakit melahirkan anak pada satu masa hanya terdapat 3 orang kakitangan sahaja yang bertugas yang telah menyebabkan, antara lain, kehilangan bayi, pesakit terjun mengakibatkan kematian dan sebagainya.

Jika sedar, apakah tindakan yang beliau akan ambil bagi mengatasi kekurangan kakitangan di wad bersalin.

Tan Sri Chang Hon Nyan: Kenyataan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar yang menyatakan bahawa terdapat tidak kurang dari 70 kelahiran bayi pada satu hari di Hospital Bersalin Kuala Lumpur adalah kurang tepat. Purata kelahiran bayi pada tahun 1977 ialah 44 bagi satu hari.

Bilik bersalin yang mempunyai 10 katil, dianggotai oleh kakitangan yang terdiri dari seorang Ketua Jururawat, 10 orang jururawat, 5 orang bidan dan 15 orang atendan perempuan. Pada tiap-tiap "shift", minima kakitangan yang bertugas ialah 3 orang, terdiri dari 2 orang jururawat terlatih dan seorang bidan. Kadar kakitangan bagi satu katil adalah tinggi jika dibandingkan dengan wad biasa yang mengandungi 32 katil dan mempunyai kakitangan yang terdiri dari seorang Ketua Jururawat, 8/9 Jururawat Terlatih, 7/9 Penolong Jururawat Terlatih dan 8/12 atendan perempuan.

Sukatan kelahiran purata ialah kurang dari 2 bagi satu jam dan ianya boleh diuruskan oleh 3 orang kakitangan yang bertugas. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekali-sekala masa kelahiran yang tinggi. Bagi mengatasi perkara ini yang jarang sekali berlaku, satu sistem yang diamalkan sekarang ialah mengambil kakitangan dari wad lain untuk melegakan keadaan.

Tuduhan mengenai kehilangan bayi-bayi dan pesakit-pesakit yang terjun mengakibatkan kematian disebabkan oleh kekurangan kakitangan yang bertugas adalah tidak benar dan merupakan satu kenyataan am yang tidak langsung mempunyai bukti-bukti yang konkrit.

BANK BUMIPUTRA

19. Tuan Haji Zakaria bin Ismail meminta Menteri Kewangan menyatakan samada benar ataupun tidak, bahawa Kerajaan Nyeree di Tanganyika, tidak membenarkan cawangan Bank Bumiputra ditubuhkan di sana, disebabkan ada perhubungan dengan Freemason.

Puan Rafidah Aziz: Bank Bumiputra Malaysia Berhad tidak pernah membuat permohonan ataupun mempunyai rancangan untuk membuka cawangan di Tanganyika.

KENDERAAN LAMA

20. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu undang-undang mengharamkan kenderaan-kenderaan yang berumur 10 atau 15 tahun daripada menggunakan jalanraya.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kementerian saya belum ada cadangan bagi mengadakan undang-undang mengharamkan penggunaan kenderaan-kenderaan yang berumur 10 atau 15 tahun ke atas daripada menggunakan jalanraya kerana langkah seperti ini akan menyusahkan orang ramai dan mungkin menimbulkan masalah sosial. Walau bagaimanapun, Kementerian saya adalah sentiasa mengambil perhatian terhadap keadaan kenderaan-kenderaan bermotor baik kenderaan perdagangan mahupun kenderaan persendirian.

Pada masa sekarang semua kenderaan perdagangan adalah dikehendakki diperiksa tiap-tiap 6 bulan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memastikan bahawa kenderaan-kenderaan ini berada di dalam keadaan yang baik apabila digunakan di jalanraya.

Berkenaan dengan kenderaan-kenderaan persendirian pula, sungguhpun pemeriksaan biasa tidak dijalankan sebagaimana yang dijalankan ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan, pemeriksaan mengejut adalah dijalankan dari masa ke masa oleh pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

JALAN KEPONG/KUALA SELANGOR

21. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menerangkan sebab-sebab penangguhan projek untuk memperbaiki dan memperluaskan Jalan Kepong—Kuala Selangor. Adakah beliau sedar kesesakan jalan itu sekarang dan jika sedar, sanggupkah beliau memberi jaminan bahawa projek tersebut akan disudahkan pada akhir tahun 1978. Sanggupkah beliau menimbangkan satu jalan alternatif untuk mengurangkan tekanan ke atas jalan itu sekarang.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya sedar tentang kesesakan lalu lintas yang dialami tiap-tiap hari di sepanjang Jalan Kepong/Kuala Selangor terutamanya di antara Bulatan Jalan Kucing (Batu 5.3) dan Bandar Kepong (Batu 7.8). Kementerian saya terpaksa menangguh projek untuk memperbaiki dan memperluaskan jalan tersebut oleh kerana masalah pengambilan balik tanah dan setinggan tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang ditentukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian I ialah dari Batu 5.3 hingga Batu 7.8 dan Bahagian II ialah dari Batu 7.8 hingga Batu 9.5. Tender untuk Bahagian I telahpun dipanggil pada 15hb November, 1976 tetapi tidak dapat diberi oleh kerana masalah-masalah di atas dan juga harga tawaran terlalu tinggi. Tawaran ini telah dipanggil semula pada 6hb Mac, 1978 dan sekiranya harganya berpatutan, tawaran boleh diberi kepada kontraktor yang berjaya pada bulan Mei 1978. Oleh kerana projek ini dijangka akan mengambil masa lebih kurang dua tahun, saya tidak dapat memberi jaminan yang projek ini akan disiapkan pada akhir tahun 1978. Bagi Bahagian II pula kerja-kerja rekabentuk sedang dijalankan dan tawaran dijangka akan dipanggil pada tahun 1979. Memandang projek ini dijangka akan merengankan kesesakan lalu lintas yang ada sekarang, Kementerian saya juga tidak bercadang untuk menimbang cadangan membina satu jalan alternatif.

KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

22. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar graduan-graduan bukan Bumiputra telah membuat bantahan kerana mereka telah dipaksa memakai baju hitam dalam konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia pada bulan Jun 1977. Adakah beliau sedar bahawa memakai warna hitam menyongsong adat resam orang-orang Malaysia keturunan China. Jika sedar, sanggupkah beliau menjamin graduan-graduan bukan Bumiputra tidak akan dipaksa menggunakan baju tersebut dalam konvokesyen tahun ini.

Dato' Chan Siang Sun: Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia telah diadakan pada 3hb Disember, 1977 dan tidak pada bulan Jun 1977 sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya sedar bantahan telah diterima dari graduan-graduan lelaki bukan Bumiputra terhadap pakaian kebangsaan serba hitam pada upacara Konvokesyen tersebut. Bantahan terhadap pakaian serba hitam di upacara itu tidak boleh diterima kerana semua Universiti tempatan menggunakan pakaian rasmi yang kebanyakannya adalah berwarna hitam. Akan tetapi ini tidak pula menimbulkan apa-apa bantahan pada masa-masa yang lalu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengkaji lebih mendalam lagi untuk memahami masalah sebenar dan berhubung dengan Universiti Teknologi Malaysia dalam hal tersebut.

IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN UNIVERSITI MALAYA

23. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa badan profesyenal kejuruteraan, yakni "Institute of Mechanical, Electrical and Civil Engineers of the United Kingdom" telah menarik pengiktirafannya ke atas Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) yang dianugerahkan oleh Universiti Malaya. Jika sedar apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan pengiktirafan ijazah-ijazah kami oleh badan ikhtisas tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Terlebih dahulu perlu saya menjelaskan bahawa Universiti Malaya menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan bukan Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan) seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, soal menarik balik pengiktirafan Ijazah Kejuruteraan Universiti Malaya oleh Institutions of Mechanical, Electrical and Civil Engineers, United Kingdom tidak timbul. Kedudukan sebenarnya ialah seperti berikut:

- (i) Sebelum tahun 1977 siswazah kejuruteraan Universiti Malaya dan lain-lain universiti di luar United Kingdom telah diberi pengecualian secara

otomatik daripada Part I dan Part II of the Examinations of the Council of Engineering Institutions (C.E.I.). Institution of Mechanical, Electrical and Civil Engineers, United Kingdom adalah Constituent Institutions of C.E.I.

- (ii) Menurut kenyataan yang dikeluarkan dalam bulan Januari 1977 oleh C.E.I., pengecualian secara automatik seperti di (i) tidak akan diberi lagi pada masa hadapan. Pengecualian akan dipertimbangkan secara individu, iaitu permohonan untuk pengecualian akan ditimbangkan menurut merit tiap-tiap kes berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan oleh C.E.I., umpamanya pengalaman calon dan pengesahan oleh institusi penganjur tempatan. Peraturan baru ini bukan sahaja melibatkan siswazah kejuruteraan kita malah siswazah kejuruteraan institusi negeri lain seperti Singapura, India, Australia, New Zealand dan lain-lain yang dahulunya mendapat pengecualian secara automatik.

Setakat ini tidak ada kenyataan bahawa siswazah kejuruteraan Universiti Malaya akan menghadapi kesulitan dalam mendapatkan pertimbangan C.E.I. bagi pengecualian memandangkan bahawa penilaian akademik di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya dilakukan oleh pemeriksa-pemeriksa luar dari United Kingdom, dan mereka sering memuji mutu dan taraf kursus-kursus kita.

Perlu juga dinyatakan bahawa C.E.I. adalah satu badan profesyenal dan bukan badan akademik. Pengecualian daripada peperiksaan C.E.I. hanya bermakna siswazah-siswazah kita dapat menjadi jurutera di United Kingdom dengan lebih senang.

PULAU PINANG PELABUHAN BEBAS

24. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu Negeri Pulau Pinang sebagai ganti-rugi, lepas kehilangan Taraf "Free Port".

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kehilangan taraf pelabuhan bebas atau "free port" oleh Pulau Pinang haruslah dilihat di dalam konteks dasar harmonisasi tarif yang telah mula dilaksanakan sejak beberapa tahun dahulu lagi. Oleh demikian, kehilangan

taraf pelabuhan bebas bukanlah kejadian yang berlaku secara terkejut dan perkara ganti-rugi seterusnya tidak berbangkit.

Walaupun bagaimanapun Kerajaan Persekutuan telah membantu Kerajaan Pulau Pinang di dalam usaha menggalakkan beberapa banyak pengusaha-pengusaha projek perkilangan menempatkan kilang mereka di Pulau Pinang. Di antara galakan yang diberi ialah penubuhan zon perdagangan bebas di Bayan Lepas dan di Prai di mana kilang-kilang diberi kemudahan istimewa dari segi layanan duti.

Sebenarnya Negeri Pulau Pinang telah muncul sebagai sebuah negeri yang sangat berjaya di Malaysia dari segi mengujudkan peluang-peluang pekerjaan di dalam sektor perindustrian. Selain dari itu Kerajaan Persekutuan telah juga melancarkan rancangan kedai bebas cukai atau "duty free shops" bagi memberi peluang kepada peniaga-peniaga menjual barang-barang kegemaran pelancong-pelancong. Suka juga saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan senantiasa sanggup meninjau masaalah yang dihadapi oleh Pulau Pinang berikutan dengan langkah harmonisasi tarif yang mengakibatkan Pulau Pinang dimasukkan di dalam Kawasan Utama Kastam.

PREMIUM HOLDINGS BHD.— SIASATAN

25. Tuan Ngan Siong Hing bertanya Menteri Undang-undang samada beliau akan memrintahkan Biro Siasatan Negara untuk menyiasat soalan penglibatan Premium Holdings Bhd. mengenai tanah lebih kurang 126 ekar di Jalan Tasek, Ipoh kerana perkara itu sekarang telah menjadi satu skandal.

Menteri Undang-undang (Datuk Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Bagi menjawab soalan ini, saya ingin menyatakan bahawa Biro Siasatan Negara sedang menjalankan penyiasatan mengenai hal ini.

PENDAFTARAN PENGUNDI- PENGUNDI

26. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memberi jaminan bahawa semua orang yang mendaftarkan diri sebagai pengundi dalam urusan pendaftaran pengundi-pengundi akan dibenarkan mengundi dalam pilihanraya umum dengan memastikan bahawa daftar pemilih-pemilih akan siap sebelum pilihanraya diadakan.

Perdana Menteri: Sememangnyaalah menjadi tujuan Suruhanjaya Pilihanraya untuk meluluskan semua permohonan mereka yang ingin menjadi pemilih dalam mana-mana urusan pendaftaran pemilih dengan syarat sipemohon itu mempunyai kelayakan-kelayakan menjadi pemilih sepertimana yang ditetapkan oleh Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam urusan pendaftaran tersebut memang ada permohonan yang ditolak oleh Suruhanjaya Pilihanraya kerana didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti belum cukup umur, bukan warganegara dan tidak memberi butir-butir yang lengkap mengenai kad pengenalan, alamat dan sebagainya.

Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa berusaha untuk menyiapkan cetakan daftar-daftar tersebut sebaik sahaja ianya disahkan untuk membolehkan daftar-daftar itu digunakan dalam mana-mana Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil yang akan datang.

UNIVERSITI MERDEKA

27. Tuan Mustafa bin Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada benar satu pertemuan telah dibuat antara pihak M.C.A. dan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai issue Universiti Merdeka; dan
- (b) samada benar Kerajaan telah menolak permohonan untuk menubuhkan universiti tersebut. Jika tidak, apakah sikap tegas Kerajaan mengenai perkara ini.

Dato' Chan Siang Sun:

- (a) Tidak ada perjumpaan dibuat di antara pihak M.C.A. dan Y.A.B. Perdana Menteri atas issue ini.
- (b) Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan atas perkara ini oleh sebab:
 - (i) satu petition telah dialamatkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan salinan-salinan dikirimkan kepada Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran;
 - (ii) perkara ini belum disampaikan di peringkat Kerajaan lagi oleh Duli Yang Maha Mulia.

UNIVERSITI MERDEKA

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan akan meluluskan penubuhan Universiti Merdeka; jika ya, bilakah kelulusan itu akan diberi. Jika tidak, apakah sebab-sebab Kerajaan membantah penubuhan Universiti itu.

Dato' Chan Siang Sun: Setakat ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan di atas penubuhan Universiti Merdeka itu.

AKTA BIRO SIASATAN NEGARA

29. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kementerian beliau akan mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Biro Siasatan Negara 1973 dengan tujuan memberi kuasa yang lebih kepada pegawai-pegawai B.S.N. dalam menentang rasuah.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Sesungguhnya Kerajaan mengambil berat tentang masalah rasuah di negara ini dan sedang mengkaji dengan teliti cara bagaimanakah Akta Biro Siasatan Negara 1973 dan Akta Pencegah Rasuah 1961 perlu dikemaskini agar pelaksanaannya akan lebih memberi kesan lagi. Memberi kuasa yang lebih kepada pegawai-pegawai B.S.N. adalah satu daripada beberapa aspek yang sedang dikaji. Insya Allah apabila penelitian yang sedang dijalankan ini selesai, Kerajaan akan menimbang pindaan yang perlu dibuat terhadap Akta-akta tersebut.

PETISYEN DARI MERDEKA UNIVERSITI BERHAD

30. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menerima satu petisyen dari Merdeka Universiti Berhad untuk menubuhkan Universiti Merdeka, bila petisyen tersebut diterima, dengan berapa mesyuarat Jumaah Menteri cadangan penubuhan Universiti Merdeka dibincang dan hasil perbincangan-perbincangan tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Ya, Petisyen tersebut telah diterima pada 2hb Februari, 1978.

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Y.B. TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, Yang Berhormat Tuan Azahari bin Md. Taib dipilih jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada satu sahaja cadangan yang diterima dan cadangan itu sudah pun dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah disokong oleh Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, maka menurut Peraturan Mesyuarat 6 (2) dan 4 (3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tuan Azahari bin Md. Taib dipilih jadi sebagai Timbalan Yang di-Pertua. (*Tepuk*).

MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN-KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN), 1978

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Bilangan 62, saya mohon menarik balik Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (Pindaan), 1978.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) (PINDAAN), 1978

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Bilangan 62, saya mohon menarik balik Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1978.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PELABURAN PEKEBUN-KECIL GETAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta yang memperuntukkan penubuhan satu kumpulanwang yang akan dipanggil Kumpulanwang Pelaburan Pekebun-kecil Getah, pengurusan Kumpulanwang itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Utama; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1976 DAN 1977)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN UNDANG-UNDANG PREBET

AKTA AHLI-AHLI PARLIMEN (PENCEGAHAN MEMALING TADAH), 1978

3.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (2) untuk mencadangkan satu usul yang bertujuan mendapatkan izin Dewan ini untuk mengemukakan suatu Rang Undang-undang Persendirian bernama Akta Ahli-ahli Parlimen

(Pencegahan Memaling Tadah), 1978 yang akan menghendaki seorang Ahli Parlimen mengosongkan kerusinya dalam masa 30 hari dan mengakibatkan satu pilihanraya kecil diadakan jika beliau meletak jawatan atau disingkirkan daripada parti atas nama mana ia dipilih pada asalnya.

Pada bulan November lalu, saya telah dipelawa oleh sebuah akhbar harian kebangsaan Tamil, *Tamil Nesan*, untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh para pembaca akhbar tersebut. Satu soalan yang ditanya ialah berkenaan dengan perkara "defection" yang dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri khususnya dari pihak Pembangkang selepas pilihanraya di mana mereka ini mengkhianati kepercayaan yang diletakkan ke atas mereka oleh pengundi-pengundi.

Saya telah ditanya apakah langkah berkesan yang boleh diambil untuk mencegah pengkhianatan politik bersifat oportunis ini terhadap keyakinan rakyat. Saya telah menjawab bahawa langkah yang amat berkesan ialah untuk memperbuatkan suatu undang-undang yang akan menghendaki seorang Ahli Parlimen mengosongkan kerusinya dan mengakibatkan satu pilihanraya kecil diadakan jika beliau meletak jawatan atau disingkirkan daripada parti atas nama mana ia dipilih pada asalnya dan saya telah berjanji bahawa saya akan mengemukakan suatu rang undang-undang prebet atas perkara ini memandang betapa pentingnya perkara ini, dan sebab itulah kita sekarang menghadapi usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang seumpama ini adalah penting supaya dapat memastikan intergriti politik Ahli-ahli Parlimen yang terpilih serta juga untuk mencegah rasuah politik.

Apa yang menjijikkan rakyat Malaysia ialah apabila mereka melihat Ahli-ahli Parlimen atau Wakil Rakyat yang dipilih atas nama sesuatu parti mengkhianati parti tersebut serta juga kepercayaan rakyat dengan menukar parti. Mereka ini tidak beza dari "con-men". Amalan-amalan seperti ini merendahkan politik dan hanya menguatkan pendapat umum yang "politik adalah kotor" bilamana orang-orang yang kotorlah yang mengambil bahagian dalam politik untuk membuatkan politik kotor.

Perkara defection yang dilakukan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada parti atas nama mana ia dipilih pada asalnya adalah tidak senonoh dan tidak beretik kerana mereka ini dipilih bukan kerana sifat-sifat peribadi mereka tetapi kerana parti yang mereka mewakili dan amalan-amalan seumpama ini juga membolehkan ahli-ahli politik yang terpilih dibeli dan dijual seolah-olah mereka ini berada di pasar.

Jika sekiranya seorang Ahli Parlimen yang dipilih meletak jawatan atau disingkirkan daripada parti atas nama mana ia dipilih pada asalnya, maka beliau hendaklah mengosongkan kerusinya dan mengakibatkan satu pilihanraya kecil diadakan. Jika perletakan jawatan atau penyingkiran itu disebabkan oleh sesuatu prinsip politik yang mendapat sokongan orang ramai, maka Ahli Parlimen berkenaan tidak patut ragu-ragu yang beliau tidak akan dipilih sekali lagi dalam satu pilihanraya kecil.

Kita semua sedia maklum bahawa parti-partai dalam gabungan Barisan Nasional menghendaki calon-calonnya menandatangani surat perletakan jawatan yang tidak bertarikh supaya mereka dapat mengawal Ahli-ahli Parlimen atau assemblymen selepas dipilih dan sebelum pilihanraya umum negeri Kelantan diadakan, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Tengku Razaleigh ada berasa beliau terpaksa mengisytiharkan secara umum bahawa UMNO Negeri Kelantan telahpun mengambil langkah-langkah untuk mencegah calon-calon UMNO daripada mengkhianati parti selepas mereka dipilih. Beliau juga telah berkata bahawa setiap calon UMNO dikehendaki menandatangani surat perletakan jawatan yang tidak bertarikh dan surat-surat perletakan jawatan itu akan disimpan oleh UMNO dan surat-surat tersebut akan digunakan jika mereka mengkhianati parti tersebut.

Memang benar di bawah keadaan yang normal, parti yang memerintah boleh mengawal Ahli-ahli Parlimennya dengan menggunakan "paraphernalia of patronage, influence and largesse" yang luas itu. Akan tetapi ini juga merupakan salah satu jenis rasuah politik dan sebab itu untuk mempertahankan intergriti politik Ahli-ahli Parlimen dan akan menjadi satu alat yang boleh mencegah rasuah politik.

Saya kemukakan cadangan saya mengadakan satu bil private dan dengan ini saya cadangkan usul saya ini yang berbunyi, "Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 49 (2) mengizinkan Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang persendirian bernama Akta Ahli-ahli Parlimen (Pencegahan Memaling Tadah), 1978 yang menghendaki seorang Ahli Parlimen mengosongkan kerusi dalam masa 30 hari dan mengakibatkan satu pilihanraya kecil diadakan jika beliau meletak jawatan atau disingkirkan daripada Parti atas nama mana ia dipilih pada asalnya".

3.54 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh rakan saya dari Kota Melaka yang membentangkan Rang Undang-undang Ahli Biasa yang bertajuk Akta Ahli-ahli Parlimen (Pencegahan Memaling Tadah), 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Wakil Rakyat yang dipilih merasakan bahawa Rang Undang-undang itu bukan sahaja kena pada masanya malah adalah demi kepentingan rakyat dan demokrasi berparlimen. Oleh itu, Rang Undang-undang tersebut adalah perlu dibentangkan. Saya merasa yakin Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh dan tidak berbelah bahagi dari rakyat yang tidak mahu melihat keyakinan dan amanah mereka dikhianati oleh petualang-petualang politik. Rang Undang-undang ini adalah penting guna menyingkirkan sebarang petualang dalam politik serta menghapuskan korupsi politik juga. Kita tidak dapat menafikan bahawa apa yang sangat membosankan rakyat di negara ini ialah melihat Wakil-wakil Rakyat mereka yang dipilih berpaling tadah dan melompat dari satu parti atau tempat pergantungan mereka untuk dipilih sebagai Wakil Rakyat dan kemudiannya memasuki satu parti lain. Dengan demikian, mereka telah mengkhianati parti asal mereka serta menyeleweng dari sokongan dan amanah yang diberikan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kepada para pengundi di mana-mana kawasan sekiranya ini berlaku bermakna pengkhianatan terhadap keyakinan dan amanah yang diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat yang mereka

pilih. Berpaling tadah semacam ini atau melompat dari satu parti ke satu parti pada umumnya disifatkan sebagai tindakan petualang politik ataupun opportunists politik dan akan hanya merusakkan politik serta menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat terhadap proses demokrasi berparlimen. Tuan Yang di-Pertua, yang lebih buruk adalah tindakan berpaling tadah dalam politik akan hanya mengakibatkan rakyat lebih bosan dengan pilihanraya yang akan menjadikan mereka hilang kepercayaan terhadap pilihanraya dan tidak mahu pula mengundi semasa pilihanraya diadakan.

Memandangkan sebab-sebab di atas yang saya sebutkan tadi, maka adalah perlu diadakan satu undang-undang negara yang akan menjamin dengan berkesan bahawa kewibawaan politik semua Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat dan yang akan menghentikan perbuatan pengkhianatan terhadap semua parti politik, penyelewengan terhadap kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh rakyat semasa pilihanraya dan yang paling utama menghapuskan rasuah politik dan petualang politik.

Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh rakan saya dari Melaka dalam Dewan yang mulia ini adalah bertujuan seperti yang saya katakan tadi. Sekiranya seorang Ahli Parlimen meletakkan jawatan dari parti yang menganjurkannya bertanding dan menang dalam pilihanraya, maka adalah wajar dan adil bahawa rakyat di kawasannya diberi satu peluang sekali lagi untuk mengundi dalam pilihanraya kecil dan menunjukkan samada mereka bersetuju atau tidak tentang pemberhentiannya itu.

Atas alasan-alasan yang saya katakan tadi saya sukalah sekali lagi menyatakan sokongan yang saya ingin berikan kepada usul yang dibentangkan oleh rakan saya dan saya haraplah bahawa Dewan ini dapatlah mempertimbangkan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat soalnya ialah satu usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebagai Ketua Pembangkang mencadangkan hendak mengadakan satu Rang Undang-undang dan usul ini ada hubungannya dengan Bilangan 49 (2) di dalam peraturan Majlis Mesyuarat. Bilangan 49 (2) berbunyi: "Tiap-tiap permohonan demikian itu hendaklah dengan cara dikeluarkan usul, dan

ahli yang mengeluarkan permohonan itu hendaklah juga menyampaikan kepada Setiausaha satu salinan usulnya mengandungi nama Rang Undang-undang yang dicadangkannya itu". Dan Bilangan 49 (1) mengatakan "dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan siapa-siapa ahli yang bukan ahli Kerajaan yang hendak membawa Rang Undang-undang boleh meminta izin Majlis hendak berbuat demikian, serta menyatakan tujuan dan perkara-perkara besar dalam Rang Undang-undang itu pada masa membawa Rang Undang-undang itu".

Sekarang perkara itu sudah dibawa iaitu sebagai satu usul dan beliau telah terangkan tujuan dan perkara-perkara besar yang akan terkandung di dalam Rang Undang-undang yang akan dikemukakannya kelak sekiranya dipersetujui oleh Majlis ini.

Sekarang saya kemukakan untuk dibahaskan kalau ada yang hendak bercakap, kalau tidak, saya akan terus mengambil undi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada usul ini samada usul ini betul atau Rang Undang-undang ini boleh dibuat jika dipersetujui oleh Dewan tidakkah ia bertentangan dengan Perlembagaan. Perlembagaan menentukan disqualification tiap-tiap seseorang itu. Ini sama dengan amount to disqualification hendak meletakkan membership dia di sini. Dalam Perlembagaan kita (our Constitution) cuma menetapkan—dalam Article 48. Disqualification for membership of Parliament. Tidak ada dalam Perlembagaan mengatakan kalau seseorang itu bertukar party he will be disqualified from becoming a member of this House. Kalau ada Peruntukan ini menetapkan orang itu dihalang menjadi ahli dengan 4 syarat, bagaimana satu Rang Undang-undang biasa hendak membuatnya orang itu mesti berhenti daripada menjadi ahli kalau dia tukar parti. Undang-undang itu boleh jadi *ultra vires* the Constitution.

Saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada provisions of Article 48 of the Constitution. Di sini cuma meletakkan orang-orang yang dihalang menjadi Ahli Dewan ini, tidak ada disebut di sini kalau orang itu keluar parti, dihalang dia tidak

boleh menjadi Ahli Dewan ini. Macam mana undang-undang biasa (ordinary law) hendak dibuat, kalau dia bertentangan dengan provisions of the Constitution.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya jelaskan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Fasal 48 menentukan keadaan-keadaan di mana seorang boleh disqualifiedkan dari menjadi seorang Ahli Parlimen, usul ini atau kalau ada Rang Undang-undang ini tidak akan bercanggah dengan Fasal 48 Perlembagaan kita oleh kerana ini bukan satu disqualification terhadap seorang menjadi Ahli Parlimen. Kalau kita luluskan Akta ini seorang yang disingkirkan atau meninggalkan parti perlu mengosongkan kerusi dan beliau boleh lagi sendiri bertanding untuk kerusi itu oleh kerana kalau itu merupakan satu disqualification, beliau tidak boleh bertanding untuk kerusi itu. Ini bukan satu disqualification terhadap seorang menjadi Ahli Parlimen. Fasal 48 mempunyai syarat-syarat dengan mana seorang boleh hilang kelayakan menjadi Ahli Parlimen tetapi ini ialah satu peruntukan tambahan di mana kita mahu mencegah korupsi politik, dan kedua, saya berpendapat bahawa cadangan ini bukan *ultra vires* Perlembagaan kita oleh kerana alasan-alasan yang saya beri tadi, dan kedua kalau pun *ultra vires*, saya rasa ini bukan satu arena untuk menentukan cadangan ini adakah *ultra vires*.

Atas sebab-sebab yang saya kemukakan bahawa perkara ini tidak *ultra vires*, kalau kita bersetuju dengan prinsip-prinsip usul ini, kita boleh luluskan dan mengikut Standing Orders perkara ini akan terserah kepada seorang Menteri atau Jabatan yang berkenaan untuk meneliti lebih dalam dan menurut Standing Orders sehingga satu laporan diterima daripada Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab perkara ini tidak boleh dilanjutkan dan kalau perkara ini *ultra vires*, dan saya tidak setuju, masa untuk kemukakan perkara ini ialah apabila laporan tersebut diterima daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu. Saya hendak timbangkan dahulu samada boleh dibahaskan atau tidak.

Peraturan Mesyuarat 49, iaitu usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 49, ada menyebutkan iaitu tertakluk kepada syarat-syarat dalam Perkara 67 dalam Perlembagaan, tetapi Perkara 67 lain tujuannya. Begitu juga tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 51 yang menyebutkan:

“51. (1) Sebelum dicap sesuatu Rang Undang-undang, Setiausaha hendaklah puas hati iaitu:

- (a) Rang Undang-undang itu ada terbahagi kepada fasal-fasal yang diberi nombor berturut-turut;
- (b) Pada tepi tiap-tiap fasal itu ada perkataan ringkas menunjukkan isi fasal-fasal itu;
- (c) Rang Undang-undang itu tidak mengandungi perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan apa yang dimaksudkan oleh nama Rang Undang-undang itu; dan
- (d) Rang Undang-undang itu menepati syarat-syarat di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat”.

Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menarik perhatian Dewan ini iaitu sekiranya usul ini disetujui maka ini akan bertentangan kepada Perkara 48 di dalam Perlembagaan dan Perlembagaan inilah yang jadi undang-undang yang teragung sekali (supreme) dan tidak boleh satu undang-undang selepas merdeka ini dikemukakan bertentangan dengan Perlembagaan.

Keterangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan ini tidak bertentangan walaupun ia menyebut ini adalah satu tambahan. Kalau satu tambahan bermakna ini meminda Perlembagaan.

Saya berpendapat kalau usul ini disetujui pun akan dikaji semula bagaimana bentuk Rang Undang-undang itu, bagaimana perkataan-perkataannya supaya tidak bertentangan dengan Perlembagaan di mana-mana juga perkara yang ada kaitan dengan perkara ini. Pada pendapat saya perkara ini boleh diambil undi di dalam Majlis ini tetapi sebelum diundi, kalau ada yang hendak bercakap, dipersilakan. Ucapan hendaklah ringkas sahaja. Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.06 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Usul ini sebagaimana yang telah dikemukakan oleh bekas rakan saya daripada D.A.P. ialah satu tindakan putus asa dan panik. Ini dengan terangnya menunjukkan bahawa mereka yang mengangap diri mereka pemimpin-pemimpin parti merasa bingung apabila ahli-ahli mereka meninggalkan parti mereka kerana membantah terhadap tindakan dictate terms mereka.

Dengan mengemukakan usul ini, ahli itu dengan terang menunjukkan bahawa beliau dan kumpulan beliau tidak berdaya menjaga rumahnya sendiri (*Ketawa*). Apa akan terjadi sekiranya dengan nasib baik mereka ini mendapat kuasa

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu, biar dia bercakap.

Tuan Oh Keng Seng: Saya harap kebenaran diberikan kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Biar rancak sedikit Majlis.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja partinya akan menjadi kelam-kabut tetapi juga negara dan rakyat akan terus menderita nasib yang sama.

Usul ini bukanlah idea yang asal daripada pencadang usul ini. Ia adalah ditiru dan diinspirasi daripada negeri jiran kita, kerana apabila saya mengumumkan perletakan jawatan saya daripada parti itu pada 23hb Februari, pencadang usul ini telah terbang daripada Pulau Pinang pergi ke Singapura (*Ketawa*) dan memberi arahan daripada sana, perkara-perkara penting adalah dirancang dan diarah daripada Singapura.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini satu misinterpretation. Selain daripada tidak ada bukti-bukti, saya harap satu keputusan boleh dibuat atas perkara ini.

Tuan Oh Keng Seng: Ada bukti, Tuan Yang di-Pertua. Beliau dari Singapura diberi arahan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, sabar!

Tuan Oh Keng Seng: Bukti ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tiap-tiap satu perkataan yang dilafazkan di sini hendaklah orang yang mengucapkan itu bertanggungjawab atas apa yang dicakapkannya.

Tuan Oh Keng Seng: Mesti, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, usul Rang Undang-undang private yang terbentang di hadapan Majlis ini adalah sangat pelik bukan kerana ia adalah satu Rang Undang-undang yang bermaksud mengadakan satu Rang Undang-undang memaksa seseorang ahli itu mengosongkan kerusinya apabila dia meletakkan jawatan atau disingkir daripada parti di bawah mana beliau telah bertanding dalam sesuatu pilihanraya tetapi ialah kerana usul ini dikemukakan kebetulan pada masa ini selepas krisis di dalam D.A.P. Ini mendedahkan fikiran dan akal kebudak-budakan di dalam pucuk pimpinan D.A.P., terutamanya pencadang usul ini sebenarnya kelakuan seperti ini dan kurang kematangan ini telah menyebabkan banyak pemimpin-pemimpin keluar dari parti D.A.P. Mengapakah usul seperti ini tidak dicadangkan awal-awal lagi? Mengapakah baru sekarang? Jawapannya adalah mudah. Ini adalah akibat daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku baru-baru ini dalam parti beliau, terutamanya perletakan jawatan saya daripada menjadi ahli D.A.P.

Inilah jenis sambutan yang upaya boleh diberi oleh D.A.P. Satu sambutan yang personal dan membalas dendam. Pencadang usul ini memenuhi ucapannya dengan hujjah-hujjah yang melambong bunyinya untuk membela mandat rakyat. Tetapi rayuan yang diselaputi dengan gula ini tidak dapat menyorok kekecewaan yang amat sangat dan keinginan hendak menunjukkan kemarahan, terutamanya ini menunjukkan kegagalan asas hendak memahami konsep demokrasi berparlimen dan mungkin juga demokrasi sendiri. D.A.P. tidak mengamalkan demokrasi di dalam parti. Kewajipan seorang Ahli Parlimen atau wakil rakyat atau ahli parti ialah kepada pengundinya, bukan hanya parti saya betul atau salah.

Dengan ini nampaknya apabila ahli-ahli D.A.P. berhenti daripada menjadi ahli parti, mereka dipanggil pengkhianat dan tidak taat dan apabila ahli-ahli daripada parti lain memasuki D.A.P., mereka dianggap hero atau champion. Apabila ahli-ahli D.A.P. menjadi pak turut mengikut dasar parti di Parlimen, mereka dikatakan taat setia dan berdisiplin tetapi apabila parti lain mengundi untuk menyokong parti mereka, D.A.P. akan mencabar mereka supaya mengundi mengikut conscience mereka, dan D.A.P. menyuruh supaya menarik balik whip mereka. Inilah taraf atau darjat parti D.A.P. Maka tidak hairan nama yang sesuai bagi D.A.P. sekarang ialah Duplicity Action Party (*Ketawa*). Double standard ini dengan sendiri didedahkan di dalam usul ini.

Saya ingin bertanya kepada pencadang usul ini dalam tahun 1973 hingga tahun 1974 tidakkah D.A.P. menerima masuk dua orang Wakil Rakyat daripada parti lawan, daripada parti politik yang lain. Mengapakah pencadang sebagai Setiausaha Agong D.A.P. sekiranya beliau percayakan ucapannya sendiri dalam menyokong usul ini menyuaratkan Wakil Rakyat Perak bagi kawasan Taiping, Encik Lim Eng Chuan dan Wakil Rakyat wanita dari negeri Selangor, Puan Ganga Nayar meletakkan jawatan mereka sebagai Wakil Rakyat dan bertanding semula kerusi mereka semasa mereka memasuki D.A.P.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi? Pendekkan dan bahaskan atas usul ini sahaja. Sedikit lagi, boleh.

Tuan Oh Keng Seng: Jawapannya tidak. DAP menerima mereka berserta dengan kerusi mereka. Pada masa ini tidak dikeluarkan usul untuk mengemukakan Rang Undang-undang Prebet dan ini semua menunjukkan kecederaan dan seruan untuk keadilan dan kepentingan pengundi diabaikan. Ini ialah double standard sebuah parti opportunist iaitu satu parti yang terdiri daripada orang-orang yang mengambil kesempatan. Semuanya ini tidak elok kerana DAP menyuruh sesuatu perkara tetapi membuat yang lain apabila melibatkan kepentingan mereka sendiri.

Ini dengan secara muktamad mendedahkan double standard parti DAP, terutama pemimpinnya wakil rakyat dari Kota Melaka. Dalam mengemukakan usul untuk

Rang Undang-undang ini, beliau dengan mudahnya melupakan perbuatan beliau. Beliau bukan datang ke Dewan ini dengan tangan yang bersih. Mereka boleh beri ubat tetapi mereka sendiri tidak boleh makan ubat itu. Parti ini sekarang berada di bawah kuasa satu dua orang yang menghendakki tiap-tiap ahli parti mengikut perintah mereka

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya fikir tidak payah. Perkara yang boleh dibincangkan tentang usul ini sahaja. Tidak payah dipanjang-panjangkan. Saya tidak membenarkan ini menjadi forum kesempatan untuk membahaskan soal parti.

Tuan Oh Keng Seng: Ya, ini bukan hal parti, tetapi ini adalah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atau sebuah Jawatankuasa Khas Dewan ini dilantik untuk menyiasat perkara ini dan lain-lain issue yang berkenaan dan juga satu kajian boleh dibuat dan dikemukakan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencabar Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Kota Melaka supaya meletakkan jawatan dan bertanding dengan saya di kawasan Petaling, (*Ketawa*) Seremban atau Kota Melaka.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berani menerima cabaran saya supaya meletakkan jawatan dan bertanding dalam pilihanraya kecil kerana ini bermakna beliau akan kehilangan elaun Parlimen beliau (*Ketawa*) dan elaun Ketua Pembangkang yang mana satu sen pun tidak dipotong dan tidak dicarumkan kepada parti. 100% elaun Ketua Pembangkang masuk ke poketnya tanpa pengetahuan ahli-ahli. Begitulah beliau mentadbirkan parti beliau. Selamat tinggal kepada DAP! (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak berhajat hendak panjangkan usul ini, sebab kita ada usul yang lebih penting lagi. Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas, sudah bangun hendak bercakap. Ringkaskan sahaja!

4.18 ptg.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Saya, Tuan Yang di-Pertua, menuntut hak sebagai Ahli, kalau Tuan Yang di-Pertua benar dan beri saya kebebasan bercakap, saya bercakap, tetapi jikalau Tuan Yang di-Pertua menghadkan, saya duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Memang saya hadkan!

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Biarkan demokrasi diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam usul ini, saya hadkan orang yang bercakap. Dan masa bercakap pun saya hadkan.

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya minta izin, boleh bercakap atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Untuk usul ini, saya hendak hadkan orang bercakap dan masa bercakap pun saya hendak hadkan.

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap perkara yang dibangkitkan ini bukan soal permainan, bukan soal nafsu; soal yang dibangkitkan ini menjejaskan perkara prinsip atau dasar yang amat penting yang menjadi asas untuk pemerintahan secara berparlimen. Sebab itu saya rasa penting tiap-tiap Ahli di dalam Dewan ini diberi kesempatan, jikalau dirasa perlu mengeluarkan perasaan dan fikiran yang tersemat di dalam hatinya kerana perkara ini bukan perkara kepartian. Walaupun telah dibangkitkan dan kita telah berseronok tadi dengan cerita yang panjang, itu hal perjuangan sama sendiri dalam parti yang berkenaan. Tetapi soal yang kita hendak timbangkan ini basic betul-betul. Ini saya harap Tuan Yang di-Pertua sendiri akan sedar dan membenarkan kami membahaskannya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah beritahu tadi dengan jelas, saya benarkan berbahas, tetapi saya hadkan masanya. Saya tidak benarkan ramai yang bercakap dalam usul ini dan masanya saya tidak beri panjang.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya berapa minit yang dibenarkan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat di antara 10 hingga 15 minit sudah cukup.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya protes dan saya tidak mahu bercakap. Saya tidak mahu ambil bahagian. Saya mahu dicatit bahawa saya sebagai Ahli Parlimen pada hari ini protes, kerana saya telah dihadkan masa cuma 10 minit dan saya anggap masanya tidak cukup untuk saya mengeluarkan fikiran dan pendapat atas satu usul yang saya anggap sangat penting yang berkaitan dengan demokrasi, berkait dengan cara pemerintahan negeri ini yang bersejarah. Dan saya harap ini akan dicatit menjadi satu sejarah di mana seorang Ahli Parlimen daripada parti pemerintah sendiri yang mendokong demokrasi telah ditegah dan dihalang serta ditahan daripada bercakap oleh kerana kemahuan Yang di-Pertua Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjalankan mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada, melainkan dipinda Peraturan Mesyuarat itu. Sila Yang Berhormat dari Nilam Puri.

4.23 ptg.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sangka bahawa usul ini akan menimbulkan ketegangan yang berlarut-larutan, dan tidak juga saya sangka bahawa usul ini akan dijadikan peluang untuk parti-parti politik mempertarungkan kisah-kisah peribadi di sini. Saya kira bahawa usul ini penting, kerana ia menyentuh contoh akan hakikat demokrasi itu sendiri. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, usul ini sebenarnya dalam parti saya sendiri pun lebih kurang lima tahun yang lalu telahpun dimasukkan dalam manifesto untuk mewujudkan satu peraturan yang akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan supaya dibuat langkah-langkah yang tegas supaya tidak terjadi hal-hal yang memalukan kedudukan demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang diwujudkan dalam usul ini hanya sebahagian kecil daripada jentera-jentera demokrasi di Malaysia ini yang mesti di

overhaul, dipinda dan diperbaiki. Dengan demikian, saya rasa sudah sampai masanya semua pihak berfikir betapa perlunya usul ini diberikan perhatian. Ada perkara yang boleh kita buat sebagai satu gambaran: pilihanraya berlaku, yang bertanding ialah nama seseorang tetapi atas tiket parti, dalil atas tiket parti ialah simbol yang dipakainya simbol parti. Dan bagi parti-parti yang kaya dan mempunyai kewangan yang teguh, membelanjakan wang beratus-ratus ribu ringgit untuk memenangkannya, tiba-tiba orang yang dipilih atas tiket parti boleh menyeleweng dengan sewenang-wenangnya, melompat ke mana-mana pihak sekali pun. Ini tidak terkena kepada parti DAP, PAS atau mana-mana parti. Ini daripada segi prinsip demokrasi. Dengan sebab itu ada setengah-setengah negeri—saya tidak tahu Singapura, tetapi ada negeri-negeri yang lain yang cuba mengamalkan cara demokrasi yang lebih tegas membuat peraturan-peraturan yang berlainan dengan sistem yang dipakai dalam negeri kita Malaysia ini sendiri terutama tentang soal cara-cara pilihanraya dan cara-cara pemilihan wakil-wakil rakyat.

Barangkali cara-cara yang digunakan oleh setengah-setengah negeri samada di Barat atau di Timur boleh dijadikan panduan yang baik bagi kita untuk menyusun satu peraturan pada masa yang akan datang. Tentu-lah perkara yang ditimbulkan ini tidak akan dapat dibuat perubahan dengan serta-merta pada sehari dua ini, sebab saya percaya pilihanraya pun akan diadakan dengan seberapa cepat, kerana kecenderungannya nampak ke arah itu. Tetapi ini sebagai satu pernyataan pendapat dan fikiran, betapa soal demokrasi dalam negara kita ini sedang menghadapi satu kegoncangan yang amat sangat. Dengan demikian, saya merasa usul ini adalah wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

4.25 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut dengan usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang yang juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya rasa usul ini telah menunjukkan secara negatif akan adanya ketakutan dalam parti-parti yang dibenarkan bergerak di Malaysia, kerana pindaan-pindaan yang dibuat terhadap sesuatu peraturan itu berlaku bila keadaan itu telah menimbulkan kegelisahan. Tetapi kalau hendak diukur yang demokrasi sudah tergoncang dan demokrasi pincang kerana kepimpinan tokoh-tokoh politik dalam sesebuah parti politik itu bergoncang, maka saya tidak dapat menerima bahawa demokrasi di negeri ini sudah luntur. Ini adalah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin itu sendiri kluatir bahawa parti mereka akan lumpuh dan itulah sebabnya mereka telah membawa usul ini untuk meminda akan peraturan yang telah dipakai selama ini sejak merdeka dan sejak kita mengenali pilihanraya.

Oleh yang demikian, saya rasa janganlah dibenarkan pengundi-pengundi dihukum kerana pemimpin-pemimpin telah tidak mendapat kepercayaan oleh anggota-anggota partinya sendiri dan kalau ini hendak dilakukan juga, saya rasa satu jenayah telah dilakukan kepada pengundi-pengundi dan mereka hendaklah apabila mengundi supaya berhati-hati terhadap siapa dan daripada mana parti yang hendak mereka pilih.

4.27 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma suka hendak membangkitkan point of order, iaitu sungguhpun usul ini berbentuk usul, tetapi usul ini ialah bertujuan hendak meminda Perlembagaan negara Malaysia oleh kerana kandungan usul ini merupakan suatu usul yang hendak meminda Perlembagaan. Maka dengan demikian, saya suka hendak membangkitkan point of order bahawa usul ini tidak boleh dibincangkan di dalam bentuk yang ada di hadapan Dewan yang mulia ini. Dengan hal yang demikian, saya suka hendak membangkitkan point of order bahawa usul ini adalah bertentangan dengan peraturan dan tidak boleh dibahaskan di sini kecuali ianya berbentuk meminda Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu, saya sudah jelaskan tadi, iaitu saya benarkan usul ini dibahas. Sekarang ialah peluang untuk

pembawa usul dan saya mengingatkan iaitu perkara-perkara baru tidak boleh dibawa melainkan untuk menjawab hujah-hujah yang timbul dalam perbahasan sahaja.

4.28 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa sangat kesal bahawa satu cadangan yang mustahak, serious, penting, tentu ada pro dan contranya. Kalau merit mesti ada demeritnya, tetapi tidak boleh dinafikan bahawa usul ini sangat penting. Saya boleh lihat apa yang pro dan apa yang contra. Pro atau contra kita boleh membenarkan satu usul atau satu Rang Undang-undang yang mencegah tindakan seorang Ahli Parlimen kerana bolehkah kita menerima satu teori bahawa seorang Ahli Parlimen bertanggungjawab kepada pengundi-pengundi atau sebaliknya dalam tanah air kita. Kita tidak boleh menafikan di tanah air kita seorang yang dipilih menjadi seorang Ahli Parlimen tidak bertanggungjawab kepada pengundi dan sebenarnya bertanggungjawab kepada parti. Dan kalau itu satu realiti, tentu kita perlukan satu Rang Undang-undang untuk mencegah perbuatan-perbuatan korupsi politik yang membenarkan seorang Ahli Parlimen dibeli atau dijual.

Kita percaya di negara kita seorang Ahli Parlimen mesti mengutamakan consciencinya lebih besar daripada ketaatsetiannya kepada parti. Kalau begitu, kenapa dalam perkara-perkara yang penting di Dewan ini Whip dikenakan? Saya kata ini satu perkara yang serious yang mesti dibahas dan timbang, tetapi nampaknya Dewan ini tidak layak timbang perkara yang serious ini khasnya apabila seorang Ahli Parlimen yang pertama mengambil bahagian dalam perdebatan ini telah menukar forum ini sebagai satu tempat permainan, dia jadi seorang kelakar. Saya tidak mahu mengikut contoh ini oleh kerana kalau saya mengikut contoh ini akan merendahkan atau menurunkan darjat Dewan ini: saya tidak mahu menggunakan Dewan ini untuk mengemukakan fitnah-fitnah, dusta-dusta terhadap seseorang tetapi saya rasa adalah perlu bagi saya untuk menjelaskan satu dua perkara yang bertujuan untuk menjejaskan atau merosakkan nama dan tujuan saya.

Yang pertama, satu tuduhan telah dibuat bahawa selepas seorang mengkhianati DAP, saya terbang daripada Penang ke Singapura untuk dapat arahan dari Singapura. Nampaknya itu fikiran budak-budak. Pertama, seorang itu begitu

Tuan Oh Keng Seng: Untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan apa, beliau sudah cakap.

Tuan Oh Keng Seng: Saya tidak cakap dapat arahan daripada Singapura, saya cakap dia beri arahan daripada Singapura.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan on a point of order. Beliau hanya minta penjelasan.

Tuan Oh Keng Seng: Dia beri order dari sana.

Tuan Yang di-Pertua: Dua ahli tidak boleh bercakap dalam satu masa.

Tuan Lim Kit Siang: Maaf. Hari itu saya hendak pergi ke Sabah dan penerbangan saya ialah daripada Penang ke Singapura dan di Singapura terdapat "delay" oleh MAS selama empat jam dan saya terpaksa duduk di transit lounge untuk empat jam—satu masa yang sangat panjang, dan saya tidak terbang khususnya dari Penang ke Singapura.

Kedua, kita tahu beliau hendak menjadi seorang hero, mahu menyanyi lagu yang menyeronokkan hati ahli-ahli daripada Barisan Nasional, semua sangat suka hati, itulah peranan orang-orang semacam ini, mahu main lagu-lagu untuk menggembirakan Barisan Nasional sahaja dan biarlah dia buat begitu. Mahu jadi alat Barisan Nasional biarlah dia jadi alat Barisan Nasional.

Saya tidak perlu menjawab lain-lain hal atau tidak perlu menafikan perkara-perkara yang lain oleh kerana semua itu adalah dusta dan fitnah, tetapi saya mahu kembali kepada tujuan usul saya. Tadi saya ada terangkan latar belakang mengapa saya kemukakan usul ini tetapi ada orang yang tidak boleh faham atau tidak mahu faham. Saya telah terangkan bahawa dalam bulan November lalu, dalam akhbar *Tamil Nesan* ada ruangan di mana pembaca-pembaca bertanya soalan-soalan dan akhbar tersebut telah menjemput

tokoh-tokoh politik untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Yang Berhormat dari Sungai Siput adalah di antara tokoh-tokoh yang menjawab dalam siri itu. Di antara soalan-soalan yang dikemukakan terdapat satu soalan mengenai "defection". Dan saya telah menjawab bahawa tindakan atau satu langkah yang baik untuk mencegah hal ini ialah untuk mengadakan satu undang-undang. Saya menjamin dalam bulan November lalu dalam akhbar *Tamil Nesan* itu yang saya akan kemukakan satu Private Member's Bill. Saya rasa beliau Ahli yang berucap periamah dalam debate ini bukan seorang yang begitu mustahak yang memaksa kita dalam DAP kemukakan satu Private Member's Bill. Kalau beliau fikir beliau itu adalah hero, itu terpolang kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini sangat mustahak sungguhpun terdapat kemungkinan usul ini akan ditolak, tetapi saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin politik semua parti politik boleh beri masaalah ini satu pertimbangan yang sewajarnya. Janganlah kita berlagak semacam ahli baru dari Pontian yang membuat ucapan-ucapan yang kita tahu bukan ikhlas oleh kerana kalau begitu bolehkah sesiapa menafikan bahawa Barisan Nasional, UMNO, mewajibkan setiap calon terima surat unsigned untuk letak jawatan. Untuk apa? Adakah ini selaras dengan Perlembagaan. Itu satu disqualification yang melanggar semangat, melanggar spirit Perlembagaan. Adakah terdapat rule of law dalam negara ini? Kalau ruling party boleh kontrol dan tidak hirau Perlembagaan oleh kerana bila-bila seorang Ahli keluar atau disingkirkan daripada partinya memerintah, partai tersebut hantar surat itu kepada Speaker, dia sudah resign sungguhpun dia protes—tidak berguna. Kita mahu bincang hal ini, janganlah kita sembunyi sahaja. Ini kita semua tahu. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa peraturan-peraturan ini dalam Barisan Nasional tidak akan digunakan lagi—tidak akan diadakan lagi, unsigned letter of resignation dan lain-lain tindakan untuk kontrol Ahli Parlimen atau State Assemblymen. Akan tetapi, apa yang mustahak ialah kita mesti ada satu

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan itu, saya mengesyorkan Ahli Yang Berhormat itu mengikut macam mana Barisan Nasional buat (*Ketawa*). Buat kertas itu suruh ahli-ahlinya sain, patuh kepada parti.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Kita akan timbangkan tetapi apa yang mustahak ialah adakah tindakan ini selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan? Perlembagaan ada buat peruntukan—ada empat syarat (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*) sahaja boleh disqualified, tetapi ada lagi satu peruntukan baru dalam parti bahawa kalau beliau resigned atau expelled mesti disqualified.

Tuan Yang di-Pertua: Ini macam syarat orang hendak kahwin—sesama suka. Perjanjian sulit memang ada.

Tuan Lim Kit Siang: Itu perjanjian sulit, tetapi melanggar dengan satu masyarakat yang terbuka dan dengan satu masyarakat yang demokratik. Apa guna kalau kita mahu Perlembagaan kalau kita ada secret treaties, secret provisions. Saya harap perkara ini kita boleh bincangkan. Pro dan contra ada tetapi tidak dibincangkan dan perkara ini digunakan sebagai satu gelanggang permainan. Saya harap oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengakui perbuatan atau syarat-syarat ini melanggar 'democratic spirit' I would say melanggar the rule of law oleh kerana dalam rule of law sahaja yang membenarkan seorang disqualified jika ia melanggar Perkara 48 dalam Perlembagaan, tetapi kita tahu betapa mustahaknya parti kontrol Ahli Parlimen. Kalau mahu buat begitu buat dengan secara ikat dengan undang-undang. Rang Undang-undang ini open atau terbuka di mana seorang yang dipilih oleh rakyat atas platform parti menyeleweng atau tidak menyeleweng, ada sebab baik yang beliau keluar atau resigne, adakan satu by-election, dia boleh bertanding lagi. Baru sahajalah kita boleh kata hasrat rakyat diutamakan daripada hasrat parti. Saya tidak tahu samada perkara ini boleh difaham atau sengaja tidak boleh difaham

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas!

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya cuma hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua masa 10 minit yang dihadkan itu untuk diri saya seorang sahajakah, atau orang lain sama kena? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Kepada semua, tetapi fasal dia pencadang. Pencadang boleh menggulung, menjawab—itu kelebihan kepada pencadang. Kalau Yang Berhormat jadi pencadang dapat masa lebih juga.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun tidak akan mengambil masa yang lama. Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas khuatir bahawa saya akan cakap sangat panjang. Saya hendak sentuh satu perkara dalam ucapan Ahli dari Pontian di mana beliau berkata bahawa kita kemukakan perkara ini oleh kerana kita khuatir kita akan lumpuh. Kita tahu satu masa dahulu apabila beliau menjadi Setiausaha Politik, masa itu Setiausaha Politik kepada Allahyarham Tun Dr Ismail dalam tahun 1972, masa itu Allahyarham Tun Dr Ismail ada mengatakan bahawa DAP sudah ada satu kaki dalam kubur. Kita boleh lihat samada DAP ada satu kaki dalam kubur atau tidak dan kita boleh tengok selepas pilihanraya umum yang mungkin diadakan tidak lama lagi akibat ketakutan Barisan Nasional, samada DAP akan lumpuh dan perkara ini terserahlah kepada rakyat.

Di hadapan kita ialah satu usul yang sangat mustahak yang mempunyai kaitan dengan kejujuran dan keikhlasan apabila seorang ahli politik menjadi Ahli Parlimen samada beliau boleh dibenarkan menyeleweng dari parti di atas nama beliau dipilih atau kita boleh mencegah berlakunya perkara ini, tidak melalui secret control yang ada dalam Barisan Nasional yang diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi mengadakan pengawasan secara terbuka melalui satu Rang Undang-undang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyebut fasal Speaker. Yang sebenarnya saya belum ada menerima lagi orang meletak jawatan. Kalau sudah ada tandatangan seseorang itu hendak meletak jawatan, Speaker kenalah umumkan.

Sekarang saya kemukakan usul

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mohon supaya diadakan Division.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 46 sekurang-kurangnya 15 Ahli hendaklah bangun menyokong untuk diadakan belahbahagian.

(Kurang daripada 15 Ahli bangun)

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menggalang. Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan

supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

4.55 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat”.

Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim, dari Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong jelaslah bagi kita bahawa banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh negara untuk kepentingan rakyat, sejak Merdeka dan sejak terlaksananya Dasar Ekonomi Baru.

Tujuan usul saya ini ialah untuk menjunjung kasih Kebawah Duli dan bersyukur kepada Allah atas nikmat-nikmat yang telah diberi.

Jika kita pandang kepada negara kita jelaslah bahawa ia mempunyai seribu satu masalah yang jika salah cara pengendalian di pihak pimpinan dapat melahirkan huru-hara. Kita mempunyai bermacam-macam perbezaan dan faktor-faktor bertentangan di kalangan rakyat kita.

Rakyat Malaysia adalah dari berbilang kaum tetapi kita telah berjaya hidup dengan aman damai walaupun dari masa ke masa ada cubaan yang bertujuan meretakkan keharmonian ini.

Banyak contoh negara di dunia ini yang, kerana perbezaan kaum telah berpecah-belah.

Rakyat di negara ini adalah dari berbilang ugama dan fahaman; banyak negara-negara lain yang kerana perbezaan ugama telah menyebabkan tumpah darah sehingga negara sukar membangun.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kaum-kaum di Malaysia juga mempunyai bahasa ibunda yang berlainan dan banyak contoh yang membuktikan bahawa perbezaan bahasa ibunda juga boleh mencetuskan peperangan saudara di dalam sesebuah negara. Perbezaan di dalam pembahagian rezeki juga telah mencetuskan revolusi tetapi kita telah berhasil sehingga hari ini membawa perubahan di bidang ekonomi secara beransur-ansur tanpa sebarang kekacauan berlaku.

Memanglah ada perselisihan pendapat di sana sini sebagaimana yang kita lihat tadi di dalam Dewan ini. Tetapi perselisihan pendapat ini hanya menggambarkan suasana demokratik yang ada di negara kita.

Semua perbezaan-perbezaan begini jika ada di negara lain telah menyebabkan tercetusnya revolusi dan peperangan saudara tetapi kita telah dapat membendung sehingga negara menjadi aman dan dapat membangun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang telah dijajah secara silih berganti maka sudah tentu banyak masalah-masalah yang ada sebagai pusaka ciptaan penjajah yang berganti tangan. Kita pernah dijajah oleh Portugis, kita juga pernah dijajah oleh Belanda, kita dijajah oleh Inggeris kemudian oleh Jepun sebelum Inggeris kembali dan bahagian utara Semenanjung pernah dijajah oleh negara jiran.

Tidak mungkin sesebuah negara yang dijajah oleh berbilang bangsa tidak terikat kepada kesan-kesan penjajahan yang menyulitkan pimpinan negara apabila negara mencapai kemerdekaan.

Sementara kita mengecap nikmat hasil daripada kemerdekaan, nikmat yang kita rasa kerana tercapainya kemerdekaan dan berjayanya rancangan pembangunan yang kita lakukan setelahnya, jenerasi muda pada hari ini perlu mengenang kembali sejarah negara merdeka kerana hanya dengan mengkaji sejarah negara, kita dapat mengerti sebab-sebab kita harus berterima kasih kepada jenerasi yang telah lalu, jenerasi yang lebih dewasa.

Sejarah mencatat bahawa dengan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu maka usaha penjajah British telah gagal untuk melahirkan apa yang ingin dinamakan Malayan Union. Setelah pihak Inggeris yang menjajah di negara ini mendapati bahawa sudah ada niat di kalangan orang-orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan dahulu maka berbagai-bagai usaha telah dilakukan dari saat gagalnya penubuhan Malayan Union hinggalah kita mencapai kemerdekaan.

Saya percaya seandainya kemerdekaan kita dilambatkan dari tahun 1957, maka dengan sendirinya berbagai lagi masalah yang akan kita hadapi yang sempat dirancang oleh pihak Inggeris yang akan menyulitkan lagi negara kita apabila sudah mencapai kemerdekaan.

Dengan tercapainya kemerdekaan, kita sudah mempunyai sebuah perlembagaan. Perlembagaan yang diiktirafkan oleh masyarakat antarabangsa; perlembagaan yang merupakan "historical document" atau "dokumen sejarah" yang dengannya kita diakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang merdeka. Tanpa perlembagaan ini maka tidak adalah "dokumen sejarah" yang boleh dijadikan panduan, yang boleh dijadikan tanda bahawa negara kita diakui sebagai merdeka di peringkat antarabangsa.

Dengan dokumen bersejarah inilah maka Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu didaulatkan; dengan dokumen bersejarah inilah bahasa Malaysia dijadikan bahasa rasmi; dengan dokumen bersejarah inilah juga adanya keistimewaan untuk orang-orang Melayu untuk golongan bumiputra kerana perlembagaan ini merupakan dokumen bukan sahaja diadakan untuk menjamin masa depan negara tetapi untuk

menentukan masyarakat berbilang kaum di negara ini dari berbagai agama dan fahaman, dapat hidup dengan harmoni; kerana perlembagaan ini bukan sahaja memberi garis-garis kebebasan untuk kita bertindak tetapi juga menjamin tegaknya keadilan dengan memperhitungkan faktor-faktor sejarah. Perlembagaan inilah yang memberi hak kerakyatan kepada bukan bumiputra dan Perlembagaan inilah yang menentukan dasar ekonomi bebas. Perlembagaan ini jugalah yang mendaulatkan undang-undang.

Kita tidak boleh memilih untuk mengiktirafkan hanya sebahagian sahaja daripada Perlembagaan kerana tindakan untuk mengiktirafkan sebahagian sahaja daripada kandungan Perlembagaan bererti mencabulkan kedaulatan Perlembagaan itu sendiri, lebih-lebih lagi Perlembagaan itu sendiri telah menetapkan cara-cara untuk memindahkannya.

Apabila sudah merdeka kita sudah mempunyai hak untuk membuat keputusan; ketika kita mula-mula mencapai kemerdekaan kita sebenarnya mencapai kemerdekaan politik iaitu mendapat kuasa untuk membuat keputusan. Sejak itu kita telah bermesyuarat di Dewan yang mulia ini, kita telah memindahkan Perlembagaan apabila kita fikirkan ianya perlu dipindahkan mengikut cara-cara yang ditentukan oleh Perlembagaan itu sendiri.

Kita juga telah membuat undang-undang di dalam Dewan ini. Tiap kali kita bersidang kita telah meluluskan undang-undang kerana negara kita diperintah mengikut undang-undang. Kerana tanpa undang-undang negara kita akan menjadi huru-hara. Kita telah pertahankan undang-undang itu di dalam Dewan ini dan undang-undang itu sendiri telah dipertahankan oleh angkatan bersenjata di negara kita; angkatan udara, angkatan darat dan laut; angkatan polis dan angkatan tentera.

Banyak nyawa telah terkorban di kalangan angkatan polis dan angkatan tentera, banyak ibu yang telah kehilangan anak dalam angkatan bersenjata dan hidup di dalam kesepian. Banyak isteri telah dijanda kerana kehilangan suami yang dikasihi di dalam perjuangan. Banyak anak yang telah menjadi yatim kerana bapa pergi ke medan perjuangan tanpa kembali lagi. Banyak mayat-mayat bergelimpangan di

perbatasan dan di hutan belantara; banyak yang telah terkorban di desa dan di kota; semata-mata untuk mempertahankan cara hidup kita ini dan kedaulatan undang-undang.

Untuk mempertahankan undang-undang ini turut diadakan RELA dan RUKUN TETANGGA. Rakyat telah bersama-sama dengan angkatan bersenjata untuk mendaulatkan undang-undang negara. Tetapi semua pengorbanan ini akan tersia-sia. Tersia-sialah perginya mereka yang tidak kembali lagi dan tidak ada ertilah segala kata-kata kita yang kononnya menghormati pahlawan yang telah terkorban. Tersia-sialah tangisan ibu dan anak, tersia-sialah sedusedan mereka seandainya dalam usaha kita untuk menyelesaikan sebarang masalah kita terlupa kepada undang-undang yang kita sendiri mendaulatkan. Sebaliknya semua pengorbanan ini memberi erti yang besar kerana pengorbanan ini ialah untuk mempertahankan cara hidup yang telah kita per-setujui bersama-sama. Dengan adanya undang-undang sebagai tempat rujukan maka kita dapat mengenal apa yang salah dan apa yang benar, dalam usaha menegak keutuhan negara dengan masyarakat yang berbilang kaum seperti Malaysia. Dengan adanya Perlembagaan dan undang-undang maka kita kenal komunis sebagai fahaman yang menolak cara hidup yang sedang kita lindungi. Subversif juga menjadi subversif kerana bertindak dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang.

Sukatan samada seseorang itu antinasiona juga bergantung kepada tafsiran undang-undang negara. Oleh itu, dalam menghadapi sebarang masalah kita bersyukur kepada Allah kerana kita telah mengikut cara yang telah kita per-setujukan bersama-sama selama lebih 20 tahun yang lampau.

Disebabkan negara kita berdaulat, kerana kestabilan politik dan oleh kerana pembangunan ekonomi yang pesat maka kita sudah dihormati oleh negara-negara luar. Dengan dasar luar negeri yang aman, bebas dan berkecuali dan semangat persaudaraan dengan negara-negara sahabat dan per-tubuhan-pertubuhan antarabangsa; dengan usaha yang gigih untuk memperkukuhkan ASEAN dan kerjasama yang rapat dalam Commonwealth kita lihat negara-negara membangun seperti Jepun, Australia dan

New Zealand dan juga negara-negara lain yang besar dan kecil sudah menghormati kita. Kerana kepercayaan negara-negara luar kepada kita, maka banyak kali kita mengadakan konferensi dan negara kita di-datangi oleh wakil-wakil dari negara-negara asing. Di kalangan negara-negara Islam kita sangat-sangat dihormati dan kita mula terkenal dengan adanya Musabaqah Membaca Al Quran pada tiap-tiap tahun. Kita juga turut sama di dalam Bank Pembangunan Islam, dan kedatangan Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Islam di waktu Persidangan Bank Pembangunan Islam, menjadi bukti terbaru tentang keyakinan negara-negara luar pada negara kita. Tidak lama lagi kita akan adakan konferensi badan-badan dakwah sedunia di Kuala Lumpur.

Kita bersyukur kepada Allah sekali lagi kerana kita ditempatkan di sebuah negara yang subur dan dengan penggunaan akal sebagai satu pemberian yang membezakan kita dengan binatang, maka kita telah dapat menyusun program-program ekonomi dengan begitu berjaya.

Kita mendahului dunia dalam pengeluaran getah asli, kita juga mendahului dunia dengan pengeluaran kelapa sawit, dengan pengeluaran kayu balak dan nenas. Kita adalah pengeluar utama bijih timah. Semua usaha-usaha di dalam bidang pertanian yang dipelbagaikan bukan sahaja dapat menutup keperluan negara tetapi juga dapat menambahkan kekayaan negara dan membangun ekonomi umat.

Usaha untuk memajukan projek-projek ini yang memerlukan tenaga manusia yang sihat dan akal yang cergas hanya akan berhasil dengan berjayanya program kesihatan yang dilancarkan oleh Kerajaan. Dengan adanya rancangan untuk mengimbangkan taraf kesihatan di dalam dan di luar bandar maka anggota masyarakat kita menjadi bertambah sihat dan pada tubuh yang sihat inilah kita isikan ilmu pengetahuan melalui program Kerajaan yang mendidik anggota masyarakat bukan sahaja untuk melayakkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang akan menguntungkan negara tetapi juga aktiviti yang akan memberi kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Penekanan bantuan kepada pelajar-pelajar di peringkat bawahan untuk mendapatkan pelajaran yang minimum yang

perlu untuk dapat menjamin masa depan adalah dialu-alukan. Tindakan ini adalah perlu dan wajar dan usaha kita untuk memberi peluang kepada golongan bumiputra yang telah dianiayai oleh dasar penjajah bukan sahaja dalam bidang ekonomi malah terus ke dalam bidang pendidikan memerlukan sokongan semua pihak. Rancangan Buku Teks percuma menguntungkan seluruh rakyat. Dasar pelajaran telah disusun dengan semangat Perlembagaan dan perhitungan sejarah. Sebarang usaha untuk mencabulkan dasar ini perlu ditentang oleh seluruh rakyat yang cintakan keamanan dan perpaduan.

Untuk semua ini kita perlu memiliki infra-structure yang kuat yang lengkap dan yang baik. Kita memerlukan jalan-jalan yang menghubungkan kota-kota, antara kota dan desa, dan antara desa-desa. Sebelum merdeka ada kawasan pendalaman yang rakyatnya terpaksa mendayung ke hulu ke hilir kerana perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain tidak mungkin dengan jalan; tetapi sekarang ini kita lihat jalan tar di merata-rata tempat sementara di tempat-tempat yang dulunya tidak pernah ada jalan sudah ada jalan luar bandar.

Kita juga mempunyai sistem pos dan talikom yang efisien dan sentiasa bertambah efisien. Sistem penerbangan udara kita menjadi bertambah baik dan sistem pengangkutan di laut menjadi lebih tersusun.

Untuk kawasan-kawasan yang infra-structure belum lengkap maka Kerajaan telah mengadakan rancangan secara revolutionaire, dengan mendatangkan rancangan pembangunan wilayah dan kita dapat lihat sendiri kawasan-kawasan yang dahulunya terbiar, malah tertinggal, sebagai hutan belantara, sudah membangun secara saintifik dan mengikut teknologi moden.

Lebih awal tadi saya telah menyebut bahawa Kerajaan telah mengamalkan dasar ekonomi bebas, tetapi setelah berlakunya peristiwa perselisihan faham antara kaum pada tahun 1969, Kerajaan telah menyemak semula dan telah menyedari bahawa sistem ekonomi bebas sebenarnya hanya merupakan satu usaha untuk membebaskan swasta dari kongkongan Kerajaan dan swasta bersaing sesama sendiri. Dalam keadaan sistem ekonomi bebas tidak mungkin kaum bumiputra yang telah ditekan secara teratur oleh

pihak penjajah dapat membangun untuk bersaing dengan bukan bumiputra di bidang ekonomi tanpa bantuan. Oleh sebab inilah Kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang dengannya telah lahir perbadanan-perbadanan awam yang bertujuan untuk mengendalikan usaha perniagaan bagi pihak bumiputra. Walaupun di peringkat awal masyarakat menerima perbadanan awam dengan penuh kecurigaan sementara ada pihak yang memandang perbadanan awam secara cynical tetapi sudah nyata sekarang ini fungsi yang penting yang dimainkan oleh perbadanan-perbadanan tersebut. Saya berdoa semoga golongan bumiputra cepat-cepat mengumpul wang di dalam koperasi-koperasi untuk dapat mengambil perbadanan-perbadanan yang sekarang ini dipegang oleh pihak Pemerintah.

Sekarang ini negara kita sudah sampai ke peringkat di mana kita sudah mempunyai berbagai-bagai mekanism dan sistem yang akan menjamin masa depan. Apa yang kita bimbangkan ialah jika pembangunan material tidak seimbang dengan pembangunan rohaniah. Oleh itu dengan adanya Ugama Islam sebagai Ugama Persekutuan maka masyarakat yang beragama Islam mendapat kemudahan tempat-tempat beribadat. Kegiatan dakwah dilakukan di sana sini dengan mendapat galakan dan kerjasama daripada Pusat Islam, Yayasan Dakwah Islamiah, Perkim, Darul Arqam dan badan-badan dakwah yang lain yang hidup subur di negara ini. Infra-structure untuk memudahkan kegiatan ugama sudah lengkap di dalam negara; apa yang penting ialah sambutan rakyat semoga infra-structure yang telah diadakan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Kerajaan tidak dapat menjamin semua umat Islam akan ditempatkan di dalam Syurga tetapi setelah ada semua infrastruktur kita tidak dapat melahirkan negara yang lebih Islam dari rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang bertanggungjawab secara langsung ke atas nasib petani dan nelayan. Kementerian ini sungguh telah menunjukkan sikap yang positif dan sanggup dengan pegawai-pegawai yang dedikasi bekerja dengan bertungkus-lumus untuk menjayakan program-program yang telah dirancang. Banyak perubahan-perubahan yang telah dibuat di dalam Kementerian ini untuk menyelesaikan masalah-masalah nelayan dan

petani. Setengah daripada usaha penyelesaian memakan belanja yang besar dan setengah usaha yang lain telah berjaya walaupun dengan perbelanjaan yang sedikit.

Menyentuh mengenai nelayan ini, saya ingin membuat cadangan kepada Kementerian supaya mengeluarkan permit-permit sementara kepada nelayan-nelayan yang menggunakan pukut tunda tetapi injin botnya tidak mencukupi kuasa kuda untuk membolehkan nelayan tadi mendapat permit. Ada setengah pendapat menyarankan supaya nelayan-nelayan ini menukarkan pukut mereka kerana mereka tidak boleh mendapat permit pukut tunda. Mereka perlu menggunakan pukut senyoh atau pukut-pukat lain yang digunakan oleh nelayan di bahagian lautan yang berdekatan dengan pantai. Jika ini dilakukan bukan sahaja kita menyekat cita-cita nelayan untuk maju ke lautan dalam walaupun dengan injin atau kuasa kuda yang kurang kuat tetapi juga kita akan menyebabkan terlalu banyak nelayan yang mencari ikan di tepi pantai sedangkan ikan yang ada di lautan yang berdekatan dengan pantai adalah tidak sebegitu banyak.

Untuk memaksa nelayan-nelayan ini membeli injin kuasa kuda yang mencukupi untuk melayakkan mereka mendapatkan permit pukut tunda adalah di luar kemampuan nelayan-nelayan kecil itu. Oleh kerana nelayan-nelayan pukut tunda kecil telah dihalang daripada mencari ikan di lautan dalam kerana kemampuan injin mereka maka saya berharap perhitongan ini perlu disemak semula kerana saya yakin nelayan lebih mementingkan keselamatan mereka daripada kita sendiri. Orang-orang yang bukan nelayan sekalipun telah berjaya menyeberangi Selat Melaka dengan perahu kecil yang memakai dayung sahaja antara Pulau Sumatra dan Semenanjung Malaysia di masa lampau. Saya tidak dapat memahami kenapa nelayan-nelayan pukut tunda kecil yang berkeinginan, berkemampuan dan berani serta bersemangat untuk mencari ikan di lautan dalam disekat dari pergi ke sana hanya kerana mereka mempunyai injin yang kecil.

Adalah tidak lojik jika kita katakan sudah terlalu banyak pukut tunda kerana tidak mungkin nelayan-nelayan mengkehendaki pukut tunda, untuk membolehkan mereka

mencari ikan di lautan dalam, jika ikan di laut dekat sudah lebih dari mencukupi. Sementara kawasan nelayan pukat kecil terbatas, kawasan bagi nelayan pukat tunda adalah begitu luas dan semua nelayan pukat tunda dapat cuba nasib masing-masing dan beranikan diri untuk masuk ke lautan dalam.

Permit yang perlu dikeluarkan kepada nelayan-nelayan pukat tunda kecil hendaklah merupakan permit sementara yang dibaharui dari masa ke semasa dan usaha nelayan-nelayan ini untuk mendapat permit kekal, setelah memperolehi injin laut dengan kuasa kuda yang mencukupi syarat perlulah mendapat perhatian yang berterusan.

Saya percaya dengan hanya ada keputusan mengenai perkara ini banyak masalah yang berkaitan dengan nelayan pukat tunda kecil dapat diselesaikan tanpa belanja di pihak Kerajaan dan apabila nelayan pukat tunda kecil diberi permit sementara maka mereka dapat memasuki lautan dalam dan meninggalkan nelayan-nelayan pukat senyoh dan pukat-pukat lain dalam keadaan yang lebih mewah kerana jumlah nelayan dekat pantai akan berkurangan setelah nelayan-nelayan pukat tunda kecil pergi ke lautan dalam. Dengan ini bukan sahaja nelayan pukat-pukat kecil yang akan berasa gembira, kerana rakan mereka nelayan pukat tunda kecil sudah meninggalkan kawasan mereka untuk meneroka di lautan dalam tetapi nelayan pukat tunda kecil akan turut berasa gembira kerana kesempatan baru.

Pihak Marin Polis tidak lagi menghadapi masalah memberi kelonggaran dalam pengawasan dan tidak lagi diminta simpati oleh nelayan-nelayan yang mencerobohi lautan dekat atau lautan dalam kerana masing-masing nelayan sudah mempunyai kawasan yang diingini oleh mereka untuk mereka mencari ikan dan menambah rezeki masing-masing.

Jika permit sementara ini tidak dikeluarkan maka nelayan-nelayan pukat tunda kecil terpaksa berada di lautan dekat kerana tidak punya permit untuk masuk ke lautan dalam. Oleh kerana pukat mereka pukat tunda maka keaktifan mereka di dalam lautan dekat akan merugikan nelayan-nelayan kecil yang lain dan dengan ini mereka juga sudah melakukan satu kesalahan yang boleh di tangkap. Jika sebaliknya mereka memasuki lautan dalam mereka juga boleh ditangkap

kerana melanggar undang-undang disebabkan mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membeli injin yang besar.

Berertilah pukat tunda kecil ini akan berada di dalam keadaan serba salah kerana di pantai dekat mereka mengganggu kawasan dan melanggar undang-undang sementara di lautan dalam mereka juga bersalah kerana mencuaikan keselamatan diri disebabkan ketidakupayaan mereka untuk mengadakan injin yang kuat.

Satu perkara lagi yang menjadi penting di akhir-akhir ini ialah keadaan kemarau yang melanda negeri Kedah dan kawasan utara Semenanjung. Saya menganggap kemarau ini sebagai kemarau rahmat kerana banyak perkara yang boleh kita lakukan untuk kebaikan masyarakat yang tidak mungkin dapat kita lakukan seandainya kemarau ini tidak datang. Perkara yang saya maksudkan di sini ialah masalah hutang-piutang di kalangan petani-petani di luar bandar. Apabila kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kita telah mendapat kekuasaan politik untuk membuat keputusan-keputusan tetapi dari segi ekonomi, kita masih terikat pada waktu itu kepada sistem yang ada.

Satu daripada masalah terbesar yang sedang dihadapi oleh petani-petani dan masyarakat desa secara umum ialah masalah bunga yang tinggi atas pinjaman wang (atau kredit) untuk kegunaan pertanian dan untuk membeli barang-barang runcit dan keperluan hidup yang lain. Tingkatan bunga pada masa ini ialah tidak rasmi lebih kurang 60% setahun.

Kerajaan telah menjayakan rancangan penanaman padi 2 kali setahun dan dengan berjayanya rancangan ini maka petani-petani dengan bantuan Kerajaan telah berjaya membantu negara menyelamatkan mata wang asing daripada perbelanjaan impot beras dari luar negeri. Di sana kita lihat petani-petani menjadi lebih mewah. Selain daripada harga dan sewa tanah sawah menjadi lebih mahal, banyak juga petani-petani yang telah berjaya menebuskan tanah-tanah mereka yang telah tergadai kepada peminjam-peminjam wang. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan untuk mencapai taraf penyelesaian yang menyeluruh terhinder kerana masalah kredit belum selesai. Pengeluaran

yang lebih dari usaha petani-petani sebahagian besar darinya telah digunakan oleh petani untuk membayar faedah yang berat atas pinjaman.

Kita juga tidak boleh menghapuskan peminjam wang di luar bandar kerana mereka ini sudah menjadi sebahagian daripada sistem kewangan perdesaan, yang membantu petani. Seandainya peminjam-peminjam wang ini dipaksa keluar tanpa saluran alternatif untuk pemberian kredit maka dengan sendirinya petani-petani akan menghadapi masalah kekurangan modal.

Kerana kemudahan-kemudahan yang diberi oleh peminjam-peminjam wang di luar bandar maka mereka telah dapat membelenggukan petani-petani bukan sahaja dengan menguntungkan mereka tetapi juga dengan memastikan bahawa hasil dari usaha petani akan dipasarkan melalui perniagaan mereka dengan menguntungkan mereka dengan berlebih-lebihan lagi.

Agak susah bagi kita untuk membebaskan petani dari belunggu hutang, malah sebaik sahaja keadaan petani menjadi lebih mewah maka banyak barang-barang baru seperti kelengkapan-kelengkapan elektrik dan kenderaan-kenderaan motor telah dijual kepada mereka. Pinjaman dengan bunga yang tinggi sudah menjadi satu kebudayaan yang merugikan. Oleh itu, agak susah bagi masyarakat desa untuk membebaskan diri dari belunggu hutang secara total, kerana sistem kredit ini bukan sahaja sudah diterima oleh masyarakat dunia tetapi boleh membantu mereka-mereka jika kreditnya dengan bunga yang murah. Masaalah timbul kerana bunga yang dikenakan oleh "lintah darat" ke atas peminjam-peminjam di luar bandar khususnya petani terlalu tinggi. Masaalah menjadi lebih berat kerana petani mendapat pinjaman mudah dan cukup sementara peminjam mendapat bunga yang tinggi dan bekalan padi. Dengan adanya kemarau maka satu situasi sudah lahir di mana peminjam-peminjam wang akan berfikir berpuluh-puluh kali sebelum meminjamkan wang kepada petani kerana hasil pertanian petani yang terganggu dengan bala yang menimpa.

Saya yakin bahawa masaalah ini dapat diselesaikan oleh Kerajaan kerana negara kita mewah dengan wang dan kita mempunyai infra-structure yang cukup untuk menyelesaikan seluruh masaalah.

Kita tidak dapat memaksa petani untuk berpisah daripada peminjam wang. Kita juga tidak dapat memaksa peminjam wang yang tradisional untuk meninggalkan petani, tetapi dengan kedatangan kemarau ini maka kasih sayang antara peminjam wang tradisional atau lintah darat dan petani akan terputus kerana kemampuan petani untuk membayar hutang dengan bunga yang begitu tinggi sudah tidak terjamin kerana "lintah darat" merasa bimbang untuk membantu petani dalam keadaan sekarang kecuali petani juga tuan tanah yang boleh menggadai tanahnya.

Putus kasih ini menjadi peluang kepada pihak Kerajaan untuk menyusun strategi bagi menyelesaikan masalah belunggu hutang supaya apabila petani-petani kita menjadi mewah semula, kerana kemarau tiada lagi, maka pada waktu itu mereka juga sudah terlepas dari belunggu hutang dengan bunga yang begitu tinggi. Rancangan menebus masyarakat tani dari belunggu hutang memerlukan lebih kurang \$100 juta.

Saya cadangkan supaya pihak Kerajaan mengarahkan bank-bank perdagangan dengan cara satu daerah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah bank dengan tugas tertentu untuk memberi pinjaman faedah rendah kepada petani-petani di dalam daerah yang ditentukan itu. Dengan adanya pembahagian kawasan begini maka bank yang dipertanggungjawabkan bukan sahaja dapat dipastikan peranannya dalam sektor ini tetapi juga mereka dapat mengawasi pinjaman dengan lebih rapi lagi.

Bagi daerah-daerah yang mempunyai banyak bank maka tiap sebuah bank boleh ditentukan mukim di mana aktiviti-aktiviti kredit luar bandar ini dijalankan oleh mereka secara tertentu.

Program ini boleh dijalankan di seluruh negara kerana masaalah kredit luar bandar tidak merupakan masaalah di Kedah, di Perlis dan di Seberang Prai sahaja tetapi masaalah kemarau di Kedah dan Perlis boleh merupakan kemarau rahmat kerana ianya dapat menyelesaikan masaalah yang lebih besar dan jumlah wang yang kita gunakan adalah patut jika jumlah ini boleh menyelamatkan masaalah kredit luar bandar yang menjadi masaalah dunia yang tidak selesai-selesai walaupun begitu banyak pakar bertugas di merata-rata negara yang sedang membangun.

Saya juga mencadangkan Kerajaan menimbang, semula kenaikan harga padi selaras dengan kenaikan harga barang-barang keperluan lain.

Oleh kerana negara ini adalah negara yang muda dan sebahagian besar daripada penduduk-penduduknya adalah terdiri daripada belia-belie, saya ingin menyentuh sedikit mengenai kegiatan belie di negara ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belie dan Sukan Malaysia kerana telah berjaya mengendalikan projek-projek yang boleh membantu belie seperti projek belie peladang, dan projek belie niaga. Kemuncak usaha menceburkan belie dengan lebih berkesan lagi dalam bidang perniagaan pihak Kementerian Kebudayaan, Belie dan Sukan telah mendirikan Koperasi Belie Nasional atau KOBENA.

Saya percaya dengan berjayanya projek-projek belie peladang untuk belie-belie di luar bandar dan projek-projek belie niaga khususnya untuk belie-belie yang berada di kawasan bandar, dan projek KOBENA untuk usaha-usaha yang lebih besar maka penekanan usaha dalam bidang-bidang ini akan menjamin masa depan belie yang lebih cerah. Di dalam bidang sukan, persatuan-persatuan belie telah bergerak dengan cergas dan usaha Kementerian di dalam bidang kebudayaan juga sungguh memuaskan.

Kita juga bersyukur kepada Allah kerana kegiatan dakwah di kalangan belie sungguh cergas dan kesedaran belie, yang menyebabkan mereka aktif di dalam kegiatan-kegiatan dakwah, merupakan response kepada usaha-usaha Kerajaan sendiri dalam zaman memupuk suasana yang mengizinkan kelancaran kegiatan dakwah.

Adalah diharapkan semoga dengan adanya kegiatan sukan, dengan adanya kursus-kursus pemimpin, dan dengan adanya kegiatan dakwah maka kita dapat melahirkan "belie cekap", belie yang dapat membawa dirinya dalam masyarakat dengan kekuatan jasad, roh dan mental untuk dapat menem-puh gelora hidup dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dengan bijak, cergas dan taqwa. Adalah menjadi harapan belie di negara ini semoga usaha-usaha ini mendapat perhatian yang berterusan daripada pihak Kementerian.

Sebahagian besar daripada masalah dadah dapat diselesaikan dengan adanya peningkatan kecergasan persatuan-persatuan belie yang dapat melibatkan seluruh masyarakat belie di negara ini di dalam persatuan-persatuan. Dengan adanya jenerasi muda yang berani dan sanggup menegur kesalahan sewaktu ianya memutik, dengan adanya kumpulan di sana sini di seluruh negara yang sanggup menyatakan yang benar walau pahit sekalipun, insya Allah masa depan negara kita pasti cerah.

Saya percaya jika Kementerian memberi perhatian pada program-program yang saya sebutkan ini sebagaimana yang dilakukan di masa-masa yang telah sudah, maka kita tidak perlu mencari cara baru untuk menyelesaikan masalah belie. Untuk mengelak dari percanggahan pendapat segala usaha yang baru yang ingin dijalankan secara besar-besaran hendaklah dilakukan dengan perundingan terlebih dahulu dengan pemimpin-pemimpin belie supaya tidak timbul salah sangka di kemudian hari sehingga menyebabkan perpecahan di dalam masyarakat. Demi kepentingan masa depan belie sudah sampai masanya Kementerian Belie memikirkan secara serius untuk mengadakan "National Youth Policy" (Dasar Belie Negara). Kementerian juga perlu lebihkan peruntukan untuk belanja pentadbiran kelab-kelab yang bertaraf nasional.

Mengenai gaji saya yakin rakyat sudah pasti belum lupa dengan kenaikan gaji yang telah diberi kepada kakitangan Kerajaan, angkatan polis dan angkatan tentera. Sudah tentu kenaikan gaji yang diberi ini adalah kena pada tempatnya dan ianya merupakan tanda perhatian Kerajaan yang tidak putus-putus ke atas kepentingan rakyat. Kerajaan tidak lupa kepada budi dan jasa kakitangan Kerajaan, angkatan polis dan angkatan tentera.

Adalah diharapkan semoga kakitangan Kerajaan, angkatan polis dan angkatan tentera akan dapat menjalankan tugas mereka dengan gigih bersih seperti yang telah dilakukan, semoga keamanan negara terus terpelihara dan negara dapat membangun sebagaimana yang dirancang untuk kepentingan rakyat jelata. Saya juga berharap semoga tanggagaji kakitangan Parlimen disemak semula.

Saya mendapat tahu bahawa Jabatan Perdana Menteri akan membeli sebuah komputer yang akan mengawasi projek yang sedang dijalankan. Dengan adanya komputer ini sudah tentu pemimpin-pemimpin negara dapat mengawasi perjalanan semua projek dengan lebih berkesan lagi. Kita baru merdeka pada tahun 1957 dan dalam masa 20 tahun sudah banyak yang kita capai. Kita perlu bersyukur kepada Allah.

Negara Jepun mengambil masa 107 tahun sehingga sekarang dari saat Iwakura Mission berangkat pada tahun 1971 ke Eropah untuk mencontohi negara barat cara-cara membangun industri mereka, cara-cara pengurusan dan pentadbiran yang dapat menjamin kejayaan yang kita lihat sekarang. Saya yakin dengan tempoh pembangunan yang sudah kita capai dalam masa 20 tahun yang lalu maka dalam masa 87 tahun yang akan datang pencapaian kita sudah pasti lebih daripada apa yang telah tercapai oleh Jepun dalam jangka masa yang sama.

Adalah penting bagi kita mengingatkan bahawa perpaduan Melayu tidak boleh ditegakkan atas kebatilan dan kita tidak boleh mendirikan mahligai yang kukuh atas tiang kayu yang rapuh. Oleh itu, kita perlu menentang dadah, rasuah dan maksiat dengan bersungguh-sungguh. Dengan adanya usaha yang tidak berhenti-henti untuk menegak kebenaran di sana sini maka penyelewengan di semua lapisan akan berkurangan menuju penghapusan. Kita perlu isytiharkan perang terhadap dadah, rasuah, dan maksiat sekali lagi. Dalam semua tindakan kita baik dalam bidang politik, ekonomi ataupun masyarakat kita perlu sentiasa bergerak cergas dan tegas, insya Allah rakyat akan menghakimkan kita dari masa ke masa sementara kita dan rakyat di suatu hari nanti akan dihakimkan oleh Allah Subhanahu watala.

Sekian, wabillahaufik, assalamualaikum.

5.25 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

Pada mulanya saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memilih saya untuk menyokong usul ini. Ini merupakan satu

penghormatan yang besar bukan sahaja bagi saya tetapi juga bagi penduduk-penduduk Teluk Anson. Bandar Teluk Anson dikenali sebagai "the sinking town" dan sebelum kapal ini tenggelam sama sekali, saya rasa eloklah kalau wakilnya boleh menyuarakan sedikit sebanyak di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Titah Ucapan di-Raja itu adalah development-orientated. Duli Yang Maha Mulia telah mengambil berat tentang pembangunan ekonomi dan politik negara kami dan telah menggesa Kerajaan dan rakyat bekerjasama supaya mempercepatkan kadar pertumbuhan dan perkembangan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum. Oleh yang demikian perpaduan rakyat adalah amat mustahak dan perpaduan ini cuma boleh dicapai dengan adanya keadilan sosial. Saya rasa rakyat patutlah menerima hakikat ini dan jangan memberikan peluang kepada politikus-politikus opportunist mengeksploitasikan emosinya.

Saya percaya rakyat di seluruh Malaysia berasa syukur dan bangga bahawa Kerajaan telah berjaya mempertahankan kedaulatan Undang-undang. Prinsip ini adalah sangat mustahak. Tanpa kedaulatan Undang-undang civilised society (masyarakat yang bertamadun) tidak mungkin diwujudkan dan dikekalkan. Rakyat pun berasa gembira bahawa kami mengadakan satu judiciary (kehakiman) yang berkualiti, jujur dan ikhlas. Kehakiman Malaysia pernah membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kerajaan. Ini mencerminkan integrity, saksama dan kebebasan bahagian kehakiman kita dan keadaan ini harus diperkokohkan selama-lamanya.

Titah Ucapan telah menyebutkan bahawa Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan tahunan yang paling besar sekali. Ini adalah kena bagi masa ini sebab terdapat banyak penduduk-penduduk Malaysia berumur kurang daripada 21 tahun yang memerlukan pendidikan. Walau bagaimanapun, saya berasa sedikit dukacita kerana sehingga hari ini Kerajaan belum ada satu dasar pelajaran yang sempurna. Kita ada satu dasar bahasa bagi pelajaran tetapi belum ada satu dasar pelajaran yang sebenarnya.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula perkara ini dan membentuk satu dasar pelajaran yang bertujuan terutamanya memberi semangat kemalayaan kepada jenerasi muda kita. Kedua, memperkuatkan civic consciousness (kesedaran sivik) di kalangan pelajar dan ketiga meningkatkan mereka untuk mendapatkan kerja-kerja selain daripada white-collar jobs.

Berkenaan dengan pelajaran tinggi, saya berpendapat bahawa pada masa ini demand exceeds supply. Oleh yang demikian, tiap-tiap tahun beribu-ribu anak Malaysia dengan kelayakan yang mencukupi telah gagal masuk ke kolej-kolej atau universiti-universiti. Ini telah menimbulkan perasaan keciwa yang selalu-luasnya bukan sahaja di kalangan murid-murid tetapi di kalangan ibubapa-ibubapa juga.

Saya sedar bahawa Kerajaan tidak ada kemampuan untuk mengadakan tempat-tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi bagi semua pemohon. Tetapi sebaliknya universiti-universiti yang kita ada sekarang belum lagi dimajukan dengan sepenuhnya.

Dengan yang demikian, saya menggesa Kerajaan membesarkan institusi-institusi pelajaran tinggi kita khususnya Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Pertanian dan Universiti Teknologi Malaysia supaya menambahkan lebih banyak lagi tempat-tempat bagi anak-anak Malaysia kita.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di-Raja mengesahkan semula keazaman Kerajaan menghapuskan kemiskinan. Saya juga merayu kepada Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih berat kepada nelayan-nelayan kita.

Di negeri Perak misalnya nelayan-nelayan khususnya nelayan-nelayan pantai merupakan golongan yang paling miskin sekali. Saya syorkan bahawa Kerajaan membuka beratus-ratus ekar tanah di tepi laut kepada nelayan-nelayan supaya mereka dapat menternak ikan dan udang dan bercucuk tanam. Dengan perkataan lain, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pusat harus mengadakan satu FELDA untuk nelayan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Di-Raja pun ada berkata bahawa masalah pencemaran akan diberi lebih perhatian. Saya berasa dukacita bahawa sehingga hari ini Kerajaan belum mengadakan satu agensi yang siap sedia menentang pencemaran baik di Selat Melaka atau di kawasan-kawasan pantai yang lain. Tiap-tiap bulan beratus-ratus kapal besar khasnya kapal minyak menggunakan Selat Melaka ini dan kemalangan yang melibatkan kapal-kapal minyak pernah berlaku. Kemalangan tersebut akan mengancam kehidupan beribu-ribu nelayan di pantai kelak.

Saya berharaplah Kerajaan boleh menuhkan dengan segera satu Anti Pollution Brigade yang boleh mengawal pencemaran di Selat Melaka dan di kawasan yang lain, jika perlu, dengan serta-merta sebelum kemalangan berlaku lagi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas janji untuk memberi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya hasil yang dikutip oleh Pihakberkuasa-pihakberkuasa Tempatan tidak mencukupi untuk membekalkan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang baik. Pada biasanya lebih kurang 75% hasil Kerajaan Tempatan digunakan untuk membayar gaji pekerja-pekerja Majlis Tempatan itu. Angka itupun telah naik sesudah gaji Kabinet yang baru dilaksanakan.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya membekalkan grant-grant dan subsidi-subsidi yang lebih banyak lagi kepada Kerajaan Tempatan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum penduduk-penduduk di kawasan Kerajaan Tempatan pun membayar banyak cukai secara langsung atau tidak langsung kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira bahawa Titah Ucapan Di-Raja telah menyentuh tentang Industrial Coordination Act. Saya mengalu-alukan janji Kerajaan akan menimbangkan untuk membuat pindaan-pindaan kepada Akta ini, kalau dianggap

perlu. Saya mengesyorkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuka dialog baru dengan sektor swasta dan perindustrian.

Peraturan pelaburan negara kami telah merosot dan saya berharap Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang baru akan menghentikan kemerosotan pelaburan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di-Raja juga telah menyentuh tentang hubungan antara majikan dan pekerja-pekerja. Di dalam sebuah negara yang sedang membangun satu pergerakan Kesatuan Pekerja yang sihat perlu diadakan. Saya berharaplah Kesatuan-kesatuan Pekerja kita akan menjalankan tugas-tugas mereka secara bertanggungjawab supaya proses perindustrian dapat diteruskan dan dipercepatkan dan lebih banyak pekerjaan dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sukacita bahawa Kerajaan akan terus mengekalkan dasar berkecualinya yang dipelupuri oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr Ismail.

Dalam tempoh yang singkat sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang telah berjaya memperkuatkan hubungan kita dengan negara-negara jiran termasuk Kam-puchea, Laos dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, izinkan saya sekali lagi menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai dan saya percaya bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia tentu akan menggunakan segala tenaga dan daya upaya untuk mempercepatkan pembangunan negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berikrar bahawa beliau akan melaksanakan semua projek Rancangan Malaysia Ketiga. Marilah kita bersama-sama menge-nepikan kepentingan persendirian dan bekerja bersungguh-sungguh dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang negarawan yang jujur, rajin dan dinamik supaya tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai mengikut jadual.

5.38 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja, Dewan ini diberitahu bahawa negara

kita ini kaya dengan sumber-sumber hasil bumi. Kenyataan ini tidak boleh dinafikan. Juga tiada seorangpun yang tidak setuju dengan kata-kata yang "Keteguhan negara keseluruhannya juga bergantung pada ujudnya tenaga pekerja yang berpelajaran, pengurusan yang bijak dan jujur, yang lengkap dengan kemahiran, saintifik dan teknik di semua peringkat dalam sektor awam dan sektor swasta."

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi sungguhpun kenyataan ini adalah benar dan molek, terdapat contoh-contoh yang ketara yang menunjukkan bahawa kemahuan dan keupayaan untuk melaksanakan semangat dan tujuan kata-kata ini tidak ada.

Tahun lalu, hanya lebih kurang 6,000 pelajar-pelajar dari 26,000 yang bertuah dapat masuk ke dalam universiti-universiti tempatan. Baki pelajaran-pelajaran sebanyak 20,000 yang tidak berjaya itu terpaksa mencari jalan yang lain. Ini adalah satu contoh yang menakutkan di mana tenaga rakyat tidak diguna atau dibazirkan (wasted).

Oleh kerana tidak terdapat universiti-universiti yang cukup, maka hendaklah diadakan kolej-kolej teknikal dan institusi-institusi vokesyenal yang mencukupi untuk mengambil 20,000 orang pelajar-pelajar ini dan melatih mereka untuk mengusahakan sumber-sumber hasil bumi yang sedia ada. Adalah amat menyedihkan bagi kita untuk melihat bukan sahaja terdapat kekurangan universiti-universiti bahkan juga terdapat kekurangan politeknik-politeknik dan institusi-institusi pertanian dan perusahaan atau vocational institutes.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali, Parti DAP telah di dalam Dewan ini mendesak supaya langkah-langkah yang lebih cergas diambil untuk membina kolej-kolej politeknik dan institusi-institusi vokesyenal untuk meresap (absorb) beribu-ribu pelajar-pelajar yang tamat pengajian mereka di peringkat L.C.E./S.R.P., S.P.M./M.C.E., S.T.P./H.S.C. supaya mereka ini dapat dilatih dan dilengkapi dengan sesuatu jenis kemahiran atau teknologi supaya mereka dapat mencari makan dan menjadi berguna kepada negara dan masyarakat. Tetapi malangnya, Kementerian Pelajaran sungguhpun ianya mendapat peruntukan yang besar di dalam Budget, adalah lembab dan tidak dapat bereaksi dengan cepat untuk mengatasi perkara ini.

Mungkin Menteri yang berkenaan akan menjawab bahawa terdapat banyak kolej-kolej MARA. Tetapi yang patut ditanya ialah samada kolej-kolej ini adalah mencukupi. Saya rasa kolej-kolej ini tidak mencukupi kerana MARA hanya mengambil pelajar-pelajar keturunan Melayu. Adalah nyata institusi-institusi lain hendak dibina untuk menampung keperluan pelajar-pelajar bangsa lain, khususnya pelajar-pelajar China dan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, ketika menjawab satu soalan yang dikemukakan di Dewan ini tahun lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran ketika itu telah memberikan angka-angka tentang pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan bagi tahun 1977 tahun lalu. Bagi tahun 1977, sebanyak 4,464 atau 75.3% tempat diberikan kepada pelajar-pelajar bumiputra dan sebanyak 1,463 atau 24.7% tempat diberikan kepada pelajar-pelajar dari bangsa-bangsa yang lain.

Menteri Pelajaran juga berkata ketidak-seimbangan ini diadakan memandang ramai pelajar-pelajar bukan Melayu menuntut di institusi-institusi di seberang laut. Ini mungkin benar tetapi juga tidak boleh dinafikan beribu-ribu pelajar-pelajar dihantarkan ke luar negeri dengan biasiswa yang diberikan oleh MARA. Juga, bukan semua pelajar-pelajar bukan Melayu mampu pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka dan kebanyakan pelajar-pelajar bukan Melayu berjaya melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri kerana usaha-usaha jimat-cermat yang dipraktikkan oleh ibubapa mereka. Tetapi kebanyakan pelajar-pelajar yang layak dan bijak tidak ada wang untuk belajar di luar negeri. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan mereka tempat di institusi-institusi tempatan.

Jika Kerajaan berniat mewujudkan sebuah masyarakat yang adil, maka Parti DAP menyeru Kerajaan supaya bersikap adil dalam hal pembahagian tempat di universiti-universiti tempatan pada tahun ini dan juga dalam tahun-tahun akan datang. Pengambilan pelajar-pelajar hendaklah mencerminkan komposisi berbilang bangsa negara ini iaitu pengambil pelajar-pelajar hendaklah 50-50 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti Merdeka sedang ditaja oleh pihak Merdeka Universiti Berhad, sebuah organisasi yang tidak mencari untung yang membuktikan dirinya untuk memberikan kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih untuk rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Sejak penubuhan organisasi tersebut pada 8hb Mei, 1969, organisasi tersebut telah berkempen tak kenal lelah untuk mendapatkan persetujuan resmi bagi projek Universiti Merdeka. Bukan sahaja organisasi ini yang minat untuk menubuhkan Universiti Merdeka. Bahkan hampir seluruh masyarakat Malaysia keturunan China menyokong cadangan ini dan sokongan ini adalah ketara dengan sokongan yang diberikan secara tulis (in black and white) oleh persatuan-persatuan dan suku-suku China.

Penubuhan Universiti Merdeka akan dapat memenuhi keperluan untuk tempat-tempat di universiti. Tadi saya telah sebutkan angka-angka bagi pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan bagi tahun 1977. Bagi tahun 1973/74 pula, sebanyak 4,400 pelajar-pelajar telah berjaya mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan dan sebanyak 5,600 pelajar-pelajar tidak berjaya; bagi tahun 1974/75 pula, sebanyak 6,095 pelajar-pelajar berjaya mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan dan sebanyak 16,339 pelajar-pelajar tidak berjaya mendapatkan tempat; bagi tahun 1975/76 pula sebanyak 4,800 pelajar-pelajar berjaya tetapi 8,200 pelajar-pelajar tidak berjaya mendapatkan tempat; dan pada tahun 1976/77 pula, sebanyak 3,844 pelajar-pelajar berjaya mendapatkan tempat dan sebanyak 7,006 tidak berjaya mendapatkan tempat untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan.

Bilangan calon-calon yang tidak berjaya memasuki universiti-universiti tempatan adalah lebih daripada bilangan calon-calon yang berjaya. Dengan ini adalah jelas lebih banyak lagi institusi-institusi pelajaran tertiary patut dibina di Malaysia dan Universiti Merdeka mempunyai peranan yang penting dalam masyarakat kita.

Dengan penubuhan Universiti Merdeka, ianya dapat mengeluarkan pengurus-pengurus (managers), jurutera-jurutera dan teknologi-teknologi untuk mengusahakan

sumber-sumber yang terdapat di negara ini dan juga akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan (employment opportunity) yang lebih.

Dengan penubuhan Universiti Merdeka, bilangan pelajar-pelajar yang pergi ke luar negeri akan menurun dan ini bererti kita akan dapat menjimatkan penukaran asing kita, kita boleh save banyak foreign exchange.

Orang-orang yang menentang penubuhan Universiti Merdeka akan berkata Universiti tersebut adalah universiti China tetapi jika kita memperhatikan objektif-objektif pelajaran universiti tersebut kita akan mendapati bahawa universiti tersebut adalah Malaysia orientated. Untuk memetik objektifnya :

(Dengan izin) "On our educational objectives: We propose to set up faculties of science, engineering, arts and commerce so as to align with the trend of promoting science and technology in the country. Apart from taking Chinese language as a major medium of instruction, the learning and training in Bahasa Malaysia and English will also be highlighted."

Setiap tahun, peruntukan kewangan untuk pelajaran akan meningkat. Beratus-ratus juta ringgit akan dikehendaki setiap tahun. Kerajaan akan mendapati bahawa ia tidak mampu untuk menampung keperluan yang dikehendaki oleh rakyat dan sektor swasta terpaksa diseru untuk membantu seperti sekarang di mana Kerajaan menyeru sektor swasta untuk melabur di dalam perniagaan dan perindustrian. Saya ingat pada masa akan datang Kerajaan pun akan menggalak pihak swasta untuk menolong di dalam sektor pelajaran. Di sini terdapat satu peluang bagi Kerajaan untuk mengalu-alukan "relief" untuk meringankan beban pelajaran. Di negara-negara yang maju, pelajaran persendirian atau "private education" telah memainkan peranan yang besar dalam mendidik orang ramai. Contohnya di United Kingdom; di mana terdapat sistem pelajaran awam yang terkenal di mana ada ramai anak-anak Menteri kita belajar di sana.

Memandang kepada apa yang dinyatakan oleh saya tadi, sudah sampailah masanya untuk pihak yang bertanggungjawab terhadap pelajaran untuk hentikan kelengahannya dan memberikan kebenaran formal atau rasmi untuk penubuhan Universiti Merdeka.

Pengumuman keputusan peperiksaan H.S.C. tahun 1977 telah disambut dengan rintihan oleh pelajar-pelajar, ibubapa-ibubapa dan para pendidik kerana kemunduran dalam keputusan peperiksaan tersebut. Peratus pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan tersebut adalah lebih rendah dari tahun-tahun yang lalu. Keputusan bagi kertas Am lebih teruk. Semua ini menunjukkan terdapat kemerosotan dalam taraf pengajian dan Kementerian Pelajaran hendaklah bertanggungjawab untuk kemerosotan ini.

Secara lojik, mereka yang bertanggungjawab hendaklah menganalisa keputusan H.S.C. pada masa akan datang akan bertambah baik. Malangnya, "coolness" dan "reason" masih belum prevail lagi. Sebaliknya, baru-baru ini satu pengumuman yang terkejut telah dibuat yang mengatakan peperiksaan H.S.C. akan dibatalkan mulai tahun depan dan hanya peperiksaan S.T.P. akan diadakan. Pengumuman ini telah diterima dengan penuh perasaan was-was oleh pelajar-pelajar, ibubapa-ibubapa dan guru-guru. Jika peperiksaan H.S.C. dibatalkan tahun hadapan, pelajar-pelajar yang belajar mata-mata pelajaran dalam Bahasa Inggeris akan berada dalam keadaan "disadvantage" yang serius. Ini adalah seperti menukar kuda di tengah-tengah sungai di mana akibatnya adalah sangat malang bagi penunggang kuda tersebut dan dalam kes ini para pelajarlah yang terpaksa menanggung akibat yang malang itu. Jika peperiksaan H.S.C. dibatalkan ianya bukan sahaja tidak adil kepada pelajar-pelajar yang datang dari sekolah-sekolah pengantaraan Inggeris tetapi peperiksaan H.S.C. merupakan satu peperiksaan yang penting yang akan menentukan samada pelajar tersebut akan berpeluang memasuki universiti atau tidak.

Saya menyeru Kementerian Pelajaran supaya jangan "tamper" di sana sini. Mereka hendaklah sedar yang mereka itu "are dealing" dengan harapan dan aspirasi pelajar-pelajar muda dan juga masa depan mereka. Biarlah peperiksaan H.S.C. terus diadakan sekurang-kurangnya sehingga tahun 1980 di mana pelajar-pelajar yang terakhir dari sekolah-sekolah pengantaraan Inggeris akan mengambil peperiksaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab mengapa keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. sampai sekarang masih belum lagi

diumumkan sedangkan keputusan bagi peperiksaan yang seumpama itu telahpun diumumkan di negara-negara lain beberapa minggu yang lalu.

Kelambatan dalam mengumumkan keputusan peperiksaan M.C.E./S.P.M. telah menimbulkan tegangan dan kebimbangan yang tidak perlu di kalangan pelajar-pelajar dan lebih lama kelambatan ini berlaku, pelajar-pelajar ke kelas-kelas H.S.C. akan lambat masuk ke kelas-kelas tersebut dan ini bermakna mereka ini tidak akan mempunyai masa untuk membuat persediaan untuk peperiksaan akan datang. Ini adalah satu sebab keputusan Peperiksaan H.S.C. tahun ini tidak baik. Juga, ramai di antara pelajar-pelajar yang menunggu keputusan mereka lazimnya tak buat apa-apa dan mereka dengan mudahnya dipengaruhi oleh tabiat-tabiat dan pengaruh yang buruk.

Penukaran yang sering dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab untuk pelajaran dan kekurangan tempat-tempat untuk pelajar-pelajar di universiti-universiti dan politeknik-politeknik menunjukkan pihak Kementerian Pelajaran tidak tahu haluan. Jika kita tidak mempunyai apa-apa pelan konstruktif untuk mengusahakan potensi tenaga rakyat yang terdapat di negara ini dengan tidak tahu apa hendak dan patut dibuat, maka peluang untuk mengusahakan potensi tenaga rakyat di negara ini dan untuk menggunakan sumber-sumber alam semula jadi secara cekap akan hilang. Sudah sampai masanya untuk Kementerian Pelajaran untuk membuat suatu "soul-searching reappraisal" tentang objektif-objektif dan organisasinya dan menyediakan pemuda-pemuda kita untuk menghadapi masa depan yang cerah.

Terdapat sebilangan besar rakyat yang hidup dalam masyarakat kita tetapi bukan hidup dalam masyarakat iaitu mereka ini berada dalam satu keadaan "limbo" kerana mereka tidak mempunyai negeri. Inilah yang dikatakan stateless persons. Sumber-sumber yang konservatif menetapkan bilangan orang-orang yang tidak bernegeri di Malaysia sebanyak 200,000. Ada pula orang yang mengata angka ini tidak kurang dari 500,000 dan majallah *The Economist* dalam keluarannya baru-baru ini menetapkan angkanya sebanyak 1.3 juta. Kebanyakan dari mereka ini telah menjadi subjek British semasa penjajahan; mereka ini ditinggalkan

di sini selepas merdeka dan mereka juga tercicir dari urusan pendaftaran warga-negara, mereka ini tidak dapat kewarganegaraan.

Masalah ini bukanlah kecil. Ianya melibatkan ramai orang. Dengan tiada sijil kewarganegaraan mereka tidak akan dapat pekerjaan kerana mereka terpaksa mengada permit kerja. Anak-anak orang-orang yang tidak bernegeri (stateless persons) atau bukan warganegara menghadapi kesusahan untuk mendapatkan kerakyatan sungguhpun mereka ini dilahir dan dibesarkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara orang-orang yang tidak bernegeri ini telah memohon untuk mendapatkan sijil kerakyatan beberapa tahun dahulu tetapi mereka gagal dalam permohonan mereka. Mereka telah cuba bukan sekali tetapi berkali-kali dan mereka mendapat keputusan yang negatif. Mereka sudah menunggu setahun, dua tahun, tiga tahun tetapi tidak mendapat apa-apa keputusan.

Ini adalah wajar sekali kerana mereka ini telah menyumbangkan terhadap kemajuan dan kemakmuran negara. Mereka telah menghabiskan masa mereka di lombong-lombong bijih, estet-estet getah dan di kem-kem balak. Jalan-jalan yang amat molek yang terdapat di negara ini adalah hasil usaha dari orang-orang ini. Oleh kerana mereka telah memberikan sumbangan yang begitu banyak terhadap negara kita, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendaklah mengkaji semula dasar-dasarnya dan diberikan mereka sijil kerakyatan tanpa melengah-lengah.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dalam lawatan rasminya ke Sabah telah berkata Kerajaan akan menimbang untuk memberikan pelarian-pelarian (refugees) sebanyak 140,000 dari Filipina taraf penduduk tetap (permanent residents). Gesture ini patut dipuji. Tetapi gesture ini juga boleh diberikan kepada mereka yang telah hidup dan kerja di sini untuk beberapa desawarsa. Mereka patutnya dikurniakan dengan kerakyatan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Banyak telah diperkatakan tentang kedaulatan undang-undang (rule of law). Tetapi adalah relevan untuk menegaskan bahawa dalam kes tahanan Ahli Parlimen DAP bagi Batu Gajah, Chian Heng Kai, dan Chan Kok Kit, Penolong Bendahari DAP, kedaulatan undang-undang telah dicabuli. Kedua-dua mereka ini telah ditahan tanpa pembicaraan selama 1½ tahun atas tuduhan-tuduhan yang tidak dapat diterima akal. Kedua-dua mereka ini tidak bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan, khasnya dasar-dasar Kerajaan mengenai pelajaran. Tetapi mereka telah menentang Kerajaan secara berperlembagaan dan menurut lunas-lunas demokrasi. Saya berpendapat bahawa kedaulatan undang-undang telah dicabuli dalam kes tahanan tanpa pembicaraan Sdr. Chian Heng Kai dan Sdr. Chan Kok Kit dan Parti DAP menyeru supaya mereka diadakan dalam sebuah mahkamah yang bukan ataupun mereka ini dibebaskan dengan segera tanpa sebarang syarat.

6.04 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya suka menjunjung tinggi Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang begitu bermakna dan yang bersemangat yang telahpun disampaikan di Dewan yang mulia ini kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini mengadakan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat. Ini bermakna kian masa kita kian meningkat maju ke hadapan dalam bidang yang serba-serbi, meningkatkan lagi taraf hidup rakyat kita bukan saja di kampung bahkan juga di luar bandar serta memperolehi kemajuan yang begitu pesat dan begitu memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Duli Yang Maha Mulia semalam pada keseluruhan memberikan gambaran jelas bahawa Kerajaan kita dari masa ke semasa mengatur rancangan-rancangan baru bagi meningkatkan lagi kemajuan yang dicapai setakat ini. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia semalam mengandungi panduan-panduan dan petua-petua yang begitu jelas memimpin negara kita ke arah pembangunan yang lebih pesat dan lebih saksama di antara

kaum dalam semua bidang, khususnya di bidang-bidang seperti ekonomi, perusahaan dan perindustrian, perumahan, pelajaran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian, saya sukalah menimbulkan beberapa masaalah-masaalah yang saya sendiri menghadapi sebagai Wakil Rakyat kawasan saya di Sungai Siput serta yang dialami oleh penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan saya.

Saya dapati sejak Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan dua tahun yang lepas, perubahan yang positif, jelas dan nyata belum lagi berlaku dalam banyak bidang penghidupan kita. Ini lebih nyata lagi di kawasan-kawasan perkampungan dan di setengah tempat-tempat luar bandar. Saya rasa keadaan yang telahpun wujud di kampung-kampung sebelum Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan kini terus ada tanpa apa-apa perubahan. Ini adalah satu keadaan yang tidak menggalakkan dan haruslah diperbaiki segera agar keadaan pembangunan tetap berjalan lancar tanpa apa-apa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh atas Bekalan Letrik di tempat-tempat luar bandar. Sungguhpun Kerajaan sudah ada rancangan membekalkan letrik di kawasan-kawasan luar bandar, namun sebanyak 48 rancangan yang telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua masih belum diimplimentasikan lagi di Daerah Kuala Kangsar, terutamanya di kawasan pilihanraya saya di Sungai Siput di mana sebanyak 30 kampung masih belum mendapat bekalan letrik. Ini sungguh menyedihkan hati saya. Sungguhpun K.E.D. iaitu Kinta Electrical Distribution Company telah diambilalih oleh Kerajaan, saya tidak faham mengapakah satu lembaga yang berasingan telah ditubuhkan dan mengapakah Lembaga Letrik Negara tidakpun menyerapkan iaitu mengabsorbkan K.E.D. ini. Dengan berkat pengalaman, pentadbiran dan usaha-usaha teknologi L.L.N., ia boleh membuat kerja yang lebih baik daripada K.E.D. di mana peruntukan boleh dijadikan modal untuk melabur semula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan pilihanraya saya, seseorang individu terpaksa menyumbangkan sebanyak seribu ringgit untuk mendapatkan bekalan letrik—iaitu satu pembayaran yang begitu tinggi

sekali yang tidak pun terdaya oleh golongan yang miskin. Ini tidak termasuk usaha mengaturkan dawai dalam rumah. Saya suka bertanya, bagaimanakah seseorang yang mendapat pendapatan yang agak sedikit saja akan terdaya memasang bekalan elektrik di rumah mereka dalam keadaan buruk ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari sebanyak 35 kampung di kawasan Sungai Siput saya, hanya sebanyak 6 kampung saya yang mempunyai kemudahan jalan yang baik. Yang lain semua adalah di bawah jagaan Pembangunan Luar Bandar dan dipanggil jalan-jalan Pembangunan Luar Bandar. Jalan-jalan ini tidak dijaga dengan baik dan tidak terdapat jalan-jalan yang berkekalan di tempat-tempat ini. 60% daripada kampung-kampung di kawasan saya mempunyai jalan-jalan yang layak dilalui oleh hanya kereta-kereta lembu dan kenderaan-kenderaan yang buruk saja. Saya rasa sesuatu yang tegas haruslah dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki jalan-jalan ini yang menjadi saluran-saluran yang penting dalam kehidupan setiap orang di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sudah 21 tahun lalu sejak kita mencapai kemerdekaan, namun banyak penghuni-penghuni kampung kita tidak pernah menikmati air paip di kampung-kampung mereka. Sungguhpun Rancangan Malaysia Kedua telahpun menguntukkan wang bagi tujuan ini, akan tetapi implimentasinya adalah terlalu lambat. Saya bimbang samada rancangan ini akan dapat dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Ladang-ladang ini kini menjadi pulau-pulau yang tidak dipunyai oleh sesiapa pun kerana ia tidak diliputi oleh Pembangunan Luar Bandar ataupun bantuan Kerajaan Persekutuan. Tetapi ini dinamakan sebagai harta swasta ataupun sebagai private property. Saya suka bertanya apakah rancangan Kerajaan ataupun Rancangan Malaysia Ketiga bagi membangunkan orang-orang yang tinggal di ladang ini? Mungkin kita boleh minta pentadbiran-pentadbiran ladang supaya disediakan bekalan air kepada mereka. Akan tetapi bagaimanakah ini boleh dilakukan sekiranya tidak ada bekalan air di sekitar kawasan-kawasan mereka. Di Sungai Siput saja, ada 6 ladang di suatu tempat dengan jumlah penduduknya sebanyak sekurang-kurangnya 2,500 orang

dengan tidak ada kemudahan-kemudahan bekalan air ataupun air-air yang sudah dibersihkan. Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini haruslah diperbaiki supaya mereka ini menerima bekalan air yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rancangan Malaysia Ketiga bercadang membawa banyak perubahan dan membina bangunan-bangunan baru, kebanyakan dari sekolah-sekolah kebangsaan kini adalah dalam keadaan yang amat buruk sekali. Satu contoh yang baik sekali ialah Sekolah Kebangsaan Lintang yang sedang menunggu masa untuk jatuh ke tanah pada satu hari nanti. Sekolah-sekolah yang lain pula terlalu kecil dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang serba-serbi. Secara umum, saya sungguh bimbang di atas keadaan setengah sekolah-sekolah Melayu di kawasan saya. Ini memerlukan tindakan yang segera bagi diperbaiki serta diperbesarkannya atau membinanya semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa tidak ada peruntukan bagi tujuan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan saya merayu agar Kerajaan timbang bagi memasukkan perkara ini yang mustahak sekali dalam pengkajian semula Rancangan Malaysia Ketiga. Berhubung dengan sekolah-sekolah Tamil dan China, dua buah sekolah yang memerlukan pembinaan-pembinaan semula dengan segera ialah sekolah-sekolah yang terletak di Ladang Sungai Relat di Lintang dan Ladang Changkat Salak di Salak Utara. S.R.J.K. China Shin Chong juga memerlukan pembaikan dan penyusunan semula. Tuan Yang di-Pertua, saya suka melahirkan penghargaan saya kepada Kerajaan di atas pembinaan semula S.R.J.K. China di Kampung Baru Rembau Panjang dan berharap perhatian yang sama akan diberikan terhadap kampung-kampung yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini saya sudah timbulkan di Dewan ini banyak kali tetapi sekali lagilah saya suka merayu kepada Dewan ini. Sungguhpun undang-undang telah diadakan, kontrek buruh diberikan gaji yang agak kurang sangat dengan tidak ada apa-apa faedah jua pun. Saya suka bercadang kepada Kementerian Buruh supaya Kementerian ini haruslah memperkenalkan

perlindungan-perlindungan yang sah dari segi undang-undang kepada pekerja yang diberi kerja oleh pekebun-pekebun kecil yang sedang dieksploitasikan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun sektor penerbitan dan manufacturing sector diberi satu tugas yang penting mengambil kerja pekerja-pekerja kaum Melayu dan kaum India, akan tetapi keadaan sekarang dalam pengambilan pekerja adalah tidak memuaskan. Saya dapati kebanyakan kilang-kilang hanya memberi pekerjaan kepada orang-orang India cuma untuk kerja-kerja menyapu, membersihkan dan menjadi tukang-

tukang kebun saja. Apakah kaum ini tidak layak ataupun tidak boleh diberi kerja-kerja yang lebih baik seperti kerani dan sebagainya? Keadaan ini adalah didapati di kebanyakan tempat dan patutlah tindakan segera diambil bagi memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga bercadang menambahkan jumlah pekerjaan dalam sektor ini bagi orang Melayu dan orang India selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi ini dipatuhi oleh setengah sektor. Contohnya, ialah di Bank-bank di mana jumlah pekerja-pekerja dari kaum India adalah paling kurang. Saya suka memberi satu contoh di sini:

<i>Bank</i>	<i>Jumlah pekerja Bumiputra</i>	<i>India</i>
(1) Malayan Banking Berhad	1,992	865
(2) Public Bank	279	94
(3) Overseas Chinese Banking Corporation	905	185
(4) U.M.B.C.	950	334
(5) Overseas Union Bank	339	80
(6) Lee Wah Bank	331	70
(7) Perwira Habib Bank	54	35
(8) Kwong Yik Bank	161	55

Jikalau kita kira peratus pekerja India di dalam Public Bank hanya 1% dan di Malayan Banking yang mana Kerajaan kita ada mempunyai modal berjuta-juta ringgit tetapi orang India hanya 4% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, jika keadaan ini berterusan, jumlah peluang-peluang pekerjaan di bawah Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, wang sebanyak 10 juta ringgit yang telah diperuntukkan bagi wang pusingan iaitu Revolving Fund adalah didapati tidak cukup bagi menampung keperluan-keperluan orang ramai dalam hal membina rumah bagi mereka. Eloklah sekiranya Kerajaan dapat menambahkannya lebih peruntukan kepada tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang saya suka menyebutkan di dalam Dewan ini ialah mengenai Jabatan Penerangan dan Penyiaran. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah menjadi satu contoh negara yang terbaik sekali bagi mengamalkan toleransi agama dalam mana walaupun agama resmi ialah agama Islam, namun

agama-agama yang lain seperti agama Hindu dibenarkan terus diamalkan oleh penganut-penganutnya. Adalah bertentangan dengan undang-undang dan Rukunegara sekiranya satu-satu tindakan dijalankan bagi memperkecilkan agama-agama yang lain. Baru-baru ini saya dapati satu rancangan agama dalam Bahasa Tamil di Radio Malaysia cuba memperkecilkan serta memperlikan secara tidak langsung agama Hindu. Ini telahpun menyinggung perasaan ramai penganut Hindu di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah merayu kepada Kerajaan supaya ambillah tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam perbuatan ini serta memberhentikan perbuatan ini dengan serta-merta.

Baru-baru ini, Kementerian Penerangan telah memperkenalkan tiga bahasa baru dalam perkhidmatan Suara Malaysia bagi pendengar-pendengar di luar negeri. Duka-citanya, Bahasa Tamil telahpun tertinggal, walaupun rancangan dalam Bahasa Tamil ini didengari oleh ramai pendengar-pendengar di banyak negeri di Asia dan di seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya

merayu kepada Kementerian ini supaya Bahasa Tamil ini dimasukkan dalam perkhidmatan Suara Malaysia pada masa akan datang.

Bidang sukan adalah satu bidang yang mencungkil bakat-bakat baru dari masa ke semasa bagi diperkenalkan kepada masyarakat dalam dan luar negeri. Saya dapati ramai dari pemuda-pemuda kita yang bakal menjadi pemain-pemain handal dalam permainan-permainan yang tertentu sedang mengikuti ulasan selari dari TV dan Radio Malaysia mereka bila sahaja satu pertandingan seperti bola sepak atau hoki diadakan dalam bahasa-bahasa yang lain pada masa-masa yang lepas. Tetapi sekarang siaran dalam bahasa-bahasa yang lain sudahpun diberhentikan. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pekerja-pekerja dewasa di ladang-ladang kita masih belum menguasai dengan baik akan Bahasa Malaysia. Oleh kerana ini, mereka tidak dapat ikuti itu dalam Bahasa Malaysia dan terpaksa menutup Radio atau TV mereka sertamerta. Ini akan menia-siakan bakat-bakat jenerasi kita yang hampa mengikuti ulasan selari dalam bahasa yang mereka mudah fahami. Saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan ambil tindakan bagi mengadakan ulasan selari dalam semua bahasa, termasuk Bahasa Tamil bagi menggalakkan pemain-pemain yang muda kita tampil ke hadapan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, perkara FELDA. Walaupun temu-ramah telahpun diadakan, masih ada sebanyak seribu orang yang sedang menunggu untuk beberapa tahun lamanya bagi ditempatkan di kerja-kerja yang tetap dan tertentu. Jika mereka ini terus menunggu, ini akan membunuh semangat mereka. Saya mencadangkan supaya tindakan yang segera diambil bagi menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi suka melahirkan penghargaan saya serta pujian saya di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia kelmarin dan berharaplah masalah-masalah yang saya timbulkan dalam Dewan yang mulia ini akan menarik perhatian Menteri-menteri dan Jabatan-jabatan yang berkenaan itu serta dibuat sesuatu bagi menyelesaikannya.

6.25 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang Di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini terhadap satu masalah yang mustahak iaitu latihan dan pekerjaan dalam kontek Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah sampai masanya yang sesuai supaya mengingatkan kita sendiri bahawa Dasar Ekonomi Baru dengan matlamat yang besar dan perpaduan nasional hanya boleh dicapai melalui persefahaman dan muhibah antara rakyat berbilang kaum kita.

Dasar Ekonomi Baru mempunyai dua matlamat yang besar, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat kita supaya menghapuskan perbezaan yang mungkin dihasilkan dari perbandingan fungsi ekonomi. Kita berharap dengan kejayaan Dasar Ekonomi Baru, kita akan mencapai perpaduan, keamanan dan kemajuan dalam negara kita. Kita bertanggungjawab mengawasi bahawa matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai melalui pelaksanaan yang adil dan seimbang kerana rakyat berbilang kaum menghadapi nasib yang sama. Kita bersama menentang communism, lain-lain anasir-anasir dan anti-nasional.

Berhubung dengan sasaran pekerjaan menurut rancangan *Outlined Perspective Plan* pekerjaan jika dibandingkan dengan pertumbuhan tenaga buruh yang dijangka adalah dijalankan menumbuhkan lebih kurang sebanyak 3.3% setahun dalam masa rancangan itu.

Dengan ini pengangguran tenaga buruh akan diturunkan sebanyak 7.4% dalam tahun 1970 dan 7% dalam tahun 1975 ke 6.1% dalam tahun 1980 dan 3.6% dalam tahun 1990. Sebelum tahun 1990 pekerjaan sepenuhnya tenaga buruh akan terjamin sekiranya kita memasukkan lebih kurang sebanyak 3% kepada 4% tenaga buruh yang bekerja sendiri. Sungguhpun ada pembukaan sekim-sekim tanah baharu rancangan itu menaksir bahawa kewujudan pekerjaan dalam pertanian hanya terdiri sebanyak 1% setahun semasa rancangan *perspective ringkas* itu.

Sebab, ini satu bahagian besar pertambahan tenaga buruh serta orang-orang kerja sambilan akan diambil dalam bidang-bidang yang bukan berasas pertanian. Untuk menyusun semula komposisi kaum dalam pekerjaan adalah dirancangan bahawa pekerja-pekerja Melayu di dalam industri peringkat pertengahan dan tertinggi akan di-pertambahkan selanjutnya dalam masa yang sama. Peluang-peluang yang secukupnya akan juga diwujudkan bagi rakyat Malaysia yang lain khasnya rakyat berketurunan China supaya mengadakan bidang pertanian.

Projek-projek tenaga manusia telah menunjukkan bahawa semua kaum akan menikmati faedah dari penyusunan semula corak pekerjaan itu dengan pertambahan besar bagi golongan Melayu dalam sektor-sektor ekonomi moden, kerana pada masa ini tidaklah banyak golongan Melayu mengadakan bidang-bidang pekerjaan itu. Kera-

jaan telah menjalankan pelajaran dan latihan dengan bersungguh-sungguhnya supaya mengeluarkan tenaga manusia Melayu dan lain-lain bumiputra dengan secukupnya. Walau bagaimanapun Kerajaan juga ketahui bahawa pengeluaran secukupnya bilangan tenaga manusia itu tidak boleh didapati dengan serta-merta kerana keperluan tenaga manusia mahir sentiasa di-pertambahkan. Oleh yang demikian, Kerajaan akan mengambil satu tindakan flexible dalam perlaksanaan penyusunan semula sektor-industri moden.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung lagi pada hari esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 22hb Mac, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.